

Bil. 85

**Khamis
18 Disember 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DIBAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Badan Kehakiman Salah Guna Kuasa dan Rasuah - Siasatan
Surat Layang
- *Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)*

(Ruangan 1)

RANGUNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1997

(Ruangan 2)

Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan
Pemulihan (Pindaan) 1997)

(Ruangan 13)

Rang Undang-undang Pembekalan Air (Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur) 1997

(Ruangan 38)

Rang Undang-undang Tatacara Jenayah (Pindaan) 1997

(Ruangan 47)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan
Mesyuarat dan Penangguhan

(Ruangan 28)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Taph)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

Yang Berhormat Puan Chua Soon Bui (Tawau)

- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henryus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
“	Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

Yang Berhormat	Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
“	Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
“	Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
“	Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
“	Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
“	Tuan Radin Malleh (Tenom)
“	Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
“	Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
“	Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
“	Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
“	Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
“	Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
“	Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
“	Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
“	Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
“	Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
“	Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
“	Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
“	Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
“	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
“	Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
“	Tuan Tiong Thai King (Lanang)

- Yang Berhormat Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelevu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Salamat
Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 18 Disember 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI
BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18**

**Badan Kehakiman Salahguna Kuasa dan Rasuah
- Siasatan Surat Layang**

2.33 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, saya di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2) ingin saya memberi pemberitahu bahawa saya ingin mendapat izin untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk membincang satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan, iaitu masalah Malaysia perlu dengan segera mengambil balik bantuan US\$2 bilion kepada Indonesia dan Thailand untuk membantukan negara mengatasi krisis kewangan dan kekurangan dana di kalangan perniagaan kecil dan sederhana, dan usul saya berbunyi:

Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ahli Parlimen kawasan Kota Melaka, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng menangguhkan Majlis Mesyuarat ini untuk membincang masalah Malaysia perlu dengan segera mengambil balik bantuan US\$2 bilion kepada Indonesia dan Thailand untuk membantukan negara mengatasi krisis kewangan dan kekurangan dana dengan membolehkan kemudahan US\$2 bilion ini tersedia dan diberikan kepada perniagaan kecil dan sederhana kerana ia adalah satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak krisis ekonomi bermula pada bulan Mei 1997 rakyat Malaysia dan perniagaan kecil dan sederhana telah menanggung kesusahan yang tidak langsung diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. Nilai mata wang Ringgit telah jatuh lebih 56% daripada RM2.50 kepada US\$1.00 ke tahap RM3.92 pada 15 Disember 1997. Dengan anggaran Laporan Ekonomi 1997/1998 GNP

perkapita sebanyak RM12,102 untuk 1997 bermakna penurunan nilai mata wang Ringgit sebanyak 56% telah menyebabkan kerugian sebanyak RM6,777 kepada setiap rakyat Malaysia ataupun kerugian hampir RM136 bilion untuk 20 juta rakyat Malaysia.

Di samping itu, kejatuhan nilai pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur daripada RM807 bilion pada akhir tahun 1996 kepada RM364 bilion semalam pada 16 Disember 1997 ataupun kehilangan besar sebanyak RM443 bilion adalah sungguh menakutkan. Kehilangan dalam nilai mata wang Ringgit dan nilai pasaran BSKL telah membawa penderitaan besar kepada rakyat dalam bentuk inflasi barang keperluan, pembekuan gaji dan kemerosotan tarap hidup.

Bagi perniagaan kecil dan sederhana pula masalah mereka bertambah lebih serius kerana menghadapi kemungkinan bankrap dan muflis bukan kerana mereka tidak beruntung tetapi kerana tidak boleh mendapat pinjaman daripada institusi kewangan untuk menjalankan perniagaan mereka. Sekatan ke atas pinjaman bank telah sampai ke tahap kemudahan overdraft yang tidak digunakan oleh peminjam-peminjam ditarik balik. Contohnya, kalau saya ada kemudahan overdraft sebanyak RM1 juta dan hanya gunakan RM200,000, baki kemudahan RM800,000 akan ditarik balik dan hanya dibenarkan menikmati kemudahan overdraft sebanyak RM200,000 bukan RM1 juta. Ini menyebabkan banyak perniagaan tidak dapat mengutip hutang atau pembayaran untuk barang penjualan mereka dengan kekurangan dana beratus-ratus bilion ringgit disebabkan oleh krisis dalam pasaran saham dan tukaran wang asing serta ditambah lagi sekatan terhadap pinjaman bank telah menyebabkan banyak perniagaan tidak mempunyai wang tunai untuk membayar pinjaman bank ataupun gaji pekerja mereka sungguhpun mereka beruntung.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah tertentu dan berkepentingan orang ramai, kerana tanpa bantuan dari pihak kerajaan mengatasi masalah mudah tunai (cash-flow) perniagaan kecil dan sederhana adalah dikhuatiri banyak perniagaan akan tutup pintu dan menggulung tikar sebelum kongsi raya bulan depan. Ini akan membawa kesan besar kepada pekerja dan keluarga mereka serta ekonomi negara. Satu langkah yang harus diambil dengan segera ialah untuk membatalkan dan memanggil balik bantuan US\$1 bilion kepada Indonesia dan US\$1 bilion kepada Thailand yang diberikan untuk mengatasi krisis kewangan masing-masing.

Adalah sungguh luar biasa Malaysia membantu Thailand yang dipersalahkan oleh Malaysia sebagai mencetuskan krisis ekonomi di rantau ASEAN. Memandangkan bahawa krisis ekonomi kedua-dua buah negara adalah sangat serius, adalah jelas bantuan US\$1 bilion tidak akan membawa sebarang kesan positif kepada ekonomi mereka. Oleh itu, adalah lebih baik Malaysia menggunakan US\$2 bilion ini untuk rakyat sendiri sungguhpun US\$2 bilion bukanlah satu jumlah besar. Tetapi ia adalah sangat penting untuk berpuluh-puluh ribu perniagaan kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini harus disegerakan supaya perniagaan kecil dan sederhana boleh diselamatkan daripada bankrap. Dewan yang mulia ini harus ditangguhkan untuk menunjukkan bahawa kerajaan peka dan mengambil berat tentang masalah krisis kewangan perniagaan kecil dan sederhana, bukan sahaja perniagaan besar yang kerana penyelewengan, cronisme dalam pemberian kontrak serta pinjaman lebihan oleh bank-bank telah mengakibatkan krisis ekonomi kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahuan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka pada 17 Disember 1997 jam 1.15 petang. Teks itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai, dan syarat yang ketiga ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara tertentu. Ia adalah bagi kepentingan orang ramai. Tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. Lagi pun kita baru selesai membahaskan perbelanjaan negara dalam mana perkara seperti ini boleh dibangkitkan. Pada ingatan saya ada Ahli yang menyentuh soal ini di dalam perdebatan.

Selain daripada itu, kita sebagai sebuah negara yang berdaulat telah pun membuat satu komitmen kepada negara-negara yang berkenaan. Ini bererti perkara ini telah melibatkan hubungan diplomatik jika negara kita tidak menunaikan komitmen kita. Sebagai sebuah negara sahabat dan lagi berjiran kita tidak seharusnya membatalkan komitmen yang telah

pun diperbuat ini. Ini melibatkan maruah negara, dan maruah negara adalah satu aset yang tidak ternilai harganya.

Lagi pun saya difahamkan Indonesia dan Thailand sehingga hari ini belum lagi menggunakan bantuan ini. Tambahan pula bantuan ini adalah di dalam bentuk pinjaman yang perlu dibayar balik. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [17 Disember 1997]

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan menyambung ucapan.

2.43 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya telah pun memberitahu Dewan secara amnya cadangan-cadangan pindaan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, maka sekarang saya ingin masuk kepada peruntukan secara terperinci bagi pindaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan utama yang terdapat di dalam Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1997 adalah seperti berikut:

1. Peruntukan Menubuhkan Pendaftaran Kapal Antarabangsa Malaysia.

- (a) Peruntukan bagi mewujudkan pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia adalah melalui pengwujudan satu bahagian baru, iaitu bahagian 2(2)(c) di dalam Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 yang merupakan satu sistem pendaftaran kapal yang dikhaskan untuk syarikat-syarikat perkapalan asing.
- (b) pengwujudan pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia ini akan memberi galakan kepada syarikat-syarikat perkapalan asing mendaftarkan kapal-kapal mereka di Malaysia tanpa memenuhi

syarat keperluan majoriti pegangan saham mesti berada di tangan rakyat Malaysia seperti yang disyaratkan sekarang ini. Di bawah sistem ini pemegang ekuiti dibolehkan sehingga 100% berada di tangan rakyat asing.

- (c) Namun demikian, kelonggaran ini adalah tertakluk kepada beberapa syarat yang mana lazimnya dikenakan bagi pendaftaran antarabangsa sepertimana yang diamalkan di negara-negara lain. Syarat-syarat yang dikenakan adalah untuk menentukan pertumbuhan positif pendaftaran kapal antarabangsa negara yang turut mengambil kira keperluan-keperluan keselamatan, pencegahan, pencemaran serta kehendak-kehendak instrumen dan konvensyen antarabangsa. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

- (i) syarikat perkapalan berkenaan hendaklah melantik seorang pengurus kapal ataupun ship manager, dengan izin, yang hendaklah merupakan seorang rakyat Malaysia atau sebuah syarikat yang berdaftar di Malaysia;
- (ii) syarikat perkapalan berkenaan hendaklah mempunyai modal berbayar minimum 10% daripada harga kapal yang pertama didaftarkan ataupun RM1 juta yang mana yang lebih tinggi;
- (iii) kapal yang didaftarkan adalah:
 - kapal yang mempunyai sistem penggerak mekanikal atau mechanical propulsion, dengan izin;
 - tidak kurang daripada 1,600 tan kasar; dan
 - berumur tidak lebih daripada 15 tahun bagi kapal-kapal tangki serta pukal dan tidak lebih daripada 20 tahun bagi kapal-kapal yang lain.

Menteri Pengangkutan walaupun mempunyai kuasa untuk mengecualikan mana-mana kapal daripada syarat ini, tetapi syarat-syarat ini akan diteliti terlebih dahulu sebelum Menteri Pengangkutan akan membuat keputusan. Kapal-kapal yang didaftarkan di bawah pendaftaran ini turut dikenakan yuran tahunan sebanyak 30 sen Malaysia bagi setiap tan kasar. Dengan terwujudnya pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia ini,

angkatan perkapalan Malaysia dijangka akan bertambah bagi menampung permintaan pengangkutan perdagangan Malaysia. Ini juga dapat menyumbangkan kepada pembangunan dan kemajuan aktiviti perkhidmatan maritim sampingan ataupun maritime ancillary services, dengan izin, bagi menyokong industri perkapalan negara dan seterusnya membawa industri perkapalan negara ke satu tahap yang lebih tinggi lagi.

2. Peruntukan Perlesenan Perkapalan Dalam Negeri

- (a) Rang Undang-undang Perkapalan S a u d a g a r (Pindaan) 1997 ini mencadangkan m e m a s u k k a n perkhidmatan atau services, dengan izin, sebagai satu aktiviti perkapalan dalam negeri atau domestic shipping, dengan izin, dengan meminda "takrif" di dalam ordinan perkapalan saudagar 1952 yang sedia ada. Pada ketika ini takrif tersebut hanya merujuk kepada pengangkutan barangan atau penumpang sahaja. Ini bermakna bahawa aktiviti perkhidmatan yang ditawarkan oleh kapal-kapal di dalam perairan wilayah Malaysia dan zon ekonomi eksklusif kini menjadi satu aktiviti perkapalan dalam negeri dan dengan itu perlu mempunyai lesen perkapalan dalam negeri.

Pindaan ini turut bermakna bahawa kapal-kapal yang didaftarkan di bawah pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia yang diwujudkan di bawah bahagian 2C tersebut dibolehkan menjalankan aktiviti perkapalan dalam negeri setelah dilesenkan termasuk aktiviti-aktiviti perkhidmatan. Ini merupakan satu pembukaan aktiviti perkhidmatan kepada kapal-kapal di dalam jenis bahagian 2C berkenaan. Contoh aktiviti-aktiviti perkhidmatan ialah pengukuran seismic, pemasangan kabel dasar laut, pembekalan minyak, pengerukan, perkhidmatan barges untuk pelantar minyak dan sebagainya.

- (b) Pindaan ini juga dilakukan di atas dasar bahawa aktiviti perkhidmatan pada masa ini tidak terkawal sebagai satu aktiviti oleh perkapalan dalam negeri, dan oleh itu, banyak kapal-kapal asing bebas menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut tanpa keperluan lesen perkapalan dalam negeri.

Pindaan ini juga akan membolehkan Lembaga Pelesenan Perkapalan Dalam Negeri mengawal aktiviti ini melalui pengeluaran lesen.

3. Peruntukan Mengemaskan Takrif Bot

- (a) Peruntukan berhubung dengan pelesenan bot di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 pada masa sekarang adalah bagi bot-bot di bawah 500 tan yang terlibat dalam perdagangan atau perniagaan sahaja. Peruntukan ini didapati tidak mencukupi memandangkan banyak lagi aktiviti lain yang wajar turut dikawal dengan cara pengeluaran lesen yang mana akan menyumbang kepada tahap keselamatan pelayaran. Oleh itu, pindaan yang dicadangkan adalah bagi tujuan memerlukan bot-bot yang terlibat dalam aktiviti riadah ataupun rekreasi turut dilesenkan. Pindaan tersebut juga akan membolehkan pelaksanaan sistem pelesenan bot yang lebih menyeluruh yang merangkumi bot-bot perdagangan, bot-bot persendirian, bot-bot rekreasi dan lain-lain lagi.

4. Peruntukan Berhubung dengan Sijil Pendaftaran Sementara (Provisional Certificate of Registry)

- (a) Pindaan yang dicadangkan mengenai perkara ini adalah untuk mengemaskan peruntukan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 berkaitan dengan tempoh sah laku sijil pendaftaran sementara (provisional certificate of registry) yang dikeluarkan kepada kapal-kapal yang berhasrat untuk didaftarkan di Malaysia. Pada ketika ini tempoh sah laku sijil berkenaan tidak mempunyai had tempoh di mana ianya sah sehingga kapal tersebut sampai di mana-mana pelabuhan Malaysia yang mungkin mengambil masa yang lama. Pindaan ini mengehadkan tempoh sah laku sijil berkenaan kepada hanya satu tahun sahaja. Ini adalah beresesuaian dengan sijil tersebut yang bersifat sementara dan tidak sewajarnya mempunyai tempoh sah laku tanpa had. Tindakan mengehadkan sah laku sijil tersebut akan turut membolehkan pengawalan ke atas kapal-kapal berkenaan dengan mengurangkan salah guna ataupun abuse, dengan izin, terhadap sijil tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara-perkara yang terkandung dalam Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1997. Saya ingin turut memaklumkan bahawa Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) ini akan melibatkan perbelanjaan wang bagi mewujudkan sumber untuk melaksanakan pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia. Namun demikian, kos yang akan terbabit adalah minimum dan akan jauh dilebihi oleh kebaikan yang akan diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

2.54 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam rang undang-undang untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 yang dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya jika Jabatan Marin di bawah kementerian beliau tidak dapat mendaftarkan dan mengiktiraf semua kapal-kapal sebelum 1 Julai 1998, industri perkapalan negara akan menghadapi krisis, kerana semua kapal-kapal Malaysia khususnya kapal-kapal saudagar akan dilarang memasuki pelabuhan antarabangsa. Kalau kapal-kapal dilarang memasuki pelabuhan antarabangsa segala perdagangan menerusi laut akan diakhiri dan tamat dan negara akan mengalami kerugian berbilion-bilion ringgit. Malah Naib Pengerusi Malaysian Ship Owners Association (MASA), dengan izin, Dr. Nik M. Zain, dalam satu kenyataan akhbar pada 8 Disember tahun ini menimbulkan keraguan sama ada Jabatan Marin sempat meluluskan sijil kepada syarikat dan kapal di bawah, dengan izin, document of compliance (DOC) dan safety management certificate (SMC) sebelum tempoh masa berakhir pada 1 Julai 1998.

Malaysia Ship Owners Association (MASA) bimbang bahawa kekurangan kakitangan mengeluarkan sijil dalam Jabatan Marin ini masih

belum diatasi memandangkan hanya tinggal enam bulan sahaja. Tanpa sijil itu tidak adalah sebarang kapal milikan Malaysia boleh memasuki pelabuhan antarabangsa. Lagi pun International Maritime Organisation (IMO) enggan memberikan lanjutan masa selepas 1 Julai 1998. Sehingga sekarang hanya Petronas dan Pasific Ship Managers menerima sijil pengesahan. Manakala Net Line Berhad di mana Dr. Nik Zain ialah eksekutifnya hanya dijangka diaudit untuk document of compliance (DOC) dalam masa satu atau tiga bulan lagi.

Memandangkan ada banyak syarikat lagi yang belum mendapat sijil pengesahan, persoalan timbul sama ada pendaftaran dan pengesahan sijil sempat dilakukan dalam masa enam bulan ini. Segala pakej DOC dan SMC akan mengenakan kos sebanyak atau menelan kos sebanyak US\$25,000. Saya ingin tahu mengapa kos ini begitu tinggi dan adakah pihak swasta yang ditugaskan untuk menjalankannya? Mengapa pula hanya Petronas dan Pasific Ship Managers mendapat keistimewaan dengan mendapat pengesahan sijil lebih awal berbanding dengan syarikat-syarikat lain tetapi tidak pula kapal-kapal dan syarikat-syarikat lain.

Adalah dikesali Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sekali lagi menunjukkan beliau tidak mengambil berat dan prihatin tentang masalah serius ini yang boleh memburukkan krisis ekonomi yang kini dihadapi oleh negara. Beliau sekali lagi tidak peduli dan telah mengambil sikap etika kerja ke atas kementeriannya yang sama ditunjukkan dengan prestasinya di Parlimen. Dalam Parlimen beliau merupakan salah satu menteri yang paling malas datang ke Parlimen dengan rekod kehadiran hanya 12% tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bersangkut, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Sangkut tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bersangkut dia tidak datang ke Parlimen.

Tuan Lim Guan Eng: Kerana Dr. Nik M. Zain telah pun menyatakan bahawa beliau telah sampaikan perkara ini kepada pihak kementerian, tetapi nampaknya tidak ada sebarang jawapan ataupun tindak balas oleh pihak kementerian. Rekod kehadiran dan prestasi etika kerja yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri kalau dibanding dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebanyak 30% adalah....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bersangkut, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Berkaitan dengan perkara yang sama, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak bersangkut, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Adalah dikesali bahawa...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat. Berucap yang lain.

Tuan Lim Guan Eng: Adalah dikesali dengan menangani krisis ekonomi dalam perkara yang begitu asas untuk industri perkapalan, perkara ini belum diambil perhatian serius memandangkan bahawa kita hanya tinggal enam bulan sebelum tempoh masa yang ditetapkan oleh International Maritime Organisation luput. Di sini MASA dan pemilik kapal di rantau Asia juga risau tentang taraf atau standard jurukapal atau pilot, dengan izin dan pihak yang menasihati kapal-kapal tentang jalan yang harus diambil apabila mendekati pelabuhan.

Apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan standard ini. Keselamatan kapal dan pelabuhan adalah penting yang hanya boleh dijamin dengan jurukapal yang profesional dan terlatih. Saya percaya kita tidak mahu kes-kes di mana jurukapal yang membawa kapal kontena generasi kelima atau yang melebihi 5,300 TEU masuk ke pelabuhan tanpa mempunyai kelayakan yang sewajarnya. Pentingnya jurukapal atau pilot terlatih tidak boleh diketepikan demi menjamin keselamatan nyawa dan mengelakkan kerugian kewangan.

Contohnya, kemalangan bulan lepas di antara sebuah kapal dan pontoon atau barge di Pelabuhan Sibul dan juga di Pelabuhan Klang, sungguhpun perkhidmatan yang diberikan oleh jurukapal. Apakah sebab kemalangan itu berlaku dan nyatakan jumlah kemalangan kapal setiap tahun sejak 1990 di setiap pelabuhan dalam negara ini. Adakah pihak kementerian sedar tentang peningkatan kemalangan kapal di seluruh negara dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkannya. Pada masa yang sama gaji jurukapal mesti ditingkatkan untuk mencerminkan tugas mereka yang profesional dan terlatih. Mengapakah kesemua ini gagal diuruskan oleh pihak kementerian untuk menjamin standard piloting.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1996 Malaysia mengalami defisit akaun semasa sebanyak RM18.8 bilion. Komponen freight dan insurans adalah sebanyak 45% ataupun RM8.6 bilion. Apakah langkah yang diambil untuk mengurangkan komponen ini yang menyumbang 45% kepada akaun defisit semasa negara. Saya ingin mencabar

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menunjukkan kemampuan beliau dengan menurunkan defisit ini sebanyak 20%, sebanyak RM1.72 bilion kepada RM6.88 bilion. Kalau kerajaan ingin menurunkan perbelanjaan sebanyak 20% beliau harus menerima cabaran menurunkan sumbangan akaun defisit semasa daripada komponen freight dan insurans sebanyak 20% juga untuk membantu memulihkan ekonomi negara.

Apakah gunanya hanya potong gaji 10% kalau tidak berjaya melaksanakan tugasnya sebagai seorang Menteri. Saya ingin minta pihak kementerian menunjukkan angka tentang kedudukan bilangan kapal saudagar dan tahap kesibukan dalam pelabuhan-pelabuhan kita. Mengapakah sehingga sekarang sistem komputer maklumat masih belum dipasang di Pelabuhan Klang untuk mempercepatkan penurunan kargo. Sebarang kelewatan akan membawa kerugian ekonomi besar. Dalam keadaan ekonomi meleset yang tidak membenarkan perbelanjaan berlebihan hanya kegunaan sumber yang sedia ada boleh mempertingkatkan produktiviti dan pendapatan. Untuk menangani masalah kenaikan kos, sistem electronic data processing (EDP) yang menyokong optimisation terminal, dengan izin, yang sedia ada merupakan langkah yang paling kos efektif. Adakah sistem EDP ini telah pun diperkenalkan dan telah dipakai dalam pelabuhan-pelabuhan kita.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri yang tidak ada di sini boleh lebih gigih menjalankan tugasnya untuk memastikan pelabuhan kita dapat memberikan sumbangan dan juga bahawa kapal-kapal kita boleh mendapat pengiktirafan dan pengesahan sijil supaya kita tidak dimalukan dengan keadaan di mana kapal-kapal tidak boleh masuk ke pelabuhan kerana tidak mendapat sijil yang diiktiraf sepertimana yang diperlukan oleh International Maritime Organisation. Janganlah hanya minat ke atas perniagaan anaknya sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bintulu.

3.04 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Setelah meneliti undang-undang untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, saya mendapati peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam beberapa fasal seperti Fasal 2 untuk memasukkan Subseksyen baru 26(2) dan 26(3) mengenai penetapan tempoh pengesahan maksimum bagi perakuan pendaftaran sementara suatu kapal. Fasal 3 berkaitan perkapalan

domestik. Fasal 4 berkaitan dan memperkenalkan pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia, kuasa menteri menentukan mana-mana satu pelabuhan Malaysia sebagai tempat pendaftaran kapal antarabangsa Malaysia.

Keseluruhannya saya mendapati rang undang-undang ini bertujuan menaiktarafkan sektor perkapalan saudagar di Malaysia bagi mengejar industri perkapalan luar negeri yang sudah jauh maju. Tabung Perkapalan yang dilancarkan sebelum ini untuk pihak yang terlibat dalam industri perkapalan tidaklah kita ketahui kedudukannya. Namun langkah meningkatkan negara kita sebagai pendaftar kapal antarabangsa Malaysia adalah langkah permulaan yang baik bagi menggalakkan anak-anak tempatan meneroka bidang perkapalan.

Setakat ini nama-nama seperti PSC, MISC, Konsortium Perkapalan dan Halim Majmin merupakan nama yang tidak asing, namun sumbangan mereka masih dianggap kecil. Barangan eksport dan import Malaysia masih banyak menggunakan kapal asing. Ini merugikan ekonomi Malaysia sendiri. Bilangan kapal Malaysia tidaklah sebanyak kapal asing. Sebanyak 90% perdagangan luar Malaysia adalah menerusi jalan laut. Banyak wang telah mengalir keluar untuk bayaran tambang dan insurans kepada syarikat perkapalan asing. Kerajaan harus mengambil langkah-langkah berkesan untuk menyekat kecenderungan yang merugikan negara. Lebih dari 100 kapal yang melalui Selat Melaka setiap hari berapa sangat kapal Malaysia. Mengapakah Malaysia tidak ada perancangan yang jelas untuk menjadi negara perkapalan yang besar di rantau ini sedangkan potensi Malaysia berbuat demikian sangat baik seperti negara kita dikelilingi laut, seperti di Sabah dan Sarawak, dan negara kita terletak di laluan utama perjalanan kapal-kapal antarabangsa.

Pelabuhan-pelabuhan negara seperti Pulau Pinang, Pulau Langkawi, Pelabuhan Klang, Pasir Gudang, Kuantan, Kuching, Tanjong Manis, Miri, Bintulu, Labuan, Sandakan dan sebagainya berpotensi dimaju dalam jangka masa depan. Misalnya, Pelabuhan Bintulu yang dikenali sebagai pelabuhan laut dalam dan terletak di depan Laut Cina Selatan dan terbentang luas, mampu dibangunkan menjadi pelabuhan utama dan antarabangsa bagi Malaysia Timur.

Yang Berhormat Menteri diberi kuasa memilih mana-mana pelabuhan untuk dijadikan tempat pendaftaran perkapalan antarabangsa Malaysia, boleh memilih Bintulu kerana ia merupakan

pelabuhan laut dalam dan terletak di luar Selat Melaka yang sibuk. Ini suatu langkah untuk mempercepatkan proses pertumbuhan dan kemajuan industri di Sabah dan Sarawak. Jika kerajaan tidak berani membuat keputusan selama itulah tahap pembangunan dan kemajuan ekonomi Sabah dan Sarawak sangat lembab. Untuk membolehkan kapal-kapal Malaysia berlayar ke pelosok dunia dan membanjiri pelabuhan-pelabuhan utama seluruh dunia memerlukan barisan pengurus dan anak-anak kapal yang terlatih, mahir, mempunyai daya juang yang tinggi serta menguasai ilmu pelayaran yang terbaik. Apakah Akademi Laut Malaysia sudah mengeluarkan ramai graduan muda yang cukup bagi menyahut cabaran ini.

Dengan kecekapan angkatan kapal Malaysia yang diterajui oleh anak muda Malaysia belayar membelah laut seluruh dunia sambil membawa barang dagangan, Malaysia mampu dikenali negara pelayaran baru. Cita-cita ini akan terpendam sahaja jika kita terus bergantung kepada kapal-kapal asing. Sejarah membuktikan bahawa warga Malaysia mampu mengharungi lautan luas. Jadi, tidak ada sebab Malaysia mengorak langkah meneroka bidang pelayaran dan pengangkutan laut sebagai satu sumber pendapatan negara yang baru menyaingi kapal-kapal antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kuasa menteri mengisytiharkan mana-mana tempat atau mana-mana pelabuhan di Malaysia sebagai pelabuhan bagi pendaftaran kapal-kapal antarabangsa Malaysia di bawah Fasal 4, Seksyen 66A., saya ingin mencadangkan supaya Bintulu dinaiktaraf sebagai pelabuhan laut dalam untuk Malaysia Timur sekali gus menjadikannya pelabuhan bagi pendaftaran antarabangsa Malaysia. Pada pendapat saya Bintulu berpotensi menjadi sebuah pelabuhan maju kerana kedudukan yang strategik, perjalanan atau laluan kapal-kapal antarabangsa di Laut Cina Selatan. Sebagai pelabuhan terbuka luas dan mempunyai laut dalam, Pelabuhan Bintulu mampu menarik kapal-kapal dagang yang menggunakan Laut Cina Selatan sama ada dari Singapura, Filipina, Hong Kong, Tanjung Periuk singgah di Pelabuhan Bintulu.

Pada masa ini, Pelabuhan Bintulu mempunyai dermaga panjangnya 515 meter dan melabuhkan empat hingga lima kapal yang panjang dan berat, setiap sebuah ialah 180 meter dan 25,000 tan. Itu ialah dermaga kargo am. Bagi dermaga kargo berat pula panjang dermaga hanya 250 meter sahaja, sedangkan kapal sepanjang 180 meter dan seberat 80,000 tan boleh berlabuh. Ini menunjukkan ia berupaya dimajukan lagi asalkan ada perancangan dan pelaksanaan bersungguh-sungguh dari kerajaan.

Rancangan pelan induk perindustrian koridor Malaysia Timur yang selama ini didakwa telah dilaksanakan secara perlahan dan berperingkat-peringkat dan Industrial Plan Kedua tidak akan lengkap tanpa menjadikan Bintulu sebagai pelabuhan utama. Lagi pun Kuching yang selama ini menjadi pelabuhan utama Sarawak belum ada mempunyai ciri-ciri menarik seperti laut dalam. Jika kerajaan tidak berani memindahkan sebahagian pentadbiran maritime negara ke Sarawak seperti menjadikan Bintulu tempat atau pelabuhan pentadbiran kapal-kapal antarabangsa Malaysia, saya tidak nampak Sabah dan Sarawak akan bergerak lebih cepat sebagai kawasan industri baru.

Satu aspek yang tidak boleh diketepikan dalam dunia perkapalan ialah kemalangan laut yang melibatkan kapal-kapal dagang berbanding dengan perairan Sabah dan Sarawak. Selat Melaka yang panjangnya 500 kilometer dan berkeadaan cetek di setengah tempat menyebabkan kemalangan laut yang tinggi. Jumlah kemalangan sepanjang tahun 1978 hingga 1994 terdapat 446 kemalangan melibatkan kargo kapal pembawa minyak, kapal penumpang dan kapal nelayan. Walaupun difahamkan kerajaan memperkenalkan sistem perkhidmatan trafik kapal (vessel traffic, traffic services) dengan pemasangan sembilan stesen radio berpengkal di pantai bagi mengawasi pergerakan kapal-kapal di Selat Melaka yang menelan belanja RM100 juta masih lagi belum diluluskan oleh Pertubuhan Maritime Sedunia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menegaskan di sini supaya pihak berkuasa meningkatkan pembanterasannya lanun-lanun yang berkeliaran dan menyerang kapal-kapal dagang di Selat Melaka, Laut Cina Selatan dan perairan Sabah dan Sarawak, di samping meningkatkan rondaan, pemeriksaan kapal-kapal dagang juga harus dibekalkan senjata ringan bagi mempertahankan diri dari serangan lanun-lanun. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Teluk Intan.

3.13 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian membahaskan dalam suatu akta meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Saya ingin mengalu-alukan peruntukan pendaftaran kapal antarabangsa yang dibentangkan hari ini. Saya ingin tahu bila pendaftaran perkapalan ini dibuat di Malaysia? Adakah ia akan menjadi satu centre di rantau ini dan adakah satu pejabat pendaftaran ini akan berada di setiap tempat di mana perkapalan selalu menuju seperti di Lumut, Pulau Pinang dan tempat-tempat lain sebagainya.

Juga bila pendaftaran perkapalan dibuat, adakah maklumat-maklumat pendaftaran kapal akan diberi kepada sesiapa yang memohonnya, seperti untuk kereta-kereta yang telah terlibat dalam kemalangan, pihak-pihak yang berkenaan dapat menulis kepada JPJ untuk mendapat siapakah pemilik dan sebagainya. Adakah ia juga akan terjadi kepada perkara selepas pendaftaran kapal-kapal dibuat, dan apakah fee untuk mendapat maklumat-maklumat pemilik kapal-kapal itu? Selain daripada itu, adakah pejabat pendaftaran ini akan berada dikatakan di Lumut dan Pulau Pinang atau di 'centralise' di Kuala Lumpur sahaja. Adakah kita akan computerise semua hal ini supaya perkara ini dapat lebih efisien dan lebih terbuka?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin menyentuh Fasal 5, iaitu di antara Seksyen 473A di mana dicadangkan bahawa kapal-kapal yang kurang dari 500 gross tonnage, dengan izin, yang akan digunakan di sungai-sungai atau di costal waters yang berkaitan dengan trade or business, adakah kapal-kapal ini perlu didaftarkan, dan jika tidak didaftarkan apakah tindakan yang akan diambil, dan macam mana kementerian dapat memastikan bahawa kapal-kapal ini akan didaftarkan, dan apakah jangka masa yang difikirkan sebelum kapal-kapal ini patut didaftarkan.

Dalam perkara ini saya ingin tahu walaupun dalam akta yang dibentangkan hari ini, adakah kapal-kapal yang didaftarkan ini akan dimestikan bahawa semua kapal yang didaftarkan dimestikan dengan insurans. Adakah insurans coverage itu dimestikan sebelum pendaftaran diluluskan. Jika tidak, ia tidak membawa apa-apa makna, kerana baru-baru ini apabila di kawasan saya di Teluk Intan, bila dua kapal telah berlanggar dekat sungai di Teluk Intan, bila tindakan ingin diambil kita tidak dapat pastikan siapakah pemilik dan yang menyusahkan adalah pemilik itu tidak mempunyai apa-apa insurans. Jadi, dalam keadaan macam ini macam manakah kementerian dapat memastikan bahawa pihak-pihak berkenaan akan diberi pertolongan. Dalam keadaan macam ini macam manakah kementerian dapat memberi tunjuk ajar atau information yang perlu kepada pihak-pihak yang menggunakan kapal-kapal di dalam sungai-sungai yang berkaitan di negara ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab.

3.18 pgt.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih

kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka, Bintulu dan Yang Berhormat dari Teluk Intan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan) 1997.

Yang pertama adalah mengenai apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sebenarnya saya merasa amat hairan sebab beliau selalu datang ke Parlimen tetapi banyak perkara yang tidak patut ataupun tidak berupaya ditanya, beliau pun guna masa ini untuk tanya. Bagi saya ini adalah satu tindakan yang tidak harus diamal di Dewan ini. Sebab seperti kita semua maklum laporan Pelabuhan Klang dan semua pelabuhan telah pun diberikan kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Kalau kita berhati-hati, kita balik, ada masa kita baca laporan itu, kita sudah tahu semua informasi maklumat yang diberikan di situ.

Tetapi walau bagaimanapun, ingin saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat, iaitu Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah pun dalam beberapa tahun ini berusaha dengan sedaya-upaya supaya sistem pengangkutan di negara ini dapat diselaraskan, dapat disempurnakan dengan sebaik-baik lagi. Bagi Pelabuhan Klang pula ataupun di bidang maritim Menteri Pengangkutan telah pun berusaha dengan gigih supaya tahap Pelabuhan Klang dan juga pelabuhan-pelabuhan lain di negara kita telah dapat berhasil. Ini semua oleh kerana Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, beliau telah mengambil berat di semua bidang, khususnya bidang maritime, sebab bidang maritime merupakan salah satu bidang yang begitu penting bagi negara kita.

Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, ingin saya memberitahu iaitu kerajaan melalui Jabatan Marin telah pun mengambil berat, iaitu memang kita tahu sebelum sebelum 1 Julai 1998 semua kapal yang didaftarkan akan mengadakan sijil. Memang tidak salah dia kata ada banyak kapal yang masih tidak mempunyai sijil itu. Ini saya mengakui tetapi jangan seolah-olah macam bila satu berita diberitahu, dia dengar, beliau terus masuk Dewan dan mendakwa sekian-sekian kementerian tidak mengambil berat. Kita semua mengambil berat dan kita akan memberi kepastian iaitu kita akan mencapai hasrat kita semua sebelum dateline itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keselamatan kapal-kapal yang masuk pelabuhan kita pula.

Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Hendak berijalan, Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: Saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ambil berat, tetapi Menteri saya rasa tidak ambil berat. Oleh sebab itu, saya hendak bertanya, berapakah bilangan kapal yang masih belum mendapat sijil pengesahan, dan apakah tempoh masa yang mereka perlu memakan masa untuk mendapat sijil itu, dan kalau disebutkan oleh Malaysian Ship Owners Association (MASA) bahawa ada kekurangan kakitangan, berapakah kakitangan yang kurang yang menyebabkan kelewatan sijil ini. Apakah ini sangat penting seperti yang saya nyatakan tadi, kalau sampai deadline 1 Julai, ini bermakna mana-mana pelabuhan tidak boleh masuk dan ini akan mencacatkan industri perkapalan saudagar di negara kita.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi kita memberi jaminan iaitu semua akan dapat dokumen-dokumen yang sempurna tetapi jika saya ditanya pada masa ini iaitu berapa buah kapal lagi masih belum dapat itu, mungkin saya minta notis dan akan memberi jawapan secara bertulis. Sebab saya percaya tidak begitu adil iaitu serta-merta saya hendak jawab itu.

Mengenai kemalangan di pelabuhan-pelabuhan kita ingin saya memberitahu iaitu semua jurukapal ataupun pilots yang diambil untuk menjadi jurukapal adalah terlatih, dipilih dan dilesenkan oleh satu jawatankuasa, iaitu dinamakan Pilot Committee bagi memastikan competency yang tinggi. Untuk menunjukkan iaitu kemalangan yang berlaku di pelabuhan-pelabuhan kita, pada tahun 1995 memang terdapat melebihi 137 kemalangan. Tetapi sukacita saya memberitahu iaitu pada 1996 iaitu kita dapat mengurangkan semua jenis kemalangan ke satu angka yang saya tidak kata munasabah, tetapi memang ada diperbaiki iaitu 87 kes sahaja. Kementerian Pengangkutan senantiasa berusaha supaya risiko-risiko dan insiden-insiden kemalangan yang berlaku semasa kapal dalam perairan kita ataupun semasa mereka hendak masuk, hendak boarding, dengan izin, di pelabuhan kita dapat dikurangkan.

Tetapi kita tidak dapat menafikan juga banyak kapal antarabangsa yang mempunyai jurukapal mereka yang menggunakan Selat Melaka ini sama ada mereka mempunyai tahap ataupun mencapai satu kelayakan yang mencukupi memang adalah di luar bidang kita. Sebab seperti kita semua maklum pada setiap hari begitu banyak seperti Yang Berhormat dari Bintulu kata tadi lebih daripada 100

buah kapal menggunakan Selat Melaka. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga Malaysia bersama-sama dengan Indonesia dan Singapura telah pun mengemukakan kepada International Maritime Organisation (IMO) satu cadangan untuk memanjangkan skim pemisah lalu lintas yang sedia ada untuk merangkumi keseluruhan Selat Melaka, dan cadangan ini pun telah diterima secara prinsipnya oleh IMO. IMO telah pun bersetuju pada prinsipnya supaya pelaksanaan sistem laporan kapal berwajib ataupun mandatory ship reporting system dapat dikemukakan oleh ketiga-tiga negara, all the lateral states near the Straits of Malacca supaya keselamatan bagi kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka akan diperbaiki.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga pengwujudan vessel traffic services di Selat Melaka adalah untuk mengesan pergerakan kapal-kapal dan menasihati kapal-kapal di waktu kecemasan bagi memastikan tahap keselamatan pelayaran dipertingkatkan lagi akan juga dilaksanakan. Ini semua akan diterima pakai dan penguatkuasaan peraturan-peraturan ini akan mengikut IMO supaya kita semua memastikan kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka adalah seaworthy, dengan izin.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Chor Chee Heung: Yang Berhormat baru masuk sahaja, takkan dia tahu apa yang saya cakap.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat sila jawab dengan betul, kerana jangan kita buat sangkaan sahaja, bolehkah beritahu berapa bilangan kapal yang melalui Selat Melaka sekarang dan peruntukan yang telah digunakan, akan digunakan oleh kerajaan untuk membina radar dan sebagainya, berapakah peratus yang diperuntukkan untuk radar dan kawalan-kawalan ke atas bilangan kapal yang melalui Selat Melaka yang kian bertambah sehingga susah hendak kita kawal dan sehingga berlaku pencemaran. Jangan kita elakkan jawapan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Yang Berhormat dari Kepong, ingin saya memberitahu iaitu kerajaan telah pun memperuntukkan satu peruntukan yang diluluskan sebanyak RM100 juta supaya mewujudkan satu sistem radar di dalam perairan negara kita supaya kita dapat mengesan kapal-kapal yang melalui Selat Melaka. Kalau saya ditanya berapa buah kapal yang menggunakan Selat Melaka pada setiap hari, saya

beritahu iaitu lebih 100 buah sehari ataupun lebih kurang 3,000 sebulan. Ini statistik yang saya ada.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab juga pertanyaan Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai defisit akaun semasa negara kita, memang Kementerian Pengangkutan.....

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Chor Chee Heung: Tunggu saya jawab Yang Berhormat dari Kota Melaka dahulu.

Tuan M. Kulasegaran: Mengenai penggunaan kapal Selat Melaka, Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan atau mendapat atau caj fee untuk kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Convention International Maritime Organisation semua selat di dunia ini memang adalah percuma bagi kapal-kapal antarabangsa yang ingin menggunakan. Mengikut convention ini mana-mana negara tidak mempunyai hak untuk mencaj fee ke atas penggunaan perairan kapal-kapal mereka melalui di mana-mana selat. Bagi Selat Melaka juga kita tidak mencajkan fee. Tetapi kita amat mengalu-alukan jika kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka ini, iaitu sama ada melalui negara mereka ataupun melalui syarikat-syarikat perkapalan supaya derma-derma dapat diberikan kepada kerajaan supaya kita dapat menjaga Selat Melaka dengan satu tahap keselamatan yang boleh dikatakan selamat bagi semua kapal.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, beri jalan atau tidak?

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memandangkan Selat Melaka adalah, dengan izin, the busiest water way in the world, bukankah kita patut menggubal undang-undang dengan persetujuan Indonesia supaya walaupun ada satu konvensyen, kita patut mengutip fee memandangkan kapal-kapal yang menggunakan telah menderma banyak kepada negara kita secara memberi pencemaran untuk mengelak perkara ini berlaku.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kapal-kapal pula, fee yang akan dicaj atau tidak, seperti yang saya katakan tadi kita tidak boleh incharge fee tetapi jika kapal-kapal yang melalui Selat Melaka ingin masuk berth, dengan izin, di pelabuhan kita kita boleh cajlah, port bills semua, tetapi dari segi pampasan pencemaran, ingin saya

memberitahu Dewan yang mulia ini ialah Malaysia telah pun meratifikasikan dua konvensyen antarabangsa iaitu International Convention on Sea Liability For Oil Pollution Damage 1969 dan The International Convention on Establishment of an International Compensation Fund For Oil Pollution Damage 1971 di mana dengan meratifikasikan konvensyen ini Malaysia berhak untuk menuntut pampasan sehingga US\$93 juta ataupun RM325 juta sekiranya tumpahan minyak berlaku akibat pelanggaran kapal-kapal besar dalam perairan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Chor Chee Heung: Saya pun tak dan hendak jawab lagi!.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita tidak ada masa sekarang ya.

Tuan Chor Chee Heung: ya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, ringkas sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa akan menuntut pampasan US\$93 juta. Ini dituntut daripada pihak mana, adakah daripada pihak kapal yang melakukan pencemaran itu dan saya rasa kalau ke atas kapal yang melakukan atau syarikat kapal yang melakukan pencemaran, agak susah kalau mereka tidak ada wang. Sebab itu saya hendak bertanya adakah peruntukan ini bermakna kalau kita tidak boleh tuntutan jumlah ini.

Yang kedua, sebelum Yang Berhormat menjawab soalan saya tentang akaun defisit semasa, tadi Yang Berhormat memberikan jaminan bahawa sijil pengesahan akan diberikan sebelum 1 Julai, tetapi sehingga sekarang Yang Berhormat tidak boleh atau tidak dapat menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan masalah-masalah yang ditimbulkan tadi oleh massa dan macam saya di atasi. Nampaknya Yang Berhormat tidak tahu langsung sejauh manakah teruknya masalah ini kerana ia akan membawa kesan yang sangat besar kepada industri perkapalan kita.

Seorang Ahli: Tak payah jawablah.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, ingin saya memberitahu iaitu memang

kita semua tahu seperti semua pegawai dalam Kementerian Pengangkutan, apa sahaja document of compliance ataupun safety management certificate dan lain-lain lagi. Dan sijil document of compliance seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat untuk syarikat-syarikat perkapalan dan safety management certificate satu lagi yang juga akan terlibat dalam pensijilan kapal-kapal. Document of compliance akan dikeluarkan oleh Jabatan Laut, tetapi safety management certificate akan dikeluarkan oleh badan-badan konsifikasi antarabangsa.

Jadi, bagi semua 17 syarikat perkapalan Jabatan Laut akan dapat menyiapkan pengeluaran VOC ini dan bagi kapal-kapal yang terlibat yang masih belum menerima sijil, saya masih hendak dapatkan angka, tetapi buat masa ini mungkin belum dapat lagi, pengeluaran sijil akan dikeluarkan oleh badan antarabangsa dan juga Jabatan Laut kita sebelum kita menghadapi dead line dan saya percaya kalau kita semua mempunyai keyakinan, kita boleh buat, bukan kata Yang Berhormat timbulkan di Dewan ini baru kita berlumba-lumba hendak buat, kita telah menjalankan proses ini dan kemungkinan apa berita yang diterima oleh Ahli Yang Berhormat adalah aduan yang diberikan oleh massa, mungkin massa telah memberitahu Ahli Yang Berhormat ataupun sesiapa pun yang menyatakan buat masa ini kita masih menunggu certificate itu dan kemungkinan Ahli Yang Berhormat tidak tahu proses untuk kita untuk mendapat dokumen ini telah pun dijalankan dan kita tahu apa dead line, bukan kata Malaysia tidak tahu.

Mengenai soalan lain juga yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu defisit akaun, Kementerian Pengangkutan melalui agensi-agensi maritim di negara kita khususnya semua yang terlibat dalam kegiatan maritim supaya kita semua harus mengawal sikap dependency kepada kapal-kapal asing diturunkan. Maksudnya semua syarikat perkapalan kita telah pun menerima seruan dari Kementerian Pengangkutan iaitu kita semata-mata mengeksport barangan kita, kita buat melalui CIF dan bila importkan barangan kita menggunakan FOB, ini dengan secara tidak langsung akan juga memberi bantuan kepada syarikat-syarikat insurans kita dan tidak kata pembeli barangan harus membeli insurans dan memberi keuntungan kepada syarikat yang asing.

Selain dari itu, maksud yang kita membentangkan rang undang-undang di Dewan yang mulia ini iaitu mengadakan satu pendaftaran untuk kapal-kapal antarabangsa adalah untuk memenuhi keperluan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat,

apa langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk memberi sumbangan kepada penurunan akaun defisit negara, ini adalah salah satu langkah dan kita harap selepas rang undang-undang ini diluluskan, lebih banyak kapal asing dapat mendaftar di negara kita dan selain dari keuntungan dari segi perkhidmatan kapal-kapal asing di negara kita, ancilliary service, dengan izin, semua peluang-peluang ancilliary service dibidang maritim akan juga terbuka untuk rakyat Malaysia. Sehingga Jun 1997 seperti yang diminta oleh Tuan Yang di-Pertua, kita memang tidak mempunyai masa yang begitu banyak dan maaflah

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Chor Chee Heung: Tak apalah. Biar saya habis dahulu, jika ada masa dan jika masa mengizinkan kita beri chance.

Sehingga Jun 1997 terdapat 2,681 buah kapal yang didaftarkan di Malaysia dengan jumlah tonnagenya iaitu 4.9 juta tan dan mengenai juga apa yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Bintulu dan Kota Melaka mengenai perkhidmatan komputer supaya kita dapat mempercepatkan lagi, mencanggihkan lagi proses kemasukan barangan, containers, deuce ke pelabuhan kita ataupun melalui eksport ataupun eksport kita melalui pelabuhan, kita telah pun mengadakan satu sistem Electronic Data Interchange (EDI) yang mana telah pun mula beroperasi dan Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi berkaitan akan mewujudkan full implementation ataupun implementasi sepenuhnya di Pelabuhan Klang tidak lama lagi, kita telah mula memasang dan telah mula berjalan tetapi kemungkinan tidak sampai tahap 100% tetapi dalam beberapa bulan yang akan datang kita akan pasti supaya implementasi EDI sepenuhnya akan diadakan di Pelabuhan Klang iaitu salah sebuah pelabuhan utama di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bintulu iaitu apakah perancangan negara kita supaya menjadikan Pelabuhan Klang iaitu pelabuhan utama di negara kita sebagai sebuah pelabuhan yang mempunyai standard antarabangsa dan apa perancangan Malaysia untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara maritim.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini jika bukan usaha-usaha gigih oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan termasuk semua pegawai-pegawai dalam kementeriannya dalam beberapa tahun kebelakangan ini, saya percaya Malaysia hari ini tidak akan diklasifikasikan sebagai sebuah negara

maritim yang ke-35 dalam dunia ini, 'the thirty fifth maritime nation in this world'. Memang dalam dunia ini terdapat banyak negara tetapi pencapaian ini boleh dikatakan memang amat membanggakan negara kita. Lima tahun yang lepas, jangan kata nombor 35, nombor 70 pun kita tidak ada chance tetapi hari ini dalam masa yang pendek iaitu lima, enam tahun kita mencapai tahap itu dan melalui usaha-usaha yang dihidangkan oleh kita semua, hari ini kita dapat melihat 90 syarikat perkapalan mempunyai pejabat ataupun menggunakan Pelabuhan Klang dan memanglah kita sentiasa dikutuk oleh Ahli Yang Berhormat dari Bintulu iaitu sebab apa Pelabuhan Bintulu dianaktirikan, memang ini tidak benar, mengikut Kementerian Pengangkutan semua pelabuhan di negara kita amatlah penting, cuma kita melalui dasar kerajaan kita tidak dapat mengkhususkan supaya semua pelabuhan menjadi pelabuhan utama di Malaysia kita, ia atau tidak. Kita hanya boleh mengkhususkan satu atau dua pelabuhan utama kita dan walaupun Pelabuhan Bintulu bukan di sebelah sini dan lokasinya agak tidak begitu strategik kalau dibandingkan dengan Pelabuhan Klang atau Tanjong Pelepas, tetapi walau bagaimanapun, kementerian telah mengambil berat tentang Bintulu dan saya tidak tahu sama ada Ahli Yang Berhormat dari Bintulu tahu atau tidak, kerajaan sekarang telah pun mempunyai perancangan yang akan merealisasikan supaya satu Dermaga LNG III dibina di Pelabuhan Bintulu, sebab oleh kerana lokasi Pelabuhan Bintulu maksud Pelabuhan Bintulu lebih sesuai untuk kargo-kargo yang berjenis liquid bulk dan itulah di situ kita mengadakan petroleum dan juga petrol LNG. Maksud kata dengan perkataan lain kita concentrate Bintulu Port on liquid bulk dan memanglah ada juga kargo yang jenis lain.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada kita dapat mendaftarkan kapal-kapal asing di mana-mana pelabuhan, ini adalah hak Menteri Pengangkutan, tetapi walaupun kita mempunyai suatu pusat pendaftaran di Kuala Lumpur ataupun di Klang tetapi Menteri Pengangkutan mempunyai hak untuk mengiktirafkan supaya kapal-kapal yang didaftarkan di mana-mana pelabuhan adalah semacam didaftarkan di Klang atau di Kuala Lumpur.

Selain dari itu Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan telah bertanya mengenai sama ada kapal-kapal di bawah tonnage 500 harus didaftarkan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, selepas rang undang-undang ini diluluskan, semua boat sebab kita mempunyai satu peruntukan mengenai takrif boat ataupun definisi boat dan selepas ini diluluskan maka semua kapal-kapal tidak kira sama ada kecil

ataupun besar kecuali sampan jika menjalankan perkhidmatan yang di bawah rang undang-undang ini harus didaftarkan dan dari segi fees mungkin fees ini akan ditetapkan dan saya percaya tidak mahal tetapi saya kena mengaku, kerana saya bukan 'Mr. Know All' in Parliament, macam figures, fees all these, saya akan memberitahu Ahli Yang Berhormat dalam masa yang secepat mungkin bila ianya ditentukan ataupun bila saya mempunyai data-data itu, bila saya balik hari ini saya akan mendapat makluman dari pegawai-pegawai saya mengenai fees ataupun angka yang diminta.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya percaya saya telah pun menjawab semua, kemungkinan ada lagi ...

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan.

Tuan Chor Chee Heung: Tak payahlah.

Tuan Lim Guan Eng: Satu sahaja, ringkas sahaja.

Tuan Chor Chee Heung: Tak payahlah, tak payah, nanti semua menteri yang lain akan marah kepada saya. Tak apa, kalau ada apa boleh tanya saya di luar, saya akan beri secara bertulis kecuali Ahli Yang Berhormat hendak minta publisiti sahajalah. Kalau tidak, tanya di mana pun tidak mengapa.

Tuan Lim Guan Eng: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka, dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Chor Chee Heung: Maka mungkin ada beberapa soalan saya tak dapat jawab sebab begitu banyak jawapan diberi kepada saya, saya tak dapat baca pun, tetapi walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang berucap dan saya akan mengambil tindakan sewajarnya jika saya tidak dapat untuk menjawab pada masa sekarang. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PENAGIH DADAH
(RAWATAN DAN PEMULIHAN)
(PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

3.50 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan)(Pindaan) 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun 1996 kerajaan telah mengumumkan penubuhan Majlis Dadah Kebangsaan (MDK) dan Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) yang diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri sebagai langkah tegas untuk meningkatkan keberkesanan jentera kerajaan menangani masalah dadah di negara ini. Sejarar dengan matlamat penubuhannya Majlis Dadah Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri telah merangka beberapa dasar dan strategi baru bagi memerangi ancaman dadah merangkumi aspek-aspek yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pencegahan, penyelidikan serta rawatan dan pemulihan.

Perubahan-perubahan dasar dan strategi baru dalam usaha menangani masalah penagihan dadah turut melibatkan beberapa pengubahsuaian kepada Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 di mana beberapa seksyen akta tersebut dicadang untuk dipinda, dimansuh atau ditambah dengan beberapa peruntukan baru. Pindaan dan peruntukan tambahan kepada akta berkenaan dicadangkan bertujuan mencapai matlamat berikut:-

- (a) Meningkatkan keberkesanan dan kemantapan program pemulihan di dalam institusi pemulihan iaitu di pusat-pusat serenti melalui cadangan memperkenalkan sistem klasifikasi pusat-pusat serenti dalam mana kemasukan ke pusat serenti akan diberi keutamaan kepada penagih-penagih yang mempunyai propensity, dengan izin, yang tinggi untuk dipulihkan;

- (b) untuk meningkatkan keberkesanan dan memperkemarkan pelaksanaan program pemulihan yang dijalankan dalam komuniti iaitu bagi kes-kes jagaan lanjutan melibatkan penagih-penagih yang dibebaskan dari pusat serenti dan kes-kes pengawasan iaitu bagi penagih-penagih yang mengikuti program pemulihan di dalam komuniti. Satu ciri penting dalam perubahan ini ialah cadangan memperkenalkan kaedah pengawasan yang turut melibatkan pegawai dan anggota pasukan Polis DiRaja Malaysia dalam melaksanakan kaedah pengesanan, pengawasan ke atas penagih-penagih dadah. Cadangan ini dijangka akan dapat mengatasi masalah kadar penagihan semula yang tinggi di kalangan penagih-penagih yang dibebaskan dari pusat-pusat serenti; dan

- (c) untuk menyemak hukuman denda atau penjara terhadap di dalam akta yang sedia ada untuk membolehkan tindakan-tindakan yang lebih tegas dalam menangani masalah-masalah seperti kelarian dari pusat serenti dan pelanggaran syarat-syarat jagaan lanjutan pengawasan yang sering mendatangkan banyak kerumitan kepada pengurusan pusat serenti. Semakan semula ini juga turut melibatkan cadangan untuk menggugurkan syarat-syarat penyempurnaan bon sebagai usaha kerajaan untuk menggalakkan semangat kesukarelaan di kalangan penagih-penagih dadah untuk tampil secara sukarela mendapatkan rawatan dan pemulihan di pusat-pusat serenti.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diuraikan di atas perubahan-perubahan kepada dasar dan pendekatan dalam program rawatan dan pemulihan turut melibatkan semakan yang menyeluruh kepada Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

Pada keseluruhannya sejumlah 26 seksyen dalam akta sekarang dicadang dipinda atau dimansuhkan. Dari jumlah itu empat seksyen termasuk empat belas subseksyen akan dipinda, diubahsuai, manakala empat seksyen akan dimansuhkan. Sementara itu pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuatkuasa akta.

Fasal 2 bertujuan meminda Seksyen 2 supaya tafsiran 'pusat' dipinda dengan menggugurkan perkataan-perkataan 'pusat jagaan lanjutan' dan 'pusat harian'.

Cadangan ini dikemukakan ekoran keputusan kerajaan menutup operasi pusat jagaan lanjutan dan pusat harian yang ditubuhkan di bawah akta yang sedia ada sekarang. Kerajaan telah menubuhkan sebanyak 45 buah pusat jagaan lanjutan di seluruh negara dan mendapati fungsi serta peranan pusat-pusat jagaan lanjutan gagal mencapai matlamat penubuhannya.

Tafsiran 'pegawai' dicadang dipinda bagi memperluaskan tafsiran pegawai kepada semua peringkat pegawai polis dan tidak terhad kepada anggota yang berpangkat sarjan ke atas sahaja sepertimana di dalam akta yang ada sekarang. Cadangan ini adalah bertujuan untuk memberikan fleksibiliti kepada pelaksanaan akta ini kelak.

Fasal 3 bertujuan meminda Seksyen 4 untuk memperkemas proses menjalankan ujian-ujian tersebut ke atas orang-orang yang disyaki sebagai penagih dadah. Pindaan ini bertujuan menghendaki majistret mengeluarkan perintah supaya orang itu ditahan bagi menjalani ujian apabila seseorang pegawai menetapkan bahawa penahanannya bagi maksud itu adalah diperlukan.

Fasal 4 bertujuan meminda Seksyen 6 supaya jika pegawai pemulihan mengesyorkan bahawa seseorang itu patut diperintahkan supaya tinggal di pusat pemulihan akan menjalani pengawasan oleh seorang pegawai majistret yang dihadapannya orang itu di bawa atau hadir mestilah membuat perintah sedemikian dan cadangan ini dikemukakan setelah kerajaan mendapati pelaksanaan prosedur kemasukan penagih ke pusat serenti di bawah seksyen ini lebih menekankan kemasukan penagih-penagih yang tidak mempunyai propensity, dengan izin, untuk dipulihkan.

Sebagai contoh hasil kajian ke atas kemasukan penagih-penagih dadah ke dalam pusat serenti di sepanjang tahun 1996, kerajaan mendapati kira-kira 64% dari 12,916 orang penagih yang dimasukkan ke pusat serenti pada tahun berkenaan adalah terdiri dari penagih-penagih tegar ataupun hardcore, dengan izin, dan penagih-penagih dalam kategori ini sebenarnya tidak mempunyai propensity untuk dipulihkan. Mereka terdiri daripada penagih-penagih yang mempunyai rekod jenayah, penagih-penagih berulang, penagih-penagih yang mempunyai rekod keluar masuk penjara pusat serenti, berpenyakit cronic mental, mengidap HIV/AIDS serta rekod penagihan untuk tempoh masa yang lama sehingga 27 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan penagih-penagih tegar yang saya sebut tadi ini, yang tidak mempunyai propensity untuk dipulihkan telah dilihat sebagai punca utama yang menjejaskan keberkesanan program pemulihan di pusat-pusat serenti. Kehadiran penagih-penagih tegar yang bercampur aduk dengan penagih-penagih remaja, ringan dan sebagainya telah menimbulkan suasana ketegangan di pusat-pusat serenti. Keadaan tegang ini boleh menjadi pemangkin kepada tercetusnya kejadian-kejadian buruk seperti rusuhan, mogok, kelarian beramai-ramai, pergaduhan, tidak mematuhi peraturan, disiplin dan mencabar pentadbiran pusat serenti. Kejadian-kejadian buruk ini pula boleh mewujudkan persekitaran yang tidak conducive untuk perlaksanaan program pemulihan yang terancang dan berkesan ke atas penghuni-penghuni pusat serenti.

Bagi mengatasi kelemahan-kelemahan ini, kerajaan mencadang memperkenalkan sistem klasifikasi pusat serenti sebagai satu pendekatan baru yang akan memberi keutamaan kepada kemasukan penagih-penagih yang mempunyai propensity yang tinggi untuk dipulihkan.

Di bawah sistem klasifikasi ini, pusat-pusat pemulihan kerajaan telah diklasifikasi seperti pusat serenti penagih sukarela, pusat serenti penagih remaja, pusat serenti penagih ringan, pusat serenti penagih wanita dan pusat serenti penagih tegar.

Pindaan-pindaan di Seksyen 6(1) adalah bertujuan untuk memper-kemaskan lagi sistem kemasukan penagih-penagih dadah ke pusat-pusat serenti agar sesuai dengan sistem klasifikasi yang diperkenalkan seperti disebut.

Di bawah pindaan ini, mahkamah akan dikehendaki menerima perakuan yang dikemukakan oleh pegawai pemulihan di dalam laporan sosialnya sebelum menentukan sama ada seseorang penagih itu perlu dimasukkan ke pusat pemulihan mengikut kategori atau klasifikasi yang telah ditetapkan ataupun diperintahkan menjalani pengawasan di dalam komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kelemahan-kelemahan yang dihadapi di dalam program pemulihan di pusat serenti, kerajaan juga mendapati program pemulihan di peringkat jagaan lanjutan dan pengawasan iaitu bagi penagih-penagih yang dibebaskan dari pusat serenti dan penagih-penagih yang menjalani program tanpa memasuki pusat-pusat serenti tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan akibat kelemahan-kelemahan di dalam sistem pengesanan dan pengawasan pergerakan

penagih-penagih dadah serta pemantauan tahap kemajuan pemulihan mereka. Kelemahan ini berpunca dari masalah kekurangan pegawai pemulihan yang telah menyebabkan beban tugas pegawai pemulihan menjadi amat berat berbanding dengan kemampuan mereka. Sebagai contoh, nisbah pegawai dengan kes secara keseluruhan sekarang ialah 1:200, seorang pegawai bagi 200 kes berbanding dengan nisbah ideal iaitu 1:23 kes. Kelemahan-kelemahan dalam sistem pengesanan dan pengawasan telah menyumbang kepada kegagalan program pemulihan yang dijalankan di dalam komuniti.

Kajian terdapat bahawa daripada 88,664 penagih yang telah dimasukkan ke pusat serenti dari tahun 1983 hingga Julai 1996 seramai kira-kira 65,000 orang atau 73.3% telah dikenalpasti menagih semula. Dengan demikian kira-kira 26.7% sahaja daripada penagih-penagih dadah yang menjalani program pemulihan peringkat jagaan lanjutan di dalam komuniti yang dianggap telah berjaya.

Sebagai langkah untuk mempertingkatkan kadar kejayaan program pemulihan di dalam komuniti, kerajaan telah meluluskan pendekatan baru yang membolehkan buat pertama kalinya pegawai polis menjalankan tanggungjawab mengesan, mengawasi dan memantau kemajuan pemulihan penagih-penagih dadah yang menjalani program pemulihan di dalam komuniti. Dengan adanya peruntukan ini, kerajaan berharap dapat mengatasi masalah beban tugas yang amat berat yang sedang ditanggung oleh pegawai-pegawai pemulihan sekarang.

Selain dari itu, kerajaan juga mencadangkan syarat-syarat yang lebih ketat terhadap penagih-penagih dadah yang diletakkan di bawah program pemulihan di dalam komuniti melalui peruntukan seksyen baru 6(2) rang undang-undang.

Syarat-syarat tambahan berkenaan adalah seperti berikut:-

- (a) orang itu (penagih) mestilah tinggal di dalam negeri atau Wilayah Persekutuan atau mana-mana kawasan sebagaimana dinyatakan dalam perintah itu;
- (b) orang itu (penagih) tidak boleh meninggalkan kawasan tempat dia tinggal tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah ADK;
- (c) pada waktu yang dinyatakan dalam perintah itu, orang itu hendaklah melaporkan diri di balai polis yang paling hampir;

- (d) penagih tidak boleh mengambil, menggunakan atau memiliki apa-apa dadah berbahaya;
- (e) penagih hendaklah menjalani apa-apa ujian pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang diperintahkan oleh seorang pegawai; dan
- (f) penagih hendaklah menjalani apa-apa jua program pemulihan penagih dadah yang diadakan oleh kerajaan.

Mana-mana penagih dadah yang sedang menjalani program pemulihan di dalam komuniti tidak mematuhi mana-mana syarat seperti yang dicadangkan di atas boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak lebih dari tiga tahun atau sebatan tidak lebih dari tiga sebatan atau kedua-duanya. Tindakan-tindakan yang lebih tegas ini perlu diambil untuk membantu mengatasi masalah kadar penagihan semula yang tinggi di samping meningkatkan kadar kejayaan pemulihan ke atas penagih-penagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 5 bertujuan memotong seksyen 7 berikutan dengan pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 6.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 8 supaya peruntukan yang berhubungan dengan rawatan dan pemulihan orang-orang yang menjalaninya secara sukarela adalah serupa dengan peruntukan yang terpakai bagi mereka yang diperintahkan oleh mahkamah supaya menjalani rawatan dan pemulihan.

Di bawah pindaan ini kerajaan mencadangkan supaya peruntukan mengenakan bayaran bon kepada keluarga atau ibu bapa penagih yang ingin mendapatkan rawatan pemulihan secara sukarela tidak lagi perlu dikuatkuasa.

Cadangan ini dikemukakan memandangkan kebanyakan keluarga atau ibu bapa penagih tidak berkemampuan untuk membayar denda bon sekiranya berlaku pelanggaran ke atas syarat-syarat yang telah dikenakan ke atas penagih berkenaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Peruntukan-peruntukan yang mengenakan jaminan seperti yang terdapat dalam akta sekarang didapati tidak dapat menggalakkan semangat kesukarelaan di kalangan keluarga dan penagih-penagih dadah sendiri untuk menawarkan diri mengikut program pemulihan di pusat-pusat serenti. Daripada pengalaman yang lalu, kerajaan mendapati

bilangan penagih dadah yang datang menawarkan diri secara sukarela untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan dan pemulihan di pusat serenti amat kecil iaitu tidak sampai 1% berbanding dengan bilangan penagih dadah yang dimasukkan ke pusat serenti melalui tangkapan oleh pihak polis.

Oleh itu sudah sampai masanya pihak kerajaan memberi penekanan untuk melaksanakan halacara baru pemulihan dengan menggalakkan lebih ramai penagih dadah tampil secara sukarela untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan di pusat-pusat serenti.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 9 berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 6.

Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 10 memandangkan keputusan kerajaan untuk menutup operasi pusat harian dan pusat jagaan lanjutan.

Fasal 9 bertujuan meminda seksyen 12 untuk memberi ketua pengarah kuasa untuk membebaskan penghuni-penghuni dari pusat serenti setelah mereka menghabiskan tempoh kediaman selama 12 bulan di pusat tersebut dan telah mencapai tahap pemulihan yang meyakinkan pihak Lembaga Pelawat.

Di bawah cadangan ini kerajaan mencadangkan supaya kuasa membebaskan penghuni-penghuni dari pusat serenti ini dipindah kepada Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan untuk membolehkan sistem dan pengurusan pembebasan penghuni pusat serenti diuruskan dengan lebih teratur, dengan mengambil kira laporan pegawai pemulihan serta kebajikan penagih-penagih dadah.

Fasal 10 bertujuan memotong seksyen 13, 14 dan 15 berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 6 dan 8.

Fasal 11 bertujuan meminda Seksyen 18 untuk menambah denda maksimum yang boleh dikenakan daripada RM500 kepada RM2,000 ke atas mana-mana pengawal perubatan yang gagal memberikan kepada Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan mengenai mana-mana penagih dadah yang dirawat olehnya. Kenaikan jumlah denda ini diharap akan menjadi amaran kepada pihak-pihak berkenaan supaya tidak melanggar peruntukan di bawah seksyen ini dengan sewenang-wenangnya.

Seksyen 12 bertujuan meminda seksyen 19 untuk mengadakan peruntukan bagi hukuman yang lebih berat bagi seseorang yang melarikan diri dari jagaan yang sah. Hukuman denda atau pemenjaraan selama tempoh maksimum tiga tahun diganti dengan pemenjaraan selama tempoh lima tahun atau sebatan yang tidak melebihi tiga sebatan.

Cadangan ini dikemukakan kerana kerajaan memandang berat kejadian yang melibatkan penagih-penagih dadah melarikan diri dari pusat-pusat serenti kerana ianya boleh menjejaskan keberkesanan program pemulihan yang dirancang untuk mereka.

Kerajaan mendapati masalah kelarian ini menjadi satu masalah yang amat sukar dikawal. Contohnya dari tahun 1983 hingga 1996 seramai 16,943 orang penghuni telah melarikan diri dari pusat-pusat pemulihan seluruh negara. Seramai 5,977 penghuni telah melarikan diri dalam tahun 1996. Ini merupakan 43.3% dari jumlah penagih yang memasuki pusat serenti pada tahun 1996 iaitu jumlahnya ialah seramai 12,123 orang.

Masalah kelarian terutamanya kelarian secara beramai-ramai akan menggagalkan program pemulihan di pusat serenti. Kerajaan terpaksa menghabiskan banyak wang, masa dan tenaga penguatkuasaan melalui polis untuk menangani masalah kelarian dari pusat-pusat serenti, oleh itu kerajaan berpendapat masanya telah tiba untuk hukuman yang lebih berat ini dikenakan sebagai langkah tegas dalam menangani masalah ini.

Fasal 13 dan 14 masing-masing bertujuan meminda seksyen 20 dan 21 berikutan dengan pindaan yang dicadangkan pada seksyen 6 dan 8.

Fasal 15 bertujuan meminda seksyen 22 supaya apa-apa sumbangan kewangan yang ditetapkan oleh majistret supaya dikeluarkan oleh ibu bapa atau penjaga seseorang penagih yang diperintahkan menjalani program rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan boleh didapatkan sebagai hutang sivil.

Pada masa ini jika sumbangan itu tidak dibayar, sumbangan itu boleh dipungut mengikut cara yang sama seperti denda yang boleh mengakibatkan ibu bapa dan penjaga seseorang penagih dijatuhkan hukuman penjara atau denda atau kedua-duanya sekali, apabila mereka gagal melaksanakan sumbangan yang diperintahkan oleh majistret. Pindaan ini akan meringankan bebanan ibu bapa atau penjaga seseorang penagih.

Fasal 16, 17, 18 dan 19 masing-masing bertujuan meminda seksyen 24, 26, 27 dan 28 berikutan dengan pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 6 dan 8.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya cadangan pindaan seperti dalam rang undang-undang ini adalah berasaskan kepada keperluan untuk mengemaskinikan peruntukan-peruntukan yang tidak lagi sesuai yang mana perlu

dimansuhkan, dipinda atau memerlukan peruntukan baru selaras dengan perubahan-perubahan dasar dan pendekatan untuk meningkatkan keberkesanan serta kemantapan program pemulihan di dalam dan di luar institusi.

Adalah menjadi harapan kerajaan dengan cadangan-cadangan pindaan ini, dasar dan pendekatan baru program merawat pulih penagih-penagih dadah sama ada di dalam atau di luar institusi akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Keberkesanan dan kemantapan program pemulihan dijangka akan membantu usaha-usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar penagihan semula di kalangan penagih dadah yang dibebaskan dari pusat serenti dan sekali gus meningkatkan kadar kejayaan program pemulihan ke atas penagih-penagih dadah.

Dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ke atas Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, kerajaan seterusnya mengharapkan supaya program-program pemulihan yang dijalankan akan dapat mencapai objektif dan matlamat melahirkan lebih ramai bekas penagih dadah yang produktif dan berguna kepada agama, bangsa dan negara serta bebas dari penagihan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dibentangkan di Majlis ini bagi bacaan kali yang kedua dan dibahaskan. Terima kasih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong

4.15 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada Majlis Dadah Kebangsaan dan juga Kementerian Dalam Negeri kerana membawa pindaan kepada Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 di Dewan yang mulia ini.

Saya rasa ini adalah satu manifestasi kepada tindakan serius kerajaan untuk mengatasi masalah penagihan dadah yang dialami oleh rakyat negara ini. Kita tahu dan telah pun diiktiraf oleh semua pihak bahawa dadah adalah musuh negara nombor satu ataupun musuh negara yang paling utama.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pemulihan saya lihat adalah peringkat yang terakhir sekali di dalam proses kita menangani masalah dadah. Yang pertamanya ialah masalah usaha-usaha pencegahan. Yang kedua adalah usaha menumpaskan punca dadah. Yang ketiga, baru pemulihan. Semuanya adalah penting dan semuanya perlu mendapat perhatian yang serius.

Dalam konteks ini saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Dalam Negeri adakah segala undang-undang dan juga tindakan-tindakan penguatkuasaan yang wujud di dalam negara kita pada hari ini telah berjaya untuk menurunkan kadar pengedaran dadah ataupun kadar supply, dengan izin, dadah di dalam negara ini.

Kita tahu bahawa hampir setiap bulan kita membaca berita-berita di dalam akhbar ada kes-kes individu yang telah pun menerima hukuman gantung ataupun mati mandatori oleh kerana pengedaran dadah.

Bagaimanapun, saya ingin mendapat satu pernyataan yang ikhlas dari pihak kementerian, adakah kita mengenalpasti mengapa dadah ini berada dalam negara kita? Telah banyak kali saya suarakan di Dewan yang mulia ini sebelum kita merdeka dahulu iaitu zaman saya kecil-kecil, kalau ada dadah yang kita tahu pada ketika itu adalah candu dan candu ini tidak pernah pun ataupun menular penagihannya di kalangan majoriti rakyat.

Saya ingat di kampung saya ada seorang penagih candu, kebetulan dia adalah keturunan Tionghua dan orang itu menjadi seorang individu yang kita sifatkan sebagai 'paria', bermakna dihindari dan di'marginalise' oleh seluruh masyarakat. Oleh kerana kesannya penagihan candu adalah negatif sebab itu penagih candu dia menjadi seolah-olah orang yang tersisih dari arus kehidupan masyarakat.

Sebaik sahaja selepas merdeka kita mula dengar cerita ganja. Lebih serius lagi selepas itu kita dengar cerita morphine, kita dengar cerita heroine, lepas itu sekarang kita dengar ganja yang dihasilkan menerusi kombinasi kimia iaitu pil ecstasy yang belum lagi kerajaan mengambil kira bahawa pengedarannya juga harus menerima hukuman yang seberat hukuman pengedar-pengedar dadah berbahaya ini.

Baru-baru ini saya melihat satu dokumentari bagaimana dadah wujud di Amerika Syarikat. Apabila wujud satu kebangkitan politik di Amerika Syarikat di kalangan kelompok warga negara African/American ataupun, dengan izin, kumpulan

orang hitam, solusi untuk menumpaskan kebangkitan politik atau kuasa itu adalah dengan menyebarkan dadah di seluruh Amerika khususnya di kalangan kelompok etnik tertentu, maka tumpaslah perjuangan politik etnik African/American ini, dia jadi lemah, ia jadi khayal, jadi huru-hara dan akhirnya tiada mempunyai satu political vision, tidak menjadi satu political force.

Kalau saya pindahkan senario tersebut mungkin hypothetical mungkin fictitious, dengan izin, ke Malaysia, saya takut-takut bahawa dadah ini adalah kehadirannya ditaja oleh satu motif penumpasan sekelompok generasi rakyat Malaysia. Tidak pernah kita kaji puncanya siapa pengedar dadah sebenarnya dalam negara kita, tidak pernah timbul pengedar dadah yang paling besar pernah tertangkap dalam negara kita. Satu ketika ada seorang yang dimasukkan ke dalam penjara Johor Bahru, kononnya dikatakan seorang kingpin dadah yang paling termasyhur di negara ini, lepas itu boleh lepas, conveniently terlepas, dia boleh lari dari penjara, kemungkinan dengan bantuan dalaman.

Dahulu kita pernah mengesyaki bahawa inmate ataupun banduan-banduan yang duduk di dalam penjara yang terlibat dengan dadah, terus menagih dadah oleh kerana ada conduit atau saluran yang membawa masuk dadah ke dalam penjara. Pada peringkat awalnya suspicion seperti ini, syak wasangka seperti ini dinafikan tetapi akhirnya didapati betul dan 'corrective measures' pun diperkenalkan, sebab itulah apabila Yang Berbahagia Datuk Zaman Khan menjadi Ketua Pengarah Penjara diperkenalkan langkah-langkah memperketatkan supaya dimatikan terus saluran-saluran membawa dadah masuk ke dalam penjara. Tahniah kepada pihak kerajaan.

Tetapi pokok yang paling besar, siapa pengedar dadah, kita tidak tahu. Siapa dia pengedar dadah dalam negara ini. Adakah dia juga yang merupakan orang yang tergolong dalam kelompok multi millionaire atau multi billionaire dalam negara, kita tidak tahu siapa dia. Sedangkan rangkaian perisikan kita ada, perundangan kita ada. Satu ketika dahulu ada pegawai polis yang memang cekap di dalam gerakan ini iaitu Cawangan Anti Dadah membuat ambush terhadap mereka yang disyaki menjadi pengedar dadah yang terbesar di negara. Ambush punya ambush apabila membuat kepungan demi kepungan yang hanya dapat dirampas kereta, yang dirampas harta benda, manusianya tidak kedengaran ke mana mereka. Ini satu misteri dan ini satu pertanyaan yang paling besar. Sebab itulah kadang-kadang saya merasa sebagai manusia belas kasihan

juga kerana yang tertangkap sebilangannya ke tali gantung itu hanya mungkin peringkat pengedar yang ke 20 atau yang ke 100 di bawah. Peringkat pengedar yang paling tinggi tidak pernah dengar suaranya.

Jadi, di sini saya hendak bertanya kepada kementerian, apabila kita dapat menahan seorang yang

Tuan Amihamzah bin Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Amihamzah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong sedikit berkenaan dengan pengedar-pengedar ini. Ada orang mentafsirkan bahawa yang ditangkap sekarang pengedar-pengedar itu bukan pengedar yang sebenar, mereka ini dianggap sebagai transmittor sahaja iaitu tukang bawa dari satu tempat ke tempat yang lain, tetapi hukumannya sebagai pengedar. Pengedar yang sebenarnya ialah the kingpin sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Jadi, apa pandangan Ahli Yang Berhormat?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mengubah definisi tafsiran undang-undang terhadap pengedar telah khusus dan jelas. Tetapi sebagai seorang 'tauke beras' hari ini, saya dapat wholesaler dalam pengedaran satu barang kita mendapat satu dari peringkat umpamanya, kalau benda ini foreign atau dari luar pihak pengimport dan keduanya, pihak pengilang lepas itu turun kepada pihak pemborong, lepas itu turun kepada pihak peruncit, mungkin yang banyak sekarang ini terperangkap adalah pihak peruncit. Pihak pemborong siapa dia, pihak pengilang siapa dia, pihak pengimport siapa dia - tak pernah kedengaran.

Saya tidak mahu mengatakan ini kelemahan penguatkuasaan undang-undang. Saya takut ada terjadi perkara-perkara yang tidak elok dari kelemahan ini. Oleh kerana selagi perkara ini tidak dapat dibongkar, maka selagi itu masalah dadah berada di dalam negara, maka selagi itu lebih ramai generasi Malaysia akan diperangkap dan dijebak oleh penagihan dan selagi itu kerajaan akan sentiasa pening kepala dan membelanjakan wang yang besar untuk mengatasi masalah dadah dari pelbagai sektor.

Masalah dadah diterima apabila kita membuat kajian terhadap Dasar Pembangunan Negara.

Jumlah wang yang dibelanjakan merupakan kebocoran yang amat besar, umpamanya sejak enforcement dikuatkuasakan, sejak pusat serenti diadakan, sejak pemulihan diadakan berapa ratus juta telah kita belanjakan?

Kalau kebocoran itu dapat disekat dengan cara yang lebih berkesan saya rasa banyak lagi kita punya national reserve ataupun kita boleh belanjakan lagi banyak hal untuk pembangunan negara, tetapi apa boleh buat? Punca yang utama tidak dapat diatasi. Jadi, sekarang ini saya hendak bertanya tadi sebelum terganggu tadi, saya hendak bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri menerusi rangkaian perisikan yang ada di kalangan kita yang saya tahu cekap dan menerusi rangkaian perisikan antarabangsa sama ada menerusi Interpol ataupun agensi perisikan lain, adakah kita secara langsung atau tidak langsung mempunyai gambaran siapakah dia pengedar dadah ataupun siapakah dia pengimport dadah?

Selagi perkara ini tidak kita atasi, selagi itulah kita akan membelanjakan wang yang besar. Sekarang ini saya memang amat menyokonglah apabila dikehendaki bahawa nisbah antara pihak yang hendak dipulih dengan pihak yang hendak memulihkan itu direndahkan daripada satu bersamaan dua ratus kepada satu bersamaan dua puluh tiga very ideal, diharap itu berkesan dan kami menyokong. Tetapi perkara ini saya rasa boleh dielakkan dari tahun demi tahun sekiranya punca dadah itu sendiri kita bongkarkan dengan lebih aktif. Saya tidak tahu!

Sekarang ini banyak terdengar bahawa modus operandi ataupun cara mereka membawa dadah masuk ke dalam negara lebih sofistikated. Kalau dahulu pada peringkat tahun-tahun 70-an, kita dapat tahulah bahawa pengedar dadah boleh disekat di lapangan terbang antarabangsa, ada beg yang mempunyai secret compartment dan sebagainya. Sekarang ini saya dengar dadah juga diseludupkan menerusi lautan, dia membuat drop in the ocean, lepas itu ada pula yang tukang mengambil, membawa naik ke pantai, tetapi siapa dia? Adakah ini cerita dongeng.

Saya juga dengar sekarang modus operandi sudah berubah. Umpamanya, dia boleh mengkaji satu jadual penerbangan antarabangsa (international flight schedule) dari satu point luar negara umpamanya masuk ke dalam negara ini dan dia boleh membuat pertukaran community sewaktu dalam transit dengan membawa beg yang telah dispesifikasikan. Kita dapat melihat bagaimana

sofistikasinya pengedaran dadah antarabangsa umpamanya. Dan saya tidak mahu menafikan kemungkinan perkara ini berlaku di dalam Malaysia. Jadi, apakah jawapan kita untuk mencari dan menyelesaikan perkara dan pertanyaan yang besar ini?

Saya menjadi takut, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, lebih kurang sebulan yang lalu telah dilaporkan di banyak majalah yang besar dan surat khabar terkemuka kedudukan sebenar mengenai HIV dan juga penyakit AIDS dan jumlah ini menunjukkan bahawa wilayah atau dunia atau benua yang amat dicengkam oleh penyakit ini adalah Afrika dan Asia. Apabila kita bercakap dengan Asia, kita jatuh di dalam rantau bahaya dan kita juga telah pun establish ataupun menerima satu hakikat bahawa penggunaan jarum intravenously dalam penyuntikan dadah berbahaya juga menjadi punca utama kepada pengidap HIV atau pembawa kuman HIV ataupun pengidap AIDS dan ini berkait rapat dengan dadah. Apakah jawapan kita terhadap hal ini?

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berharap di dalam saya menyokong penuh usaha yang diperketatkan oleh pihak kerajaan menerusi rang undang-undang ini dari aspek pemulihan, saya juga masih lagi menyuarakan rasa tidak puas hati saya ataupun kemungkinan mencerminkan rasa tidak puas hati masyarakat terhadap usaha-usaha menumpaskan punca dadah di dalam negara ini. Sementara kita belum berjaya menumpaskan kemasukan, mengenal pasti punca dadah yang kita sekarang kategorikan boleh membawa hukuman mati mandatori sebagaimana telah diperundangan, satu bentuk lagi dadah masuk. Kalau marijuana terkenal di kalangan anak-anak Melayu, pil geleng kepala atau pil ecstasy terkenal di kalangan anak-anak golongan Tionghua.

Dari satu kajian rambang yang dilakukan oleh beberapa pengkaji di seluruh dunia, pil yang dibawa masuk sekarang ini lebih bahaya daripada dadah yang lain, lebih mahal harganya lebih bahaya kesannya. Dia boleh memecahkan rongga perut kita sekali gus kalau kita overdose dan boleh menyebabkan kesan psikologi dan pemikiran yang panjang. Kita juga dapat tahu bahawa dadah yang diwujudkan ke dunia ini menerusi percampuran kimia (chemical mixture) ini, dia masuk berselindung di sebalik pusat-pusat atau industri hiburan (entertainment). Beberapa pengusaha besar industri hiburan di dalam dunia ini datangnya daripada Eropah.

Sekarang negara jiran kita yang mempunyai outlet industri hiburan yang berpunca dari Eropah ini, seperti di Indonesia, di Filipina dan di Singapura

telah pun terlalu serius dicengkam oleh penyakit ecstasy. Nasib baik industri hiburan itu belum mempunyai outlet di dalam negara kita, tetapi racun itu telah masuk menerusi punca-punca lain. Banyak kajian telah diadakan di negara ini mengenai pil yang terakhir ini, iaitu pil ecstasy. Pihak yang berkuasa mengenai penumpasan dadah, mereka juga berhadapan dengan satu elemen yang baru dalam hal ini. Pihak polis, saya rasa, kita tidak boleh salahkan mereka, dia pun tidak tahu bahawa ini adalah pil yang boleh membawa maut. Tetapi yang bahayanya di kalangan pengedar-pengedar ini ada yang mendakwa bahawa di sebalik mereka terdapat orang-orang yang berpangkat dan berpengaruh. Siapakah orang-orang yang berpangkat dan berpengaruh?

Di dalam hal ini saya mengambil satu personal interest, Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah menyeludupkan beberapa remaja untuk menyiasat di mana datangnya pil ini. Mereka kata terlalu lumrah dan mudah untuk diperolehi dan target dia adalah kelab-kelab hiburan di mana dikunjungi oleh anak elit Kuala Lumpur. Beberapa kelab hiburan di hotel-hotel antarabangsa, kelab-kelab yang dibuka sampai pukul 4.00 pagi, walaupun Bandaraya telah mengeluarkan undang-undang tutup pukul 1.00 pagi tetapi mereka boleh buka sampai pukul 6.00 pagi. Di kelab-kelab seperti ini telah berlaku di mana anak mati - 'mati katak' orang kata, oleh kerana menjadi first time player kononnya, ini bagus. Dia kata, siapa makan, you bayangkanlah diri hendak jadi apa - kalau hendak jadi Perdana Menteri, dia mungkin boleh jadi Perdana Menteri yang maha hebat. Kalau hendak jadi Menteri Sumber Manusia, Menteri Sumber Manusia yang paling hebat. Kalau hendak jadi IGP, IGP yang maha hebat. Kalau hendak jadi burung, boleh jadi burung. Kalau hendak jadi helang, boleh jadi helang. Pokoknya, mesti ada muzik techno.

Saya pernah melihat dengan mata kepala saya sendiri bagaimanakah nasib anak-anak ini di masa akan datang. Pokoknya, dia kata dia hendak hiburan. Mereka tidak minum arak, mereka minum mineral water. Mereka mesti ada chewing gum. Oleh kerana kalau makan perkara ini, kalau tidak digerakkan jaws, mulut dia tidak bergerak, mungkin akan terkancing mulut dia. Tetapi satu ketika apabila mereka telah terlalu dikhayalkan dengan muzik techno, apa sahaja boleh jadi. Bukan sekadar geleng kepala, apa sahaja boleh jadi. Apabila polis serbu, dia buang di atas lantai, siapa tuan punya, tidak boleh dikesan.

Saya menceritakan hal ini untuk menunjukkan bahawa negara kita ini boleh lagi ditembusi sebagai pusat pengedaran dadah. Pelanggan akan hanya membeli apabila ada bekalan. Kalau bekalan boleh ditumpaskan, pelanggan boleh dikurangkan. Very simple economic theory. Jadi yang penting, bekalan ini harus dikurangkan. Di samping kita mengambil usaha di peringkat pemulihan, peringkat menghapuskan bekalan dadah ke negara ini mesti diperkukuhkan.

Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua ada anak remaja dan saya juga ada anak remaja. Kita semua dalam Dewan ini mempunyai generasi remaja. Selagi bekalan dadah ini tidak dihapuskan ataupun dikurangkan, selagi itulah kita akan bercakap mengenai masalah dadah. Agensi-agensi pemulihan kita, saya rasa, dengan corrective measures yang diambil, insya-Allah, boleh dapat menumpaskan. Kita ada agensi-agensi pencegahan, umpamanya PEMADAM dan sebagainya, bagus, tetapi walaupun saya tidak mengatakan agensi penumpasan pembekalan (supply) ini tidak berkesan tetapi saya rasa dadah semakin membanjiri negara ini. Ini amat membimbangkan, oleh kerana dadah dahulu mungkin majoritinya adalah anak Melayu tetapi sekarang dadah tidak memilih ethnic group ataupun asal usul keturunan. Dadah nampaknya memusuhi seluruh majoriti rakyat muda di negara ini.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini dan sekali lagi saya menggesa dan merayu serta berharap supaya masalah kemasukan atau pengilangan dadah di dalam negara ini dikurangkan secara drastik dari tahun demi tahun. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tambun.

4.40 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin sentuh secara ringkas sahaja tentang Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 1997 dan saya menyokong pindaan tersebut. Saya berharap bahawa dengan pindaan tersebut rawatan dan pemulihan yang berkesan dapat diadakan sepertimana yang dikatakan oleh rakan saya dari Parit Sulong yang dapat memberi keuntungan kepada negara kita dari segi ekonomi, sosial, kesihatan dan juga kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin mendapat maklumat daripada kementerian mengenai dengan isu

penagihan dadah ini. Pertama, tentang bilangan penagih dadah sekarang ini, bagaimanakah trend dari segi peratus peningkatan daripada setahun ke setahun. Kedua, dari segi bilangan mereka yang mati akibat daripada dadah ataupun daripada penyakit sampingan iaitu AIDS. Ketiga, tentang kos untuk pemulihan kepada penagih-penagih dadah. Keempat, saiz industri dadah ini di dalam negara kita.

Saya berpendapat bahawa masalah dadah ini bukan mudah untuk diatasi kerana kalau kita lihat dari segi flow industri ini, pengeluarannya mungkin di Burma ataupun di Puerto Rico, kemudian diproses di tempat lain, kemudian dibawa ke negara kita sama ada melalui darat, laut ataupun udara dan di negara kita ada sindiket, sindiket menjualnya kepada pusher dan akhirnya sampai kepada katalah Kampung Hulu Kuang, seorang penagih di situ. Jadi saya berpendapat dalam soal ini kita perlu mempunyai satu strategi jangka panjang yang komprehensif untuk mengawal masalah ini kerana dari segi industri ini ia mempunyai networking yang begitu komprehensif, begitu kompleks dan begitu canggih sekali.

Di samping itu, saya juga berpendapat mesti dilakukan kajian dan penyelidikan yang mendalam untuk kita mengetahui perkembangan-perkembangan baru ke atas permintaan dan juga perbekalan serta mengubah strategi-strategi baru. Berkenaan dengan kajian dan penyelidikan ini, saya ingin bertanya kepada kementerian tentang orang Melayu yang menagih dadah ini kerana kita dapat makluman, antara 70% dan 80% penagih dadah ini adalah terdiri daripada orang Melayu. Adakah pihak kementerian telah menjalankan satu kajian dan penyelidikan apakah puncanya dan tidakkah boleh kita mengatasi masalah ini daripada punca lagi.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang soal masalah dadah daripada sudut untuk kita mengatasi masalah penagihan dadah ini. Dari segi teori, masalah dadah ini boleh diatasi daripada dua sudut. Pertama, dari segi kita menghapuskan permintaan (demand reduction). Kedua, dari segi kita menghapuskan perbekalan penawaran (supply reduction).

Saya mahu menyentuh pertama sekali tentang soal menghapuskan permintaan ataupun meminimumkan permintaan. Dari segi teori, apabila permintaan tersebut minimum, bermakna ia akan mengelakkan daripada pengedar dadah ini mengedar dadah kerana ia tidak mendatangkan keuntungan dan ini akan dapat mengatasi masalah tersebut. Saya

berpendapat bahawa kita harus meningkatkan aktiviti-aktiviti pencegahan kita. Pertama, dari segi remaja, kita patut mengadakan program zero tolerant ke atas remaja kita supaya mereka menolak dadah. Bagi remaja di peringkat sekolah atau bawah umur, mereka mesti ditanamkan dalam diri mereka sikap untuk menolak bukan sahaja dadah, termasuk tembakau ataupun rokok, kerana daripada rokok, minuman keras dan sebagainya yang akan mengakibatkan seseorang itu menagih kepada dadah. Jadi, bermakna kita mesti mempunyai program zero tolerant ke atas dadah dan juga tembakau ini di peringkat mereka masih kecil lagi, di sekolah-sekolah umpamanya mesti diadakan sikap-sikap tersebut ditanam kepada pelajar-pelajar lagi. Kerana kita sedia maklum, kalau di peringkat remaja, mereka menolak penggunaan dadah, mengikut kajian bila dia sampai umur 20 tahun, dia tidak akan lagi minat kepada hendak menghisap dadah. Amat kurang mereka yang tidak hisap rokok ataupun dadah, tiba umur 20 tahun dia akan hisap dadah ataupun rokok. Kalau tiba umur 20 tahun dia tidak hisap dadah, tidak mengambil dadah dan tidak menghisap rokok, dia tidak akan lagi mengambil dadah dan menghisap rokok. Jadi kesedaran-kesedaran harus diberi kepada mereka tentang bahayanya dadah serta menjalankan usaha supaya remaja mengamalkan kehidupan yang positif, sihat dan perlu dicontohi.

Satu lagi perkara kita dapati penagih-penagih dadah ini adalah mereka yang tidak mendapat didikan yang baik daripada keluarga mahupun daripada masyarakat. Saya berpendapat peranan ibu bapa, guru-guru dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat mesti ditingkatkan untuk membantu remaja untuk menolak dadah dan juga tembakau melalui program-program masyarakat. Sekarang ini amat jarang kita dengar seorang ibu atau bapa yang mempunyai anak dan beritahu kepada anak supaya jangan hisap rokok dan jangan hisap dadah. Yang selalu ibu bapa beritahu kepada anak-anak supaya dia belajar rajin dan jadi seorang pelajar yang cemerlang. Ini bermakna bahawa kepada ibu bapa, kepada pemimpin masyarakat, juga guru-guru, konsep dadah ini merbahaya kepada negara ini tidak masuk dalam pemikiran mereka. Dengan sebab itu, mereka tidak langsung menyentuh perkara ini dalam mereka membangunkan anak-anak mereka. Begitu juga saya nyatakan tadi, mesti ada program pencegahan rokok dan juga dadah daripada peringkat di sekolah lagi.

Kemudian kita menggalakkan promosi drug free environment, baik di sekolah, di tempat kerja ataupun kepada masyarakat. Ini ditanamkan kepada

individu-individu, tempat-tempat ini adalah tempat yang bebas daripada dadah, it is a drug free environment, drug free area di sekolah mereka, di tempat kerja dan juga di dalam masyarakat.

Kemudian melalui hubungan yang erat dengan pihak media, industri hiburan dan juga organisasi sukan dan sebagainya. Kita hindarkan daripada kita glamourkan dadah dan rokok ini. Kita ambil contoh dalam industri hiburan umpamanya, kita dapati ada tingkah laku mereka yang terlibat ini seolah-olah mereka terlibat dari segi pengambilan dadah dan ini membuat remaja tertiru-tiru dan mencontohi mereka.

Dalam satu kajian tentang bidang muzik ini yang dilakukan di Barat, muzik mempunyai peranan untuk mententeramkan jiwa manusia. Tetapi apabila manusia terlibat dalam muzik berentak rock, dia boleh menjadikan perangai manusia itu begitu violent dan mereka ini adalah orang-orang yang terdedah kepada menghisap dadah. Satu kajian dibuat ke atas The Beatles, pada peringkat awal lagu-lagu mereka agak lagu-lagu yang slow dan sebagainya. Sikap, perangai dan tingkah laku mereka elok. Bila dia pergi kepada hard rock dan sebagainya, kita nampak mereka tidak lagi menjadi contoh, menghisap dadah, menjadi jahat dan sebagainya. Jadi, dalam industri hiburan muzik-muzik yang hendak kita mainkan ini mesti dikawal supaya dia tidak membawa kecenderungan kepada remaja kita menjadi orang-orang yang jahat dan tidak baik.

Kemudian saya ingin menyentuh satu perkara lagi mengenai dengan apa yang saya katakan tadi, perkara kedua, iaitu meminimumkan bekalan dalam industri dadah ini. Sepertimana kita sedia maklum, dari segi teorinya bila bekalan itu kurang, jadi kurang penggunaan, kalau banyak, banyak penggunaan. Kita mesti cari jalan supaya bekalan dadah ini tidak sampai kepada rakyat, mesti cari jalan untuk kita hapuskan langsung dadah ini daripada sampai kepada rakyat dengan mengadakan operasi yang menghubungkan antara drug chain ini daripada penanam coca, cocaine, marijuana dan sebagainya kepada pengilangan (production), mengeluarkan dadah-dadah ini, kemudian dalam transit dan terus menjual. Bermakna kita mesti awasi daripada peringkat awal sampai ke peringkat dijual dan ini memerlukan kerjasama bukan sahaja dalam negara kita malahan dengan organisasi antarabangsa untuk menghapuskan sama sekali drug chain tersebut.

Saya berpendapat bahawa untuk menghapuskan bekalan dadah, kita perlu mengadakan strategi operasi yang berkesan. Pertama, dari segi perisikan

(intelligent) kita mesti cekap untuk mengesan laluan manakah drug trafficking ini, melalui mana laut kita. Saya percaya kalau intelligent kita bijak, kita tahu laluan-laluan mana yang digunakan oleh drug traffickers ini, kemudian waktu bila dan sebagainya. Jikalau maklumat-maklumat ini tepat, maka kita boleh mengambil usaha-usaha penguatkuasaan untuk menangkap dan sebagainya.

Kedua, dari segi penguatkuasaan. Kita mesti lindungi darat, udara dan lautan kita daripada bahaya dadah ini dengan melalui penguatkuasaan yang berkesan untuk menghalang dan menahan dadah, baik dalam transit di negara kita mahupun di sempadan negara kita. Kita perlu tingkatkan kecekapan kita untuk buat tangkapan. Dalam soal ini, ia memerlukan penglibatan ramai pihak. Dalam perbincangan saya dengan pihak polis yang terlibat dalam Bahagian Anti-Dadah ini, mereka mengesan aktiviti penjualan dadah di pusat hiburan dan dia hendak buat raid. Masalahnya kadang-kadang kerjasama daripada pihak yang berkuasa ke atas tempat-tempat hiburan ini tidak diterima. Dalam erti kata lain, mesti ada kerjasama yang erat di antara pihak polis, bandaraya yang mengeluarkan lesen dan sebagainya. Kerana saya dapati kalau kita ambil di bandarlah, kita boleh kenal pasti di manakah tempat-tempat yang berkemungkinan dadah ini untuk diedarkan. Kalau Lorong Haji Taib itu kita sudah tahu, itu tempatnya, lorong-lorong kita tahu, di pusat-pusat hiburan kita tahu, di tempat-tempat rockers dan sebagainya kita tahu. Apabila ada semua pihak terlibat, semua bertujuan ke matlamat untuk mengatasi masalah ini, saya rasa baru berkesan. Kalau satu pihak sahaja yang terlibat, pihak lain tidak memberi kerjasama, ia tidak akan memberi kesan kepada usaha-usaha tersebut. Kita mesti berusaha sepertimana kata Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi untuk menahan badan-badan atau organisasi criminal ini dan juga sindiket-sindiket dadah yang besar.

Satu lagi perkara, tadi saya ada menyentuh tentang soal perbekalan dadah ini di mana ditanam coca, cocaine, marijuana dan sebagainya, kemudian proses kepada perkilangan dan transit di luar negara kita dan seterusnya masuk ke negara kita. Dalam erti kata lain, kita mesti ada perhubungan bilateral, multilateral, hubungan serantau dan juga dengan organisasi-organisasi antarabangsa untuk mengatasi masalah ini. Bermakna, ia mesti menjadikan satu penglibatan global kerana ia melibatkan semua negara, negara besar seperti Amerika Syarikat menghadapi masalah dadah yang begitu besar, begitu juga negara-negara yang kecil. Ini satu masalah

dunia, bukan masalah negara kita ataupun rantau kita. Jadi kita mesti terlibat dengan badan-badan antarabangsa untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Saya dapati bahawa kita mesti bersama-sama dengan negara lain, kita mesti atasi masalah dari pengeluarannya sendiri, daripada tempat ditanam sendiri. Kita mesti cari jalan untuk hapuskan masalah ini di peringkat ia ditanam, kemudian di peringkat ia diproses dan sebagainya. Saya percaya bila langkah-langkah ini diambil secara menyeluruh dan komprehensif, baru usaha untuk mengatasi masalah dadah ini dapat diatasi. Jadi saya berharap sepertimana saya nyatakan tadi, mesti ada satu strategi jangka panjang yang komprehensif untuk kita mengatasi masalah dadah ini dari 10 tahun, 20 tahun dan setiap tahun pihak kementerian wajib untuk membentangkan masalah ini atau di Parlimen umpamanya supaya biar kita tahu, kepada kerajaan, kepada seluruh rakyat, kerana hanya penglibatan semua pihak, baik kerajaan, penguatkuasa mahupun rakyat, masalah ini dapat diatasi. Kalau setakat satu pihak sahaja yang terlibat dan ia tidak melibatkan pihak-pihak lain, maka untuk mengatasi masalah dadah ini tidak akan dapat selesai.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bintulu.

4.55 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dadah merupakan wabak dan musuh utama negara. Ancaman dadah boleh melumpuhkan generasi muda dan memusnahkan negara dan bangsa Malaysia jika dibiarkan menular dalam masyarakat dan tidak ada langkah pembendungan dan pencegahan drastik diambil.

Saya menghargai usaha kerajaan dan agensi seperti PEMADAM membanteras dan menjalankan usaha pencegahan dadah dari berleluasa selama ini, tetapi sejauh mana kemajuan dan pencapaian dalam usaha pencegahan ini dan di tahap mana wabak ini mengancam merupakan ruang yang memerlukan setiap pihak menggembleng tenaga dan kekuatan untuk membasmikan ancaman ini. Walaupun banyak usaha diambil mengadakan undang-undang penguatkuasaan, kaunseling, pemulihan, pendidikan, seminar, bengkel, tetapi kadar penglibatan rakyat terutama golongan muda menjadi penagih dadah semakin bertambah. Semakin kuat usaha pencegahan dibuat, semakin kuat pula wabak ini

menular dalam masyarakat. Sindiket pengedaran semakin berani dan menggunakan pelbagai muslihat dan jenis-jenis dadah yang dipasarkan kian berubah dan bertambah. Sindiket pengedaran dadah semakin licik walaupun hukuman paling berat dikenakan ke atas pengedar dadah, namun hukuman gantung sampai mati tidak menyedarkan golongan manusia pengedar dan pengeluar terkutuk ini. Semakin halus dan licin kerja-kerja Cawangan Anti-Dadah, maka semakin licin sipengedar ini melepasi diri. Pengedar bukan lagi terdiri golongan pengedar, penganggur, gangster, tetapi golongan sasaran baru ialah pekerja, pelajar sekolah, anggota tentera, belia, orang dewasa dan paling sedih ialah bagaimana nenek atau perempuan tua boleh terjebak dalam pengedaran dadah.

Langkah kementerian memperkenalkan dan membentangkan Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) boleh diterima untuk meningkatkan lagi usaha memulih dan merawat penagih-penagih dadah. Namun jika ditinjau implikasi rang undang-undang ini, saya mendapati bahawa walaupun perintah sekatan atau dikenakan perintah buang daerah di bawah jagaan seorang pegawai di suatu tempat bagi tempoh dua tahun hingga tiga tahun, bekas penagih ini masih lagi boleh berhubung dengan kawasan asal mereka. Bagi penagih yang teruk, yang sudah biasa keluar masuk pusat pemulihan dan sudah lali dengan hal-hal dadah, mereka tidak lagi takut dengan tindakan polis atau pihak berkuasa. Selepas habis tempoh, mereka akan pulang semula ke tempat asal dan meneruskan kegiatan secara terang-terangan atau berselindung.

Jadi, Fasal 4 ini belum tentu menjamin bekas penagih teruk (core addict) kembali ke dunia dadah mereka. Walaupun hukuman dinaikkan seperti pemenjaraan maksimum lima tahun dan sebatan tidak lebih tiga rotan, belum pasti mereka serik dan gentar. Penagih dadah ibarat orang yang sedang menderita sakit jiwa, fikiran mereka tidak pernah tetap dan sering berubah, sekejap mereka jadi baik dan ada masanya mereka hilang pertimbangan. Oleh itu, peruntukan Fasal 12 untuk mengadakan hukuman berat mestilah seiringan dengan langkah-langkah meningkatkan kaedah pemulihan di pusat-pusat pemulihan bagi mengelakkan mereka merusuh, melakukan kerosakan dan melarikan diri dari pusat pemulihan. Pemulihan bukan penderaan tetapi satu kaedah pembersihan diri. Pemulihan yang mengibaratkan kaedah keagamaan wajar diutamakan.

Satu masalah yang dihadapi di Cawangan Anti-Dadah Polis dan Bahagian Narkotik ialah kekurangan kakitangan. Mereka bergerak secara berpasukan. Akibat ketidakcukupan anggota menyebabkan aduan orang ramai mengenai kegiatan penagihan dadah di satu-satu tempat tidak diambil tindakan segera, terpaksa menunggu giliran yang memakan masa beberapa hari. Perangkap yang dibuat oleh orang ramai supaya anggota CAD datang menyerbu kerap tidak menjadi, akibatnya penagih semakin berani mencabar orang ramai dan pasukan polis. Oleh itu, adalah wajar kakitangan CAD ini ditambah lagi walaupun kita menghadapi kemelesetan ekonomi, membuka lagi pusat-pusat pemulihan baru kerana pusat-pusat yang ada tidak cukup bilangan untuk menampung pertambahan penagih. Para penagih yang menjalani pemulihan wajar diperuntukkan masa di bawah kawalan, dilibatkan dengan kerja-kerja kemasyarakatan dan diberikan sagu hati. Dalam masyarakat sendiri, pihak sekolah, PIBG, persatuan penduduk, rukun tetangga, persatuan belia, surau, masjid, gereja, tempat ibadat, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung wajar dilibatkan sepenuhnya tanpa berputus asa. PEMADAM harus mengembangkan sayap bersama-sama pertubuhan lain ke kawasan kediaman, taman, rumah pangsa dan kampung-kampung turun ke padang. Pihak majikan yang mana pekerja mereka menjadi penagih harus turut membantu usaha pemulihan. Rawatan susulan selepas keluar dari pusat wajar dipertingkatkan. Usaha PENGASIH, badan yang membantu bekas-bekas penagih harus diiktiraf dan diberikan bantuan sepenuhnya. Yang paling penting ialah masyarakat harus menukar sikap. Bekas penagih yang berjaya dipulihkan harus diberikan tempat dalam masyarakat dan diberikan pekerjaan. Ramai yang telah dipulihkan terpaksa berbalik ke dunia lama mereka kerana masyarakat sendiri memberi tanggapan yang buruk. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Gelang Patah.

5.02 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan pindaan kepada Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 iaitu dengan mengadakan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1997. Terutama sekali saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kementerian Dalam Negeri dan Majlis Dadah Malaysia kerana dapat mewujudkan pindaan ini dengan matlamat untuk

mempertingkatkan usaha dalam perawatan dan pemulihan penagih-penagih dadah yang semakin bertambah serius dalam masyarakat kini pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat kini menghadapi masalah penyalahgunaan dadah yang serius walaupun usaha gigih yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan, PEMADAM dan Majlis Dadah Malaysia untuk membanteras gejala sosial yang negatif ini tetapi masalah ini bertambah serius sehingga semua pusat serenti di negara kita ini telah penuh sesak dengan penagih dadah dan sudah sampai tahap tidak dapat menampung ramai penagih dadah yang masih di luar belum ditangkap oleh pihak polis atau dihantar oleh ibu bapa dengan sukarela ke pusat-pusat serenti.

Satu misalan, seperti di Pusat Serenti Tampoi, Johor Bahru yang mana pada satu ketika Pusat Serenti Tampoi itu mempunyai bilangan anggota penagih dadah yang berada di sana lebih 1,000 orang. Sebenarnya pusat itu cuma boleh menampung maksimum jumlah penagih dadah tidak lebih daripada 500 orang tetapi ada satu ketika lebih 1,000 orang dan sudah sampai satu tahap 'over crowding', dengan izin. Dengan usaha daripada Kementerian Dalam Negeri memandangkan ini sudah jadi satu tahap yang serius, sudah ambil langkah yang berkesan bagi mengurangkan bilangan penghuni penagih dadah di Pusat Serenti Tampoi. Pada masa sekarang cuma kurang daripada 500 orang dan yang selebihnya sudah dihantar ke tempat yang lain, iaitu di pusat serenti yang lain di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengenal pasti pokok masalah penyalahgunaan dadah dan ambil tindakan yang lebih berkesan untuk membanteras masalah penyalahgunaan dadah seperti melalui langkah-langkah yang sebilangan besar telah disebutkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong dan lain-lain Ahli Yang Berhormat yang sudah berucap. Kita perlu mempertingkatkan usaha kerjasama antara anggota masyarakat terutama ibu bapa, badan-badan NGO dan pihak kerajaan serta dengan usaha PEMADAM dan Majlis Dadah Malaysia untuk mengurangkan atau dapat menghapuskan musuh utama masyarakat kini iaitu masalah dadah.

Saya ingin ambil peluang ini untuk memberitahu Dewan yang mulia ini seperti usaha gigih yang dijalankan oleh pihak Pergerakan Pemuda MCA untuk mengadakan kempen besar-besaran iaitu Kempen Anti-Dadah pada tahun 1995 dan ini pun

dilanjutkan hingga masa kini. Usaha di kawasan Parlimen Gelang Patah, saya dapati usaha oleh Pemuda UMNO Bahagian Gelang Patah pun sangat menggalakkan kerana Pergerakan Pemuda UMNO telah tubuhkan satu pasukan bertindak dengan menggunakan motosikal yang mana anggota-anggota Pemuda UMNO sentiasa buat perondaan di kawasan-kawasan taman perumahan dan kampung-kampung untuk bersama-sama dengan pihak polis dan pegawai-pegawai kerajaan untuk membanteras masalah dadah ini.

Yang kedua, saya ingin sebutkan bahawa kita perlu mempertingkatkan segala langkah pencegahan seperti menyekat bekalan dadah, menghapuskan saluran bekalan dadah melalui tindakan penguatkuasaan yang lebih efektif. Negara kita ini tidak keluarkan bahan dadah, bagaimana dadah ini boleh masuk ke negara kita ini? Dadah tidak ada kaki, tidak boleh jalan, bagaimana boleh masuk daripada sempadan ke negara kita ini melalui sindiket sampai ke pengedar dan sampai ke penagih dadah, bagaimana saluran ini kita dapat cegahkan? Jika kita dapat mempertingkatkan usaha ini untuk mencegah bekalan, kerajaan kita tidak perlu belanja banyak wang untuk merawat dan memulihkan penagih dadah. Tiap-tiap hari kita perlu belanja lebih RM10 untuk usaha merawat dan memulihkan penagih dadah. Jika buat kiraan ini dengan bilangan penagih dadah yang berada di pusat serenti, kita perlu belanja banyak wang.

Oleh yang demikian, saya harap pihak kerajaan, kita tidak boleh salahkan kepada Kementerian Dalam Negeri sahaja dalam usaha untuk membanteras dadah ini kerana ini perlu usaha sama dari semua jabatan kerajaan dan perlu kerjasama dari anggota masyarakat terutama ibu bapa. Jika kita dapat mengadakan pendidikan moral supaya pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi kita dapat mewujudkan ketahanan diri dan kesedaran bahawa dadah itu adalah najis. Bila nampak ada orang hendak beri dadah kepada dia, dia ingat itu najis, tentu kita tidak makan najis. Kalau kita anggap dadah itu najis, kita tidak makan. Jika kita ada ketahanan diri, kita tidak akan terpengaruh dengan dadah ini.

Sebab itu saya harap melalui usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan, kita dapat mempertingkatkan pendidikan moral di sekolah-sekolah dan pendidikan agama. Dengan memperbanyakkan pendidikan moral, pendidikan agama, kita harap kita dapat mewujudkan ketahanan diri di kalangan pemuda-pemudi di negara kita ini supaya mereka dapat menjauhkan diri daripada gejala sosial yang negatif ini.

Saya ingin sarankan melalui usaha Kementerian Pendidikan dan badan-badan PIBG dan badan-badan NGO yang lain supaya kita memperbanyakkan kaunseling terutama kaunseling kepada ibu bapa kita ini supaya ibu bapa kita tidak cuma ambil usaha dalam mempertingkatkan kebendaan sahaja, mereka perlu sedar bahawa kepentingan mempertingkatkan kerohanian dan jasmani untuk anak-anak mereka dengan mengadakan kaunseling di sekolah-sekolah seperti yang dilaksanakan di Negeri China yang mana di sekolah-sekolah di waktu malam memang ada kelas-kelas kaunseling untuk ibu bapa supaya ibu bapa akan ambil perhatian berat untuk menjaga kepentingan anak-anak mereka dari segi kewujudan disiplin dan moral anak-anak mereka dan dapat menjauhkan anak-anak mereka daripada penyalahgunaan dadah dan gejala-gejala sosial negatif yang lain.

Satu lagi gejala sosial negatif yang pada masa kini kita sangat bimbang iaitu tentang pil-pil ecstasy yang sudah sampai ke satu tahap yang serius terutama di bandar-bandar besar sekarang kita dapati ada banyak beer garden diwujudkan. Biasanya beer garden ini mereka memulakan perniagaan pada waktu malam sampai pagi. Oleh yang demikian, kita perlu ambil perhatian berat kerana di tempat-tempat inilah yang mana kes-kes penyalahgunaan dadah dan pil ecstasy senang berlaku. Saya harap pihak Kementerian Dalam Negeri akan ambil tindakan yang lebih efektif dan berkesan untuk mencegah kes-kes penyalahgunaan pil ecstasy dan dadah.

Tuan Yang di-Pertua, kita pun perlu mempertingkatkan Kempen Cara Hidup Sihat seperti yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan terutama usaha untuk melarang merokok. Jika pemuda-pemudi kita tidak merokok, mereka tidak akan terpengaruh dengan penyalahgunaan dadah. Selain daripada itu, peranan ibu bapa amat penting untuk mewujudkan keluarga yang kukuh, harmoni dan mempunyai nilai penyayang supaya dapat mengelakkan anak-anak mereka terpengaruh oleh dadah.

Di sini saya ingin sebutkan tentang apa yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tadi bahawa kadar 'relapse' iaitu ulang semula penyalahgunaan dadah amat tinggi. Ini adalah kerana kekurangan konsep penyayang antara keluarga dan masyarakat kita ini. Bila seseorang penagih dadah itu sudah tamat dirawat di pusat serenti dan balik ke rumah dan balik kepada masyarakat, mereka tidak diterima baik oleh keluarga dan anggota masyarakat dan ini sudah memaksakan

mereka terpaksa balik kepada kawan rapat mereka yang mengedarkan dadah kepada mereka, balik kepada pengedar dadah. Ini adalah satu sebab kadar ulang balik penyalahgunaan dadah sangat tinggi. Dengan demikian, saya harap kita dapat menggembelngkan usaha bagaimana kita dapat mewujudkan sikap penyayang kepada bekas-bekas penagih dadah yang sudah tamat rawatan di pusat serenti.

Sama juga saya ingin sebut di sini ialah kurang penyayang terhadap pesakit jiwa. Saya dapati bila seorang pesakit jiwa walaupun sudah sihat, dia keluar daripada mental hospital, dengan izin, tetapi oleh kerana tidak diterima baik oleh keluarga dan anggota masyarakat, dia sakit jiwa lagi. Oleh yang demikian, saya harap dalam matlamat Wawasan 2020 kita memang ada satu matlamat dan salah satu matlamatnya adalah untuk mewujudkan masyarakat penyayang tetapi jika kita tidak benar-benar melaksanakan cara masyarakat penyayang, kita tidak akan dapat memperbetulkan masalah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pindaan terhadap Akta Penagih Dadah ini, saya berpendapat adalah sangat wajar pindaan seksyen 8 dibuat supaya peruntukan yang berhubungan dengan rawatan dan pemulihan orang-orang yang menjalaninya secara sukarela adalah serupa dengan peruntukan yang terpakai bagi mereka yang diperintahkan oleh mahkamah seperti dalam pindaan seksyen 4 dan 6 supaya menjalani rawatan dan pemulihan.

Berkenaan dengan pindaan seksyen 10 untuk memberhentikan pusat harian dan 45 pusat jagaan lanjutan, saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tentang tujuan pindaan tersebut. Adakah pusat harian dan pusat jagaan lanjutan yang sedia ada ini telah diwujudkan selama ini tidak dapat berfungsi dengan baik terutama untuk mengelakkan ulang balik penagih-penagih dadah yang telah keluar dari pusat serenti.

Berkenaan dengan pindaan seksyen 12 untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menyingkatkan tempoh kediamaan seseorang di pusat pemulihan atau dengan izin bertulis, menteri mengeluarkan seseorang daripada pusat pemulihan atas sebab-sebab khas. Selama ini kuasa ini terletak hak kepada Lembaga Pelawat. Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri sama ada pihak kementerian telah hilang keyakinan terhadap Lembaga Pelawat yang selama ini telah berkhidmat secara sukarela di pusat-pusat serenti dalam negara kita ini.

Apa fungsi yang penting lagi untuk mereka selepas ini? Mereka cuma akan berkhidmat untuk melawat ke pusat-pusat serenti, pergi periksa tandas, periksa dapur, periksa tempat tidur dan lain-lain sahaja dan berikan komen-komen kepada pegawai-pegawai untuk memulihkan atau memperbaiki keadaan premis yang mereka sudah periksa sahaja. Jika ini sahaja, saya fikir tidak berapa perlu untuk jemaah Lembaga Pelawat untuk memeriksa premis kerana kita tahu di pusat-pusat serenti kita memang ada pegawai-pegawai yang telah ditugaskan untuk menjaga kesempurnaan premis-premis pusat serenti. Kita tidak perlu mengadakan satu Lembaga Pelawat untuk kerja itu sahaja. Pada masa dahulu Lembaga Pelawat mengadakan perkhidmatan memeriksa premis tetapi mereka diberikan tanggungjawab untuk kerja yang saya sebutkan tadi, iaitu kuasa untuk menyingkatkan tempoh kediamaan seseorang atau membebaskan seseorang penagih dadah setelah sudah tamat tempoh rawatan dan pemulihan, tetapi selepas pindaan ini mereka tidak ada kuasa ini lagi.

Selain daripada itu, beberapa bulan dahulu Lembaga Pelawat sudah hilang kuasa untuk menguruskan tabung kewangan yang selama ini mereka sudah berusaha untuk mempertingkatkan tabung kewangan di pusat-pusat serenti melalui usaha bekerjasama (collective) mereka dan mereka dapatkan kerjasama dari pusat serenti dan dapat membuka warung menjual makanan dan minuman. Penagih-penagih dadah di pusat-pusat itu yang sudah tamat satu tahun pemulihan, oleh kerana nampak mereka sudah tukar akhlak ke tahap yang baik, boleh keluar bekerja. Pada masa itu adalah digalakkan mereka bekerja di kilang-kilang, boleh menjalankan perniagaan menjual makanan dan minuman di warung yang mana ada pegawai-pegawai daripada pusat serenti yang ada bersama-sama mereka.

Dengan usaha ini sudah dapat mempertingkatkan tabung kewangan di pusat-pusat serenti, tetapi malangnya selepas usaha gigih mereka mempertingkatkan tabung-tabung ini, mereka pada masa sekarang sudah tiada kuasa lagi untuk menguruskan tabung kewangan itu. Pada kali ini dengan pindaan ini, mereka hilang satu kuasa lagi untuk menguruskan tentang kes-kes menyingkatkan tempoh penagih dadah atau menguruskan kes-kes penagih dadah yang sudah tamat tempoh rawatan dan pemulihan. Oleh yang demikian, saya khuatir selepas pindaan ini ada kes-kes yang mana seluruh anggota Lembaga Pelawat di pusat serenti kemungkinan akan letak jawatan kerana mereka fikir peranan mereka.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kerana kita kesuntukan masa, minta Yang Berhormat pendekkan sedikit ucapan.

Tuan Chang See Ten: Okay, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kemungkinan ada anggota Lembaga Pelawat akan letak jawatan kerana mereka fikir peranan mereka tidak penting lagi. Saya harap Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri dapat menerangkan apa fungsi yang penting yang akan dilaksanakan oleh Lembaga Pelawat selepas pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa singkat, hari ini kita mesti habiskan semua bil yang belum dihabiskan, saya pun bersetuju supaya saya pendekkan perbahasan saya. Cuma di sini saya harap yang penting sekali kita perlu mempertingkatkan tindakan pencegahan dalam usaha membanteras masalah penyalahgunaan dadah ini kerana usaha pencegahan adalah lebih penting dan lebih jimat daripada usaha rawatan dan pemulihan. Tetapi oleh kerana kita sudah menghadapi masalah yang serius dalam kes-kes penyalahgunaan dadah ini, kita terpaksa melanjutkan semua usaha rawatan dan pemulihan. Cuma saya harap dengan pindaan ini kita akan dapat mengurangkan pusat-pusat serenti di negara kita ini dan akan dapat mendatangkan manfaat kepada semua rakyat jelata di negara kita ini.

Dengan kata-kata demikian, saya menyokong akta ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sebelum kita memulakan perbahasan, saya harap perkara-perkara yang sudah disentuh oleh ahli-ahli yang lain itu jangan sentuh lagilah, sentuh point-point yang lain. Kuala Pilah.

5.31 ptg.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun memang sedar bahawa masa tidak mengizinkan dan rakan-rakan telah banyak bercakap tadi juga hari ini adalah hari terakhir, kita ada dua akta yang hendak dibincangkan lagi. Jadi, saya cuba dengan kerana saya terpenggil dengan akta ini untuk menyentuh sedikit sahaja.

Pertama sekali saya ingin menyatakan di sini iaitu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian yang begitu peka mengadakan pindaan ini. Saya hendak membangkitkan di sini bahawa dalam masalah dadah ini, tidak ada penagih kalau sekiranya tidak ada supply. Kalau tidak ada penagih tidak ada pembekalan.

Persoalannya sekarang ini kita tahu betapa seriusnya dan banyak wang yang telah kita gunakan untuk membasmi penyalahgunaan dadah. Jadi, apakah usaha-usaha kerajaan untuk menentukan dan mengenalpasti sumber-sumber bekalan dadah yang datang ke negara ini dan apakah bentuk-bentuk agenda disebalik, yang begitu banyaknya kemasukan dadah ke negara ini, yang saya percaya tentu sekali bermotifkan jahat untuk melemahkan negara kita melalui orang-orang yang telah pun diserapkan ataupun dimasukkan gejala dadah.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua sekarang ini soal penguatkuasaan. Kita ada pihak polis, pihak Pemadam dan semua lapisan masyarakat yang cuba menggembleng penyalahgunaan dadah. Di sini saya hendak menekankan dan menyarankan supaya pihak-pihak penguatkuasaan yang terlibat secara total iaitu Polis Di-Raja Malaysia dalam bidang-bidang yang tertentu supaya menentukan anggota-anggotanya melaksanakan penguatkuasaan yang betul-betul bertanggungjawab, kerana di kebelakangan ini terdapat juga pegawai-pegawai polis dan sebagainya terlibat memainkan peranan di dalam usaha-usaha penyalahgunaan dadah ini. Bukan sahaja di peringkat bawah, malahan di peringkat atasan pun begitu juga. Begitu juga di peringkat penjara-penjara terdengarnya warder-warder terlibat, ini semua akan melemahkan keyakinan rakyat dalam usaha-usaha kita membanteras dadah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita semua sedia maklum bahawa negara kita telah memperkenalkan atau mewujudkan satu Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Dangerous Drugs Ordinance) yang menggunakan hukuman mati mandatori (mandatory death penalty), tetapi dengan adanya undang-undang yang begitu ketat, begitu serius masih juga permasalahan dadah bermaharajalela. Persoalannya adakah kita berpuas hati dengan adanya undang-undang itu. Kalau sekiranya masih lagi banyak, apakah pendekatan cara baru yang patut kita dekati ataupun kita approach untuk membasmi, kerana kalau sekiranya dengan cara undang-undang yang begitu ketat dan begitu tegas, penggunaan dadah masih lagi bermaharajalela dan apa cara approach yang patut kita hadapi dan kita cuba. Dalam konteks ini, Tuan Yang di-Pertua, ramai rakan telah bercakap tadi dan saya ingin menyarankan kerana mereka tidak menyentuh apa yang saya hendak cakapkan.

Kita tahu sekarang ini dalam bentuk rawatan, kita perketatkan seperti di pusat serenti, Pemadam dan sebagainya. Belanja wang untuk rawatan adalah begitu banyak dan apabila dibebaskan 80% mereka masih juga pulang kembali tabiat yang tidak baik ini. Approach ini juga saya hendak sarankan di Dewan yang mulia ini, apakah usaha pihak yang bertanggungjawab untuk membuatkan satu pendekatan baru. Kalau sekiranya sekarang ini kita hantar ke pusat Serenti di sana mendapat satu rawatan secara military dan disiplinnya.

Saya menyarankan kalau boleh kita ubah, maknanya selain daripada approach itu kita buat satu pendekatan di mana unsur-unsur agama patut kita tumpukan, kerana di sini jelas sekali cara-cara lama itu di mana bila masuk sahaja pusat Serenti dia akan memakai seluar pendek, disuruh berkawad, rambutnya dipotong botak dan sebagainya. Ini cara approach dahulu, di antara mereka ini ada juga artis-artis yang mengaku hendak baik, tetapi selepas itu kembali juga.

Saya telah mendapat satu saranan dari beberapa orang di dalam bidang-bidang yang tertentu supaya pendekatan baru, selain daripada pendekatan yang sedia ada, yang kita tahu, masyarakat kita adalah masyarakat majmuk, pelbagai kaum, dia tidak kira bangsa, keturunan dan sebagainya. Kalau sekiranya kita orang Melayu beragama Islam, pendekatan (approach) itu ditekankan unsur-unsur agama, iaitu kesedaran dan keinsafan daripada awal-awalnya. Insya-Allah, saya rasa ini akan dapat satu ganjaran, kesedaran yang diberkati oleh Allah S.W.T. Bagi yang tidak beragama (free thinker) dan sebagainya, kalau sekiranya dia Kristian, kita bawa dalam bentuk Christianity, dalam bentuk bible yang diajar oleh kaum-kaum Kristian dan sebagainya. Begitu juga agama Buddha dan Hinduisme. Ini kalau dapat kita cuba ubah, kerana kita telah membelanjakan banyak wang, tetapi tidak begitu berkesan. Jadi, apa salahnya kita ubah approach ini dalam pendekatan yang baru.

Akhir sekali, kerana saya tidak mahu membuang masa, iaitu penglibatan ibu bapa. Penyalahgunaan dadah ini tidak tahu dia anak siapa, sama ada anak menteri, anak ketua jabatan ataupun wakil rakyat. Ini amat mendukacitakan kita kalau sekiranya seseorang itu telah terlibat di dalam penyalahgunaan dadah. Saya percaya juga tidak ada ibu bapa yang tidak berasa kesal dan sangsi ataupun berasa dukacita apabila perkara ini berlaku. Justeru itu saya mencadangkan sebagaimana pindaan yang

dibuat di mana ibu bapa juga kalau boleh sama-sama menyumbangkan dalam cara pemulihan anak-anaknya dan dianggap juga penyalahgunaan dadah ini tidak lagi sebagai satu penjenayah, tetapi pendekatan secara lebih corrective, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sekian saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada satu usul Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEKAS DARI PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

5.35 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga setelah selesai segala urusan kerajaan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul bahawa Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai segala urusan kerajaan dalam Aturan Urusan Mesyuarat hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga setelah selesai segala urusan kerajaan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta Ahli-ahli Yang Berhormat berucap seorang tidak lebih daripada 10 minit, boleh ya? Kota Bharu.

5.36 ptg.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong pindaan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 yang bertujuan memberikan keluasan (flexibility) dalam penguatkuasaan.

Kawasan saya Kota Bharu tidak terlepas daripada masalah dadah. Kota Bharu hanya lebih kurang 30 minit sahaja berkereta dari sempadan dengan negeri Thai, sumber atau laluan bekalan dadah. Seperti rakan-rakan lain yang telah berucap sebelum saya, saya juga ingin mendesak kerajaan menambah usaha menyekat kemasukan atau penyeludupan dadah tanpa bekalan pasti jumlah penagih akan turun dengan drastik. Apakah masalah-masalah yang menyebabkan sempadan kita begitu bocor, sangat mudah bagi penyeludupan dadah berleluasa.

Saya juga ingin mengetahui dengan kemasukan Myanmar sebagai anggota ASEAN, apakah kerajaan kita telah mengambil pendekatan untuk bekerjasama dengan Myanmar bagi memusnahkan ladang-ladang dadah? Kerajaan juga harus memastikan penanaman-penanam atau petani-petani Myanmar itu yang telah kehilangan punca rezeki sesudah ladang-ladang dadah dimusnahkan, diberi segala insentif untuk mendapat rezeki baru.

Tuan Yang di-Pertua, beralih pula kepada masalah pemulihan. Suka saya mencadangkan bagi penagih dadah yang sudah dikenal pasti tiada propensity untuk dipulih iaitu mereka yang 'hardcore'. Mereka ini harus ditempatkan di suatu kawasan, mungkin sebuah pulau di mana mereka boleh menghabiskan sisa-sisa hidup mereka tanpa peluang mempengaruhi penagih-penagih baru, yang mungkin boleh diselamatkan. Kebanyakan penagih 'hardcore' sudah hilang sifat-sifat manusia, sifat-sifat mulia dan mereka hidup serupa haiwan. Oleh itu, jika mereka diizinkan berada dalam masyarakat, mereka pasti akan memudaratkan masyarakat, lebih baik penagih-penagih 'hardcore' ini dikumpulkan round-up dan diasingkan dari yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kini negara kita sedang mengalami masalah ekonomi. Oleh itu setiap Ringgit harus dibelanjakan dengan bijak. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pemulihan dan rawatan patut diteruskan, tetapi hanya kepada mereka yang tidak 'hardcore' dan mereka yang mahu diselamatkan.

Kita semua maklumi bahawa proses pemulihan dan rawatan memakan masa yang sangat lama. Kita juga maklum bahawa kadar kejayaan kini masih

tidak memuaskan - 20% lebih kurang. Amerika Syarikat negara yang banyak pengalaman juga tidak dapat kejayaan yang memuaskan. Saya difahami kadar pemulihan di Amerika Syarikat juga tidak melebihi 30%. Oleh itu, pendekatan-pendekatan baru harus terus dicari bagi meningkatkan kadar pemulihan.

Saya bersetuju institusi keluarga dijadikan benteng. Tetapi keluarga sepertimana? Keluarga yang sempurna yang berjaya menjadi benteng. Keluarga yang sempurna adalah keluarga yang berteraskan ibu bapa berakhlak mulia dan ibu bapa yang berkemahiran dalam mendidik keluarganya ke arah kesempurnaan. Kita wakil-wakil rakyat harus berada di barisan hadapan untuk membantu usaha kerajaan mengukuhkan institusi keluarga supaya berkesan sebagai benteng pada dadah dan lain-lain gejala sosial. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Kepong. Selepas Kepong, Tanjong Karang dan kemudian Menteri menjawab.

5.41 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Harap Menteri dapat menjawab dalam masa setengah jam ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang dan juga selain daripada Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita, kita ada lagi satu undang-undang mengenai dengan pembekalan air. Itupun beberapa minit cukuplah.

Saya mengesyorkan supaya Majlis Dadah Kebangsaan mengkaji sistem-sistem anti-dadah yang diamalkan di negara-negara lain seperti Switzerland, Holand, UK, China dan Amerika Syarikat berbanding dengan sistem yang dipraktikkan di negara ini. Di negara-negara seperti Holand, Switzerland mereka ada sistem yang membekal dadah kepada penagih.

Baru-baru ini di Switzerland ada satu pungutan suara sama ada penduduk Switzerland menerima sistem untuk membekal dadah kepada penagih, sebab dengan bekalan ini mereka dapat mengawal para penagih dan juga dapat mengawal kemasukan dadah ke negara-negara yang berkenaan. Walau bagaimanapun kita mesti kaji sama ada sistem itu dapat diterima di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun lapan puluhan lagi, kerajaan telah mengambil langkah-langkah

untuk memerangi dadah. Maka tumbuhlah beberapa agensi, pusat-pusat Serenti, Biro Narkotik, Pemadam dan akhir-akhir ini Majlis Dadah Kebangsaan. Majlis ini merupakan satu payung untuk mengelakkan pertindihan di antara agensi-agensi dadah. Walaupun usaha-usaha telah ditumpukan kepada pencegahan bekalan dadah, rawatan dan pemulihan, tetapi wabak dadah tidak dapat dibendungkan. Bukan sahaja tidak dapat dibendungkan, tetapi masalahnya bertambah rumit. Kemasukan dadah dari segi tiga emas khasnya Myanmar masih meningkat. Myanmar mengeluarkan lebih 2,500 tan heroin setahun dan sekarang Myanmar telah diterima sebagai ahli ASEAN. Jadi, negara kita dan ASEAN terpaksa bekerja dengan lebih gigih untuk mencegah kemasukan dadah dari Myanmar kerana mereka masuk ke negara-negara ASEAN seperti Malaysia tanpa visa.

Kini kerajaan telah mengurangkan perbelanjaan sebanyak 18%. Semua jabatan wajib berjimat-cermat. Jadi, saya berharap Biro Narkotik tidak akan mengurangkan perbelanjaannya, kerana biro ini memerlukan wang untuk memerangkap para pengedar dadah. Bagi setiap kes tangkapan, Tuan Yang di-Pertua, beribu-ribu Ringgit telah dibelanjakan. Hanya dengan rancangan yang rapi, rancangan yang baik barulah para penagih boleh diperangkapkan. Maklumlah memandangkan industri dadah adalah berbilion-bilion Ringgit, peruntukan kerajaan masih sangat kecil dan janganlah kita kurangkan kerana kes-kes serta rancangan-rancangan untuk menangkap mereka memang susah hendak dilaksanakan. Walaupun hukuman mati mandatori telah dikenakan ke atas pengedar dadah, tetapi pengedaran dadah masih berlaku, masih bertambah, kerana para pengedar mendapat 'pisang terkubak'.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ini adalah mengandungi perakuan-perakuan yang telah dicadangkan oleh Pemadam, satu jawatankuasa kecil yang dipengerusikan oleh Dato' Wan Ismail dan saya menjadi salah satu ahli untuk jawatankuasa kecil itu. Sebagai seorang ahli saya memang menyokong Rang Undang-undang ini.

Sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, 73.3% daripada penagih yang keluar dari pusat-pusat Serenti kembali kepada kancanah penagihan. Dengan sistem pengesanan, pemantauan dan jagaan lanjutan yang baru, diharapkan kadar kejayaan boleh meningkat. Jagaan lanjutan ini Tuan Yang di-Pertua, boleh melibatkan balai polis, terdapat kekurangan kakitangan polis. Dengan kekurangan-kekurangan

ini, bolehkah pihak polis menjalankan tugas tambahan untuk memantau bekas penagih? Psikologi polis terhadap penagih dan bekas penagih serta tanggapan bekas penagih terhadap polis adalah sangat rumit, sama ada skim ini akan dijayakan, saya pun tidak tahu, cuma kita cubalah kerana langkah-langkah yang lain sudah diikhtiar dan kita mesti mencari cara yang lain untuk mengetahui sama ada cara ini adakah berkesan ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak tambahkan bilangan polis dan memberi latihan yang cukup, macam mana kita boleh mengubah psikologi mereka terhadap penagih dan juga para penagih terhadap polis, kerana ini satu hubungan yang rumit, yang mesti diatasi. Sebab itulah saya mencadangkan supaya bilangan polis ditambahkan dan latihan khusus diadakan untuk mereka agar mereka dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan.

Akhir sekali saya juga berpendapat bahawa kementerian perlulah mengkaji dengan teliti bagi setiap penagih yang dikesan beberapa penagih lagi yang tidak dapat kita ketahui, sama ada setiap penagih yang kita ketahui ada empat lagi atau sepuluh lagi yang terbiar. Ini memang satu perkara yang serius. Sekarang ada yang menganggarkan bilangan penagih di negara ini ialah seramai 400,000. Ini adalah satu angka yang besar. Tetapi pihak kementerian pun tidak tahu dengan tepat dan daripada angka-angka ini tidak sampai 10% dirawat dan dipulihkan di pusat-pusat Serenti. Bayangkanlah begitu serius masalah dadah, oleh kerana ia serius, ia berterusan maka orang-orang Malaysia pun tidak mengambil pusinglah, kerana menjadi satu lumrah untuk mereka semua. Sebab itulah saya sekali lagi menyeru supaya kita mengkaji sistem-sistem yang terdapat di negara-negara yang lain berbanding dengan sistem kita dan kita sama-sama mencari jalan untuk mengatasi wabak yang kian meningkat ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tanjong Karang.

5.49 ptg.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membincang mengenai isu evergreen. Semakin banyak kita bercakap isu dadah, semakin banyak duit kita tambah. Lagi banyak kita pinda akta-akta, lagi banyak penagihan dadah. Lagi banyak pemulihan kita buat, lagi ramai yang menagih sehingga 73% kembali menagih semula. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kita berharap pihak kerajaan tidak akan berputus asa dan akan terus meningkatkan usaha-usaha untuk kita memerangi wabak dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tiga perkara iaitu pencegahan, pemulihan dan juga pemantauan. Mengenai pencegahan, saya ingin mencadangkan dua perkara iaitu yang pertama kempen pencegahan dadah ini kita harap akan dapat diperluaskan bukan sahaja dilaksanakan oleh pihak kerajaan, tetapi juga oleh pihak-pihak swasta. Kalau kita pergi ke luar negeri, kita lihat di tandas-tandas pun ada ditulis mengenai bahayanya dadah dan saya lihat yang menulis ini bukannya kerajaan. Misalnya kalau di tempat buang air kecil yang menulis ialah syarikat sinki itu - di tempat buang air, ada ditulis 'anti-dadah'. Kemudian kalau kita pergi di shopping complex, pihak pengurusan shopping complex itu yang mengambil daya usaha sendiri untuk mempamerkan iklan-iklan anti-dadah ini. Oleh itu, di negara kita, kita harap kerajaan kalau tidak boleh dengan cara sukarela mungkin melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan meminta terutamanya pusat-pusat yang menjadi tumpuan muda-mudi, seperti di pusat-pusat membeli-belah ataupun di mana-mana restoran iklan jangan merokok begitu banyak sekali, begitu hebat diberi. Tetapi apakah cukup dengan iklan anti-merokok. Apa salahnya iklan anti-merokok ini juga sama dengan iklan anti-dadah ini. Sepatutnya lebih banyak lagi daripada iklan anti-merokok. Hari ini kalau kita pergi mana-mana tempat, di restoran atau di mana-mana shopping complex ia akan memberitahu kawasan larangan merokok dan juga tanda-tanda tidak boleh merokok. Tetapi tidak ada tanda-tanda yang mengingatkan orang ramai khasnya muda-mudi mengenai bahayanya dadah. Oleh itu kita berharap kerajaan bersama-sama dengan pihak swasta terutamanya di pusat-pusat membeli-belah supaya dapat membincangkan bagaimana untuk kita taburkan seberapa banyak yang boleh mengenai kesedaran anti-dadah ini.

Yang kedua, mengenai pameran. Saya tidak menafikan memang ada usaha-usaha dibuat untuk membuat pameran-pameran anti-dadah ini, tetapi saya rasa masih belum cukup kerana selama ini yang saya lihat apabila kita memanggil pihak-pihak daripada Majlis Dadah Kebangsaan, mereka turun, dia tunggu kita panggil, baru dia datang.

Kita berharap biarlah Majlis Dadah Kebangsaan atau Pemadam ini turun ke bawah, kalau hendak bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan belia sebagai contoh. Belia selalu kita buat, tetapi kita hendak buat selalu pun peruntukannya tidak cukup. Tetapi kalau peruntukannya cukup, diberi untuk pameran-pameran ini, maka Pemadam atau Majlis Dadah Kebangsaan ini mesti turun ke bawah di

sekolah-sekolah. Menjelangnya cuti sekolah kadang-kadang habis periksa itu, patut diserang sekolah-sekolah ini, terutamanya sekolah-sekolah menengah supaya memberi kesedaran kepada masyarakat betapa bahayanya dadah. Misalnya kalau kita sendiri tengok bagaimana dibuat demonstrasi hukuman rotan, dengan menggunakan rotan besar dan rotan kecil, maka kita akan merasa takut.

Bukan itu sahaja, saya juga ingin mencadangkan kalau boleh di pusat-pusat membeli-belah kita mesti turun ke bawah, ke grassroot. Pusat-pusat membeli-belah ini Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kadang-kadang ruang-ruang legar, sekarang ini oleh kerana rumah sudah tidak berapa laku, kita lihat mana-mana shopping complex mesti ada ruang untuk mereka mengiklankan jualan rumah. Begitulah sektor swasta untuk menarik peminat-peminat ataupun pembeli-pembeli. Tetapi pada hari ini kita lihat ruang-ruang legar ini kita dapati kadang-kadang iklannya lebih banyak memesongkan belia daripada menyedarkan belia. Oleh itu saya rasa iklan-iklan anti-dadah ini harus juga dipamerkan di ruang-ruang legar dan saya ingat tidak ada salah kalau kita booking di situ sepenuh masa. Tetapi dengan syarat janganlah asyik pameran atau gambar itu sahaja, mesti ada perubahan-perubahan tertentu supaya apabila belia-belie datang ke pusat-pusat membeli-belah, belia-belie ini tertarik untuk melihat dan sekurang-kurangnya akan memberi kesedaran kepada mereka.

Kalau kita hanya menunggu dipanggil ataupun hanya membuat ceramah-ceramah - saya sudah dua-tiga-empat kali membuat ceramah, buat ceramah, buat pameran tertentu, tetapi yang datang ialah orang yang tidak hisap dadah. Yang datang ketua-ketua kampung, guru-guru dan belia-belie yang baik-baik ini. Belia-belie yang menghisap dadah ini mereka tidak akan datang, sebab kalau kita jemput mereka datang pun mereka tidak akan datang. Jadi yang dapat nikmatnya, yang mendapat pengetahuan ialah orang yang memang tidak menghisap dadah. Oleh itu, kita harap kalau diserang pusat-pusat pemulihan dadah dengan pameran-pameran kesedaran ini mungkin akan dapat memberi kesedaran kepada mereka yang terlibat secara langsung.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya ingin menyentuh sedikit mengenai pemulihan. Saya menyokong beberapa cadangan yang dinyatakan tadi, termasuk cadangan Yang Berhormat dari Kota Bharu supaya penagih dadah yang hardcore ini patut diasingkan. Saya ingin menambah dua lagi kumpulan.

Pertama kumpulan yang menyerah secara sukarela. Bagi penagih dadah yang memang dia menyerah secara sukarela ini, kalau boleh kita asingkanlah, jangan kita campurkan dengan mereka yang ditahan dengan arahan mahkamah. Kerana orang yang menyerah secara sukarela ini dia sudah ada keinsafan di dalam jiwanya, dia memang hendak berhenti, tetapi kalau kita tidak asingkan ataupun cara kita memberi latihan kepada mereka sama dengan cara penagih-penagih dadah yang memang tidak mahu masuk ke pusat pemulihan dadah. Maka sudah tentu hasrat mereka untuk berhenti dari menghisap dadah ini tidak akan tercapai. Oleh itu, mereka ini harus diasingkan.

Begitu juga kumpulan yang kedua ialah bekas pegawai-pegawai kerajaan, seperti tentera dan polis - ini pun ramai juga yang terlibat dengan dadah. Mereka ini juga harus diasingkan, kerana secara psikologinya, secara asasnya mereka sudah ada disiplin tersendiri, tinggal lagi mereka ini harus dibendung mengikut cara-cara yang terbaharu atau memberi kesedaran kepada mereka. Golongan-golongan ini terutama askar dan polis ini kalau dicampur juga dengan mereka, kadang-kadang mereka yang terdiri dari bekas-bekas pegawai keselamatan, kadang-kadang ada juga idea-idea mereka, boleh jadi ilmu-ilmu yang mereka belajar semasa di pasukan keselamatan, kemungkinan bukannya boleh membaiki mereka lagi, ditakuti mereka pula akan meracuni ataupun boleh mempengaruhi rakan-rakan yang lain. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, harus dikenal pasti golongan-golongan hardcore yang menyerah dan juga pegawai-pegawai kerajaan ataupun golongan-golongan lain supaya mereka ini jangan diletakkan di dalam satu bakul.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong juga sistem pemulihan dadah ini harus dikaji semula. Saya malas hendak ulang, tetapi kita harus sedar, kalau 65,000 orang atau 73% boleh balik semula menagih dadah, mesti something wrong - mesti pemulihan kita ini tidak kena, tidak tepat ataupun tidak benar-benar mengenai sasarannya. Kalau misalan kata latihan kita baik, cara kita baik, saya tidak percaya boleh sampai 73% akan kembali menagih.

Akhirnya ialah pemantauan. Pemantauan ini Tuan Yang di-Pertua, alang-alang kita hendak mendidik mereka ini, kita pastikanlah mereka ini kita didik biar sampai mereka kembali ke masyarakat. Kita tidak mahu mereka ini kita didik, selepas mereka keluar sahaja pusat pemulihan dadah, mereka ini bebas. Apabila mereka ini bebas,

kadang-kadang kita lihat mereka ini rasa masyarakat tidak mahu terima mereka kembali ataupun mereka rasa mereka akhirnya akan bergaul semula dengan rakan-rakan mereka.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan salah satu yang saya boleh terfikir untuk dilaksanakan apa salahnya mana-mana penagih dadah yang sudah keluar ini kita bawa dia dan serahkan kepada JKK, serahkan kepada nazir masjid. Kita beri peruntukan kepada masjid ataupun kepada surau di mana kariahnya. Kita buat kenduri doa selamat, beritahu dengan pak imam, JKK, okay sekarang ini ahli sudah balik, jadi kita sebagai jawatankuasa masjid membuat kenduri doa selamat, kerana si Abu ini sudah baik, dia boleh bersama-sama dengan masyarakat.

Jadi, kalau ini kita boleh laksana, sekurang-kurangnya mereka akan terasa bahawa mereka pulang ke masyarakat rupa-rupanya kariah dia, masyarakat dia membuat kenduri kesyukuran kerana beliau ini telah pun selamat untuk kembali ke pangkuan masyarakat. Tetapi kalau kita tidak buat monitoring atau pemantauan ini dia akan terasa. Dia hendak pergi masjid, dia malu, dia hendak pergi surau, dia malu. Ibu bapa pula bercakap ini bekas pelatih, bekas penagih dadah, jangan berkawan. Jadi, dia terasa terasing. Bila dia terasa terasing, dia akan kembali kepada rakan-rakannya.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua saya tidak berhajat bercakap panjang, kerana kalau saya bercakap panjang pun nanti kalau usaha-usaha tidak dilaksanakan, penagihan akan meningkat. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa pihak kerajaan jangan berputus asa dan marilah kita bersama-sama memerangi musuh nombor satu negara kita. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yunus bin Rahmat: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya sudah memberi keputusan tadi Yang Berhormat, tiga orang sahaja cukuplah. Yang Berhormat Timbalan Menteri dimintalah supaya menjawab dalam masa 30 minit.

6.00 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Ya, saya cuba ringkas yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas, saya akan cuba menjawab sejauh mana yang dapat tentang

perkara-perkara penting yang dibangkitkan. Saya tidak akan sebut dengan tepat Ahli Yang Berhormat yang bertanya supaya kita boleh menjimatkan masa. Tetapi ada banyak

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:
[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Ong Ka Ting:.....soalan yang dibangkitkan itu lebih kurang sama. Jadi, jawapan itu adalah kena pada mereka yang membawa soalan yang lebih kurang sama.

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan undang-undang memang berkesan. Kalau sekiranya tidak ada penguatkuasaan undang-undang, maka saya dengan kerajaan berfikir masalah pengedaran dadah itu mungkin menjadi jauh lebih hebat dan lebih serius daripada apa yang ada sekarang. Sebagai ringkasan usaha kerajaan, dalam masa dua tiga tahun ini, kerajaan telah mengemaskinikan, telah merancang dan mengkaji semula serta telah menyusun semua agensi di bawah kerajaan, di mana kita telah pun menubuhkan Majlis Dadah Kebangsaan sepertimana yang telah saya bentangkan, Pengerusinya adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Dalam Majlis Dadah Kebangsaan ini, kami telah melibatkan semua kementerian, jabatan kerajaan yang strategik seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Penerangan, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri, Polis Di-Raja Malaysia, pihak penjara, semua yang ada kaitan dalam aspek yang boleh membantu, dalam majlis yang dikatakan dengan izin, very high power National Drugs Council. Majlis ini adalah untuk merancang segala dasar-dasar untuk mengkaji semula semua undang-undang, apa-apa undang-undang yang tidak sesuai, tidak berkesan kita akan kaji semula. Sebagai contoh akta hari ini yang kita bangkitkan di Parlimen ini adalah satu hasil daripada perbincangan Majlis Dadah Kebangsaan. Kita ingat ada beberapa perkara yang perlu dikemaskinikan, maka kita akan buat di sini.

Di bawah Majlis Dadah Kebangsaan ini, sekretariat atau setiausahaanya adalah Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan. Agensi Dadah Kebangsaan ini pula ditubuhkan sebagai satu payung untuk kordinasikan semua agensi dadah di bawah Kementerian Dalam Negeri yang pada satu ketika dahulu ia ada anti-dadah task force, ada CAP, pusat pemulihan dadah dan bahagian-bahagian yang lain-lain. Sekarang semua telah digabungkan di bawah Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan dan ianya telah disepadukan, dikordinasikan dan dirancangan dengan licinnya.

Bagi polis pula, Jabatan Narkotik telah ditubuhkan iaitu dahulunya Cawangan Anti-Dadah telah ditingkatkan menjadi satu jabatan. Jabatan maknanya seperti Jabatan Siasatan Jenayah, Special Branch dan sebagainya. Maka jabatan ini mempunyai status yang tinggi. Ini adalah usaha pada keseluruhannya dan Kementerian Dalam Negeri telah mempertingkatkan usaha kita. Dari segi penguatkuasaan, dari segi perancangan, penyelidikan, pemulihan, rawatan dan semua aspek. Jadi, banyak perkara yang telah disentuh itu sebenarnya adalah sama ada kita telah ambil tindakan ataupun sedang berusaha untuk mengambil tindakan ataupun dalam perancangan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dari segi penguatkuasaan sejauh manakah dan siapakah pengedar, apa kesannya dan mengapa kita tangkap tetapi masih ramai yang menagih, saya ingin memberi beberapa statistik dan sedikit ringkasan serta analisa daripada itu. Sebagai contoh, antara Januari hingga Oktober 1997 tahun ini, iaitu 10 bulan yang pertama, semua usaha itu digabungkan sekali. Kementerian Dalam Negeri telah berjaya menangkap 1,488 orang di bawah seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1988. Kalau disabitkan di mahkamah akan dikenakan mandatori atau gantung - itu penaltinya. Bagi seksyen 39(A) Akta Dadah Berbahaya, seramai 2,284 orang telah ditangkap di bawah seksyen ini dan bagi Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) - 1,230 orang telah ditangkap. Dalam 10 bulan pertama sahaja, yang lain-lain kesalahan, yang bersabit dengan dadah, ada kaitan dengan dadah, akta dadah atau apa-apa sekali yang melibatkan dadah 10,960. Ini adalah statistik 10 bulan yang pertama - begitu hebat kita nampak.

Saya ingin lengkapkan ini dahulu, rampasan dadah, dalam tempoh yang sama atau 10 bulan yang pertama:

Berat rampasan (kg.)

Heroin	238.8
Ganja	3,331.5
Candu Mentah	138.7

Yang membimbangkan kita sekali ialah pil khayal termasuk ecstasy. Jumlah pil yang dirampas dalam 10 bulan pertama adalah sebanyak 3,346,225 pil khayal. Jumlah yang terdiri dari jenis ini terdapat kira-kira 23,000 pil ecstasy. Daripada tangkapan dan rampasan ini mungkin kita bimbang, adakah dia menjadi lebih serius. Sebenarnya analisa kita ialah, ini adalah satu hasil usaha daripada

peningkatan, penguatkuasaan dan juga perancangan kerajaan yang saya sebut tadi, semua usaha telah pun ditingkatkan, termasuk polis, ADK semua sekali, maka dengan ini kita telah dapat menangkap dan merampas lebih. Ini adalah satu gejala, tetapi apa yang kerajaan menjamin kepada rakyat ialah kita akan terus berperang habis-habisan tentang pengedaran dadah ini dan pada masa yang sama kerajaan juga sentiasa berbincang dengan negara-negara jiran, memang penyeludupan itu datangnya dari negara jiran, termasuk Myanmar juga kita ada saluran, perbincangan antarabangsa iaitu ASEAN Senior Officers Meeting sentiasa diadakan dan kita masih cuba mendapatkan penyelesaian daripada sumber dadah itu. Pada masa yang sama, strategi kita ialah dua 'prong'.

Selain daripada mengurangkan bekalan, pada masa yang sama strategi yang dijalankan ialah kita mengurangkan permintaan (demand), itu sebabnya kita menangkap penagih dengan lebih hebat daripada dahulu. Dahulu kalau kita pergi ke Chow Kit, ke Jalan Tunku Abdul Rahman, kita lihat mudah jumpa penagih, tetapi sekarang usaha telah ditingkatkan. Itu sebabnya penagih-penagih yang kita tangkap pun telah meningkat.

Yang Berhormat dari Parit Sulong dan Tambun juga telah membangkitkan perkara-perkara yang telah saya bincang tadi dan untuk makluman, bilangan penagih yang dikesan, kalau hendak sebut jumlah tahun mungkin mengambil masa, jadi saya hanya memberitahu jumlah penagih yang dapat kita tangkap didaftar dan juga dikenalpasti sehingga tahun lepas ialah sejumlah 127,119 orang. Daripada 127,119 orang ini, dikenalpastikan 65,249 iaitu 51.3% adalah penagih tegar (hardcore addicts). Yang lain seramai 61,870 orang kita kira adalah penagih baru yang kali pertama ditemui apabila ditangkap iaitu 48.7%. Ini adalah satu statistik di mana kita dapat tengok penagih baru yang bukan hardcore itu, kita pentingkan dari segi rawatan dan pemulihan.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:
[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yan bangun di belakang, Yang Berhormat.

Dato' Ong Ka Ting: Saya takut nanti kalau saya beri seorang, yang lain tidak beri susah. Kalau boleh biar saya teruskan supaya dapat menjimatkan masa. Maaf ya. Jadi, dari segi itu, penagih dari segi trend atau patennya yang melibatkan diri dalam heroin adalah 78.1%. Daripada jumlah penagih ini yang mengambil heroin ialah 78.1%. Yang kedua

besar ialah ganja - 12.3%; morphine - 7.4%, yang lain-lain itu kurang. Jadi, kebanyakan adalah tertumpu kepada heroin.

Yang Berhormat dari Parit Sulong dan juga Yang Berhormat dari Gelang Patah telah membangkitkan perkara ini adalah satu perkara yang membimbangkan ialah ecstasy. Ecstasy ini telah begitu meningkat berleluasa dan sekarang telah berbincang kita tidak akan bertolak-ansur dengan pengusaha dan pengeksport, mereka ini selalu kata dia tidak tahu mereka ini mengambil ecstasy, dia ambil dahulu, baru masuk. Sekarang ini Majlis Dadah Kebangsaan telah membuat keputusan dan kita tidak akan bertolak-ansur terhadap sesiapa, tidak kira dia operator mana, kalau terjumpa orang yang mengambil ecstasy atau menjual ecstasy di dalam premisnya, mereka akan kita ambil tindakan. Jadi, kalau mereka hendak lindung diri, hendak pastikan dia tidak ditangkap dan tidak didakwa, mereka perlu berhati-hati dan menjaga businessnya, kalau ternampak sahaja orang macam itu dia hendaklah hubungi polis. Kalau dia tidak menghubungi polis, penguatkuasa akan masuk dan kita tetap akan mengambil tindakan, ini termasuklah menutup outletnya atau meng'cancel' lesennya. Ini adalah satu persetujuan dan wakilnya termasuk daripada Dewan Bandaraya pun ada di dalam Majlis Dadah Kebangsaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, faktor utama yang dapat kita semua kaji dalam sistem penyelidikan ialah wang yang menjadi tarikan. Begitu ramai pengedar, begitu ramai orang yang terlibat dalam dadah kerana dia hendak mendapat untung, hendak mendapat wang. Ini adalah satu masalah yang universal, di mana-mana pun serupa.

Sejak tahun 1984 hingga 1997 jumlah wang yang telah dibelanja hanya untuk rawatan pemulihan, pengurusan, pembangunan untuk tujuan memulihkan penagih sahaja, tidak termasuk polis. Jumlah wang yang dibelanja sehingga ini sejak tahun 1984 ialah RM633,367,637. Itu hanya untuk menangani rawatan pemulihan dan termasuk kakitangan yang terlibat sahaja, polis belum terlibat. Purata setiap hari untuk seorang penagih, kerajaan perlu membelanjakan sebanyak RM12.07 untuk seorang penagih yang ditempatkan di dalam pusat Serenti setiap hari. Kalau kita ada 10,000 di dalam maknanya didarabkan dengan RM12.07 sehari, jadi kalau satu tahun berapa? Itu saya rasa kita boleh buat kiraan sendiri. Itu juga tidak termasuk penguatkuasaan polis dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, daripada analisa juga terdapat sebab-sebab mereka yang terlibat dengan penagihan dadah, faktor yang utama ialah 'seronok'

atau dia kata ada 'kick'. Tetapi 'seronok' ini dia ada banyak latar belakang. Mengapa orang hendak mencari keseronokan. Ada orang yang kerana diabaikan oleh ibu bapa, kerana di rumah ada bermacam-macam masalah, di sekolah ada tekanan, di dalam masyarakat dia ada bermacam-macam masalah diri sendiri. Jadi, dia seronok dan mencari 'kick' dan dia sudah senang sangat melibatkan diri di dalam penglibatan dadah. Tetapi pada masa yang sama faktor yang kedua ialah pengaruh kawan, peer group influence, dengan izin. Sebanyak 32.7% menagih kerana pengaruh kawan, jadi pengaruh kawan ini adalah satu faktor yang sangat ketara.

Yang ketiga ialah ingin tahu atau curiosity, dengan izin. 11.3% daripada kajian kita menunjukkan mereka mencuba dadah kerana ingin tahu. Jadi, tiga faktor ini adalah menjadi sebab-sebab utama. Tetapi secara mendalam banyak faktor sosial dan kita perlu mengambil perhatian.

Dari segi breakdown ethnic, saya rasa kita perlu juga terus terang supaya boleh tackle masalah ini. Dari kajian ethnic group yang utama:

Jenis Kaum	Jumlah
Melayu	63.0%
China	22.3%
India	12.6%

Setakat ini sahaja yang kita dapati. Mengenai sistem Nadi. Nadi adalah satu sistem komputer iaitu kajian mengikut rekod komputer Kementerian Dalam Negeri. Pada masa yang sama ada juga disentuh tentang penjara. Di penjara pada masa kini ada terdapat kira-kira lebih 8,000 lebih banduan yang ada kaitan dengan dadah. Itu sebabnya penjara menjadi satu tempat di mana dadah begitu dikehendaki untuk diseludup masuk. Walau macam manapun selain daripada sistem kawalan, kerajaan sudah membuat keputusan kita kenakan hukuman dan kita sedang mengambil tindakan untuk meminda akta supaya kita boleh mengenakan hukuman 'sebat' terutamanya kepada orang yang melibatkan diri iaitu 'pagar makan padi'. Selain daripada itu, pada masa ini banyak tindakan tegas telah dibuat. Kalau warder atau mana-mana pegawai terlibat, kita anggap mereka macam orang awam juga, tangkap terus dan penaltinya ialah kita tidak bertolak-ansur. Kita masukkan mereka ini juga macam pengedar ke Pusat Pemulihan Akhlak, di Muar, Simpang Renggam, dibuang daerah dan dibuang kerja. Kita juga memandang serius tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat juga menyebut tentang peranan sekolah, peranan ibu bapa, sebenarnya sama penting. Perbincangan telah pun banyak diadakan, jawatankuasa demi jawatankuasa sudah ditubuhkan di bawah Majlis Dadah Kebangsaan. Banyak perbincangan telah memutuskan supaya ibu bapa, masyarakat umum melibatkan diri dengan segiat mana yang boleh dan pada masa yang sama sekolah telah pun dikenalpasti dan kita akan mengenakan pencegahan di kalangan murid-murid. Kita hendak cegah sebelum lewat.

Kementerian Pendidikan telah memberi banyak kerjasama, banyak kali kita bincang dan kita sedang mengadakan beberapa usaha, oleh kerana banyak usaha saya tidak bercadang untuk menerangkan di sini, kerana ia mengambil masa sekurang-kurangnya satu jam. Jadi, adalah elok untuk saya tidak memasukkan ke detail. Tetapi kita nampak banyak usaha telah dijalankan untuk pencegahan di kalangan sekolah dan pada masa yang sama di kalangan ibu bapa juga memainkan peranan.

Sebenarnya Pemadam merupakan hanya satu NGO, ramai Ahli Yang Berhormat yang salah faham, mereka ingat Pemadam adalah satu badan Kementerian Dalam Negeri. Pemadam adalah NGO dan saya sebut tadi Kementerian Dalam Negeri menggunakan Agensi Dadah Kebangsaan (ADK). Pemadam mempunyai tugas juga untuk melibatkan orang awam, ibu bapa dan sebagainya serta banyak juga badan lain seperti PIBG dan juga NGO-NGO yang lain. Kita galakkan mereka sama-sama berusaha dengan kita untuk menjayakan semua sama ada kempen atau apa-apa usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk menjayakan dan memerangi dadah, pencegahan dadah dan juga memastikan anak muda kita dapat dipulihkan kalau mereka terlibat. Kalau belum terlibat, jauhi daripada dadah.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan baru memang sedang diperkenalkan. Itu sebabnya kita kena pinda akta ini. Pindaan akta ini merupakan satu pendekatan yang baru di mana kita klasifikasikan dan kategorikan pusat-pusat Serenti yang berlainan untuk memastikan penagih.

Saya setuju benar dengan Yang Berhormat dari Kota Bharu iaitu kalau mereka sudah 'hardcore,' sudah tidak boleh buat apa lagi, on top of that, dengan izin, atau lebih daripada itu, mereka ini penjenayah - ramai daripada mereka ini adalah penjenayah. Dia tidak kira siapa manusia, kalau dia hendak dadah, dia tikam sahaja sehingga membunuh orang. Itu sebabnya kita hendak pinda akta ini supaya mereka tidak dimasukkan ke pusat Serenti,

bukan sahaja mereka merosakkan program pemulihan terhadap orang yang lebih ada harapan untuk dipulihkan, bahkan dia pergi ke sana membangkitkan hal-hal yang bukan-bukan untuk menjadikan rusuhan (riot) dan membakar pusat Serenti. Itu sebabnya kita hendak melibatkan polis dalam aspek ini. Kita hendak semua penjenayah ini di bawah kawasan polis, dari segi keselamatan dan pada masa yang sama pemulihan itu masih dikawal oleh ADK. Perbincangan yang lebih mendalam akan diadakan di antara ADK dengan Polis Di-Raja Malaysia. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat jangan bimbang kerana saya pun tahu, mula-mula polis terlibat dan kita akan kata 'cukupkah kakitangan polis atau balai polis yang akan membuat pemulihan', sebenarnya bukan. Polis hanya membantu kita untuk mengawal mereka dari segi keselamatan, tetapi pemulihan, kaunseling, rawatan dan segala-galanya masih di bawah ADK, Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pindaan akta ini pusat-pusat khidmat akan menjadi lebih penting dan semua pusat khidmat itu akan di bawah jagaan ADK. Semua daerah akan ada pusat-pusat khidmat untuk membantu sama ada penagih, ibu bapa ataupun sesiapa sahaja yang ada masalah tentang dadah. Jadi, janganlah bimbang Yang Berhormat dari Gelang Patah tentang Lembaga Penasihat. Lembaga Penasihat seperti namanya adalah penasihat, selepas ini mereka akan menjadi benar-benar penasihat kepada ADK. Mereka juga akan memainkan peranan yang penting, memberi pandangan kepada ADK terutamanya Ketua Pengarah macam mana menjaga kebajikan penagih, macam mana menjadikan lebih berkesan penagih itu apabila keluar, boleh diterima dengan baik ke pangkuan masyarakat. Jadi, peranan Lembaga Penasihat tetap baik dan menyakinkan. Oleh itu, saya rasa mereka tidak akan meletak jawatan kalau dia faham niat dan hasrat kerajaan ini sebenarnya adalah baik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Bharu, Kepong, saya minta maaf kalau saya tidak sebut nama dengan tepat kerana banyak yang over lapping. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bintulu, Gelang Patah, Tambun, Tanjong Karang telah memberi banyak pandangan begitu juga Yang Berhormat dari Parit Sulong telah memberi pandangan yang sangat membina dan kebanyakan pandangan itu saya telah ambil maklum, telah dicatat supaya di mana yang boleh kita akan memperbaiki apa-apa kelemahan yang ada dan memberi perhatian yang serius terhadap semua pandangan itu.

Biro Narkotik tetap tidak akan mengurangkan perbelanjaan dari segi penguatkuasaan, kita pastikan pencegahan, pengedaran dadah dan penangkapan itu tidak ada tolak-ansur dan kita tidak ada potongan perbelanjaan dari segi itu. Yang mengatakan apakah sebenarnya bilangan penagih, ini memang susah untuk diteka dan dengan izin, iceberg theory, saya rasa tidak berapa sesuai diguna, kerana penagih kita yang seramai lebih 93% adalah lelaki dan mereka adalah dari kumpulan yang berisiko tinggi. Ia bukan satu sample yang seimbang, kalau satu sample yang seimbang, kita guna iceberg theory. Tetapi ini lebih kurang kita tahu dia adalah dari satu kumpulan yang berisiko tinggi. Jadi, iceberg theory itu susah sedikit. Walau bagaimanapun, satu sistem kajian di bawah Nadi setiasa monitor perkembangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak lagi perkara yang lain, tetapi saya rasa semua telah pun saya beri secara keseluruhan. Saya berjanji semua perkara ini akan diambil maklum. Bagi apa-apa perkara yang tidak sempat saya jawab secara detail, saya memberi jaminan semuanya telah diambil perhatian dan itu sahajalah yang dapat saya menggulung. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2 -

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 2 Rang Undang-undang dipinda seperti berikut:

(a) dalam perenggan (b) dalam takrif "pegawai" yang dicadangkan, dengan menggantikan perkataan "mana-mana pegawai penjaga balai atau mana-mana pegawai polis tentera atau pegawai pemerintah" dengan perkataan "mana-mana pegawai polis"; dan

(b) dengan memotong perenggan (c). Kerajaan berpendapat takrif "pegawai polis" seperti yang terdapat di dalam Rang Undang-undang sekarang adalah terlalu terhad dan sewajarnya diperluaskan untuk merangkumi semua kategori pegawai polis. Perluasan takrif "pegawai polis" adalah bertujuan memberikan kuasa-kuasa di bawah akta ini kepada semua peringkat pegawai atau anggota polis, sejajar dengan beban tugas, tanggungjawab yang diberikan kepada pihak polis dalam menguatkuasakan akta ini. Bagi lain-lain pegawai seperti pegawai Angkatan Tentera Malaysia, kerajaan menetapkan cara yang lebih baik untuk memberi mereka kuasa-kuasa di bawah akta ini ialah dengan menggunakan kuasa Menteri Dalam Negeri di bawah seksyen 2(2) akta untuk melantik mereka sebagai pegawai pemulihan.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Masalah ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang telah dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah dipersetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Fasal 2 Rang Undang-undang adalah dipinda -

(a) dalam perenggan (b) dalam taktif "pegawai" yang dicadangkan, dengan menggantikan perkataan "mana-mana pegawai penjaga balai atau mana-mana pegawai polis tentera atau pegawai memerintah" dengan perkataan "mana-mana pegawai polis", dan

(c) dengan memotong perenggan (c)

The English translation is as follows:

Clause 2 of the Bill is amended -

(a) in paragraph (b) in the proposed definition of "officer", by substituting for the words "any officer in charge of police station or any provost officer or commanding officer" the words "any police officer"; and

(b) by deleting paragraph (c).

Fasal 2 sepertimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 4 -

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa:

Fasal 4 Rang Undang-undang adalah dipinda dalam perenggan 6(2)(c) yang dicadangkan dengan menggantikan perkataan "Majistret" dengan perkataan "pegawai".

Pindaan ini adalah sejajar dengan pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 6(1) yang bertujuan memberi kuasa kepada pegawai-pegawai pemulihan untuk mengemukakan apa-apa perakuan yang difikirkan selaras dengan kepentingan atau kebajikan penagih bagi keputusan mahkamah. Dengan pindaan ini pegawai-pegawai pemulihan akan dikehendaki antara lainnya menetapkan tempat melapor diri bagi penagih-penagih yang sedang menjalani program pemulihan di dalam komuniti. Tanggungjawab seperti ini diberikan kepada pegawai pemulihan memandangkan mereka lebih dekat serta lebih arif tentang keperluan dan kebajikan klien masing-masing.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang telah tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Fasal 4 Rang Undang-undang adalah dipinda dalam perenggan 6(2)(c) yang dicadangkan dengan menggantikan perkataan "Majistret" dengan perkataan "pegawai".

The English translation is as follows:

Clause 4 of the Bill is amended in the proposed paragraph 6(2)(c) by substituting for the words "the Magistrate" the words "an officer".

Fasal 4 sepertimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5 hingga 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PEMBEKALAN AIR
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR)
1997**

Bacaan Bagi Kali Kedua dan Ketiga

6.30 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta yang dinamakan Akta Perbekalan Air (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1997 yang bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi undang-undang berhubung dengan pembekalan dan pembahagian air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, rang undang-undang ini adalah bertujuan antara lain untuk;

- (i) memansuhkan undang-undang Wilayah Persekutuan, Enakmen Bekalan Air 1974; dan
- (ii) membolehkan kerajaan Negeri Selangor ataupun mana-mana pihak yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk terus menyediakan bekalan air untuk pengguna-pengguna di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan rang undang-undang baru bagi Wilayah Persekutuan adalah berikutan dengan keputusan Kerajaan Negeri Selangor menggubal satu undang-undang baru, iaitu Enakmen Bekalan Air 1997, No. 1/1997. Enakmen baru ini telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor pada 14 April 1997 dan telah diperkuatkuasa mulai 1 Ogos 1997 melalui PU Selangor, 27/1997. Dengan wujudnya undang-undang baru ini, Enakmen Bekalan Air Selangor, iaitu Enakmen No. 203 MB. Bab. 203 telah dimansuhkan. Enakmen Bekalan Air Selangor 1997 yang baru berkuatkuasa mempunyai antara lain beberapa perkara seperti berikut:

- (i) memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk membuat perjanjian dengan pemegang lesen ataupun mana-mana orang atau kumpulan orang bagi menswastakan kesemua atau sebahagian pengagihan bekalan air atas apa-apa syarat dan terma yang difikirkan perlu;
- (ii) memastikan pengurusan atau pengawalan bekalan air di negeri Selangor akan menjadi lebih sempurna dan cekap;

(iii) mensyaratkan kepada pembekal-pembekal bekalan air untuk mendapatkan lesen dengan suatu fee untuk suatu tempoh dan dalam bentuk sebagaimana boleh ditentukan oleh pihak berkuasa negeri; dan

(iv) memperuntukkan penalti yang lebih berat berbanding dengan enakmen sedia ada bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang baru yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum pembentukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, keseluruhan pembekalan air di negeri Selangor diselenggarakan oleh Jabatan Bekalan Air Selangor di bawah kuasa yang diberi oleh enakmen Bekalan Air Selangor, iaitu Enakmen 203 NMB Bab. 203. Selepas pembentukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pembekalan air di Wilayah Persekutuan terus dilaksanakan oleh Jabatan Bekalan Air Selangor melalui satu perintah atau Perintah Enakmen Bekalan Air Wilayah Persekutuan 1974 yang diwartakan melalui PUA. 153/74 dan berkuatkuasa mulai 1 Februari 1974.

Perubahan kepada Enakmen Bekalan Air Negeri Selangor ini, antara lain memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk melantik mana-mana orang ataupun kumpulan orang bagi menswastakan kesemua ataupun sebahagian pengagihan bekalan air atas apa-apa syarat dan terma yang difikirkan perlu. Ini bermaksud bahawa pengagihan air kepada pengguna-pengguna boleh dijalankan oleh pihak lain selain daripada Pengarah Bekalan Air Negeri Selangor. Peruntukan ini mempunyai kesan yang besar terhadap bekalan air kepada pengguna-pengguna di Wilayah Persekutuan memandangkan Perintah Enakmen Bekalan Air Wilayah Persekutuan 1974 hanya membenarkan Pengarah Bekalan Air Negeri Selangor untuk membekalkan pengagihan air untuk pengguna-pengguna di Wilayah Persekutuan. Ini bermakna bahawa perintah ini tidak membolehkan mana-mana pihak selain daripada Pengarah Air Negeri Selangor untuk menyediakan bekalan air kepada pengguna-pengguna di Wilayah Persekutuan.

Bagi memastikan bekalan air kepada pengguna-pengguna di Wilayah Persekutuan tidak terjejas adalah perlu satu undang-undang baru pembekalan air bagi pengguna-pengguna di Wilayah Persekutuan yang selaras dengan Enakmen Bekalan Air Negeri Selangor 1997 diwujudkan di Wilayah Persekutuan. Undang-undang baru ini akan membolehkan pihak

Kerajaan Negeri Selangor ataupun mana-mana pihak yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menyediakan bekalan air untuk pengguna-pengguna di Wilayah Persekutuan.

Di antara peruntukan-peruntukan utama di dalam Enakmen Bekalan Air (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1997) adalah seperti berikut:

- (i) tarikh berkuatkuasa, akta akan berkuatkuasa pada tarikh yang dipersetujui oleh menteri dengan mewartakannya;
- (ii) undang-undang yang berkaitan dengan bekalan dan pengagihan air di negeri Selangor akan diguna pakai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan pengubahsuaian yang mana diperlukan. Pengubahsuaian ini boleh dilakukan oleh menteri dengan bertujuan untuk mengelakkan sebarang masalah sekiranya ia diguna pakai di Kuala Lumpur;
- (iii) pihak berkuatkuasa di dalam pembekalan dan pembahagian air di negeri Selangor akan dipertanggungjawabkan bagi pihak Kerajaan Persekutuan di atas perkara-perkara berkaitan. Walau bagaimanapun, ia tidak akan menahan pihak Kerajaan Persekutuan dari menjalankan kuasa dan fungsi bagi perkara-perkara tersebut di bawah undang-undang Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
- (iv) berikutan dengan wujudnya enakmen ini, Enakmen Bekalan Air FMS. Caj. 203 tidak akan digunakan di Kuala Lumpur. Selain daripada itu, undang-undang Wilayah Persekutuan Bekalan Air 1974 juga akan dimansuhkan. Walau bagaimanapun, peraturan subsidiary di bawah Enakmen Bekalan Air FMS Caj. 203 dan yang berkuatkuasa di bawah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan terus diguna pakai sehingga ianya dimansuhkan, dipinda dan digantikan dengan peraturan yang baru yang berkaitan dengan bekalan air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang baru ini menerima pakai Enakmen Bekalan Air Selangor 1997 kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan mengubahsuaian yang perlu mengikut konteks. Namun demikian, menteri diberi kuasa untuk membuat perintah mengenai apa-apa pengubahsuaian yang perlu selaras dengan peruntukan Enakmen Bekalan Air Selangor bagi

menghapuskan sebarang kesulitan dalam pemakaian enakmen tersebut di Wilayah Persekutuan. Di bawah undang-undang baru ini pihak berkuasa air Selangor diberi kuasa untuk menjalankan fungsi dan kuasa di bawah Enakmen Bekalan Air Selangor bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Namun begitu, undang-undang ini juga memperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan boleh juga menjalankan kuasa dan fungsi sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini tidak akan melibatkan sebarang perbelanjaan kewangan tambahan kepada kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi undang-undang berhubungan dengan pembekalan dan pembahagian air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sebelum kita mulakan perbahasan, memandangkan kita kesuntukan masa, maka ruling Tuan Yang di-Pertua yang awal tadi, iaitu mengehendkan 10 minit tiap-tiap seorang kekal. Wangsa Maju.

6.38 ptg.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh [Wangsa Maju]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas dalam rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu Rang Undang-undang Pembekalan Air (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1997.

Saya mengucapkan banyak terima kasih kepada pihak kementerian dan juga kepada kerajaan seterusnya atas inisiatif ini untuk mengemaskinikan dan meminda undang-undang yang termaktub pada tahun 1974 untuk dieselaraskan dengan pindaan pada undang-undang yang sama Enakmen Bekalan Air Selangor. Dalam menyokong rang undang-undang ini saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang saya kira penting untuk pertimbangan kerajaan.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang betapa pentingnya kita memastikan perancangan dan pelaksanaan bekalan air bagi Wilayah

Persekutuan itu berjalan dengan mengambil kira jangka panjang yang bersesuaian, terutama sekali apabila sumber bekalan air itu adalah bukan dalam jagaan dan kawalan kita dari segi pentadbiran Wilayah Persekutuan, sama ada kementerian yang bertanggungjawab ataupun oleh DBKL dan jabatan-jabatannya.

Kita perlu mengambil kira dalam hal ini bahawa pertumbuhan Kuala Lumpur akan berterusan. Penambahan penduduk yang sekarang ini lebih kurang 1.5 juta bagi seluruh Wilayah Persekutuan akan meningkat bukan sahaja dari segi pertumbuhan penduduk asli tetapi juga oleh penghijrahan masuk ke dalam Wilayah Persekutuan ini. Juga kita akan melihat bahawa dalam kawasan Wilayah Persekutuan banyak lagi projek-projek pembangunan dan mungkin kawasan-kawasan perindustrian yang akan berterusan, maka keperluan air untuk bukan sahaja penduduk, tetapi juga untuk industri akan juga berkembang.

Dalam konteks yang sama, kita juga tahu bahawa negeri Selangor akan menghadapi pertumbuhan yang pesat juga walaupun ekonomi pada jangka ini dalam tempoh satu dua tahun akan datang, mungkin lembab pertumbuhan keseluruhannya, dan oleh itu mempengaruhi kadar pertumbuhan seluruh kawasan Wilayah Persekutuan dari segi ekonomi dan juga Selangor. Bagaimanapun, ini adalah satu perkara yang lazim turun-naiknya dari segi ekonomi, tetapi soal keperluan bekalan air adalah bukan turun-naik, tetapi ia mengikut satu trend sekular yang akan bertambah mengikut pertumbuhan penduduk tersebut.

Tambahan ini pembangunan pesat di kawasan luar Wilayah Persekutuan, iaitu dalam Selangor sendiri, KLIA, Cyberjaya dan Putrajaya walaupun ditangguh kebanyakan daripada projek-projek besar seperti Proton City dan sebagainya, namun pertumbuhan penduduk akan terus bertambah. Pertumbuhan ini juga diperlukan oleh penduduk-penduduk wilayah Selangor sendiri. Maka dalam perancangan jangka panjang amat perlulah perhitungan tentang pertumbuhan penduduk ini merangkum keseluruhan kawasan Selangor dan juga kawasan Wilayah Persekutuan ini.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang kesan yang dijangka berlaku oleh kerana perubahan iklim jangka panjang ataupun dalam bentuk kesan El-Nino yang telah pun kita lihat mempunyai pengaruh besar atas kedudukan jerebu di kawasan kita oleh kerana kebakaran di sebelah negara jiran kita. Kesan jerebu dalam kawasan ataupun rantau Asia Tenggara ini

adalah membawa kesan dari segi kemarau yang berpanjangan, dan ini harus diambil kira dalam bukan sahaja perancangan tetapi juga pengurusan bekalan air yang perlu untuk menampung masalah yang akan dihadapi ini.

Maka saya ingin mencadangkan kepada kementerian, terutama sekali bagi kawasan Wilayah Persekutuan supaya mengambil kira isu pemanjangan kemarau ini hasil kesan El-Nino yang akan memberi kesan buruk jika kita tidak ambil sesuatu tindakan proaktif daripada sekarang. Jadi, itu ada dua perkara yang berkaitan yang saya hendak sentuhkan berkaitan dengan perancangan jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan satu perkara berkaitan dengan kedudukan baikpulih dan penggantian paip-paip yang terdapat di kawasan Wilayah Persekutuan ini. Di setiap kawasan dalam bandar Wilayah Persekutuan adalah kawasan-kawasan yang agak lama, bangunan-bangunannya juga lama dan sebagainya. Maka tentu sekalilah kedudukan paip-paip dan bekalan-bekalan sama ada main paip ataupun pembahagian-pembahagiannya adalah kadang-kadang bukan sahaja diancam oleh pembangunan dan penggalian untuk jalan raya, untuk kabel dan sebagainya, tetapi bocor oleh kerana kedudukan keutuhan paip-paip ini.

Ada beberapa kes dan kes-kes ini bertambah kerap berlaku oleh kerana begitu lama paip ini tidak dibaikpulihkan. Jadi, ini akan menelan belanja yang besar jika dibuat secara menyeluruh. Tetapi eloklah jabatan yang berkaitan untuk mengkaji dan melihat di mana-manakah tempat yang menjadi sasaran, kemungkinan sasaran kepada keutuhan paip-paip ini.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang bagaimana dengan keadaan sedemikian termasuk keadaan-keadaan yang tidak dijangka, seperti kes Kenneison Quarries di mana jentera yang diperlukan untuk pam dan sebagainya telah membawa kepada satu pencemaran yang menjejaskan bekalan air tempoh hari di Hulu Langat. Terdapat juga di kawasan-kawasan termasuk di kawasan saya sendiri di mana bekalan itu terjejas ataupun tidak ada supply sampai dua-tiga bulan dan menimbulkan bermacam-macam masalah dan kompelin daripada pihak penduduk di kawasan-kawasan tersebut. Ada setengahnya terpaksa berpindah ataupun pergi ke rumah-rumah saudara-saudara untuk mandi-manda, setengahnya ke hotel untuk berbuat demikian. Jadi, ini menimbulkan

macam-macam masalah dan dibangkitkan kepada saya dan juga lain-lain saya tahu mungkin di pihak Yang Berhormat yang lain.

Jadi, saya bertanya pada masa itu, apakah pihak Bekalan Air Wilayah Persekutuan di bawah Jabatan DBKL sendiri mempunyai satu persediaan dan kelengkapan bagi kes-kes bekalan emergency. Seperti apabila bekalan elektrik tergendala oleh kerana halilintar ataupun oleh kerana ribut dan pokok tumbang jatuh ke atas wire dan sebagainya dan menjejaskan bekalan elektrik tersebut, mereka dapat di setengah-setengah kawasan menggunakan emergency generator. Dalam keadaan yang sama bagi bekalan air tidakkah seolah-olah seperti yang berlaku dua-tiga bulan yang lepas pihak jabatan dapat membekalkan air melalui lori dan tong-tong tertentu untuk tujuan kegunaan harian penduduk di kawasan-kawasan tersebut. Saya ingat Jabatan Bekalan Air harus mengkaji kemungkinan ini, mungkin tidak tunggu sampai 'National Emergency' selalunya dengan izin, localise emergency isu sahaja.

Jadi, itulah antara perkara-perkara yang saya hendak sentuh dalam perbahasan ini. Saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cheras.

6.47 ptg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam membahaskan rang undang-undang ini adalah penting kita membincangkan masalah bekalan air yang meruncing untuk Kuala Lumpur. Sebagai sebuah metropolis, berpenduduk hampir dua juta orang, saya ingin bertanya kementerian bagaimana ia boleh menjamin bahawa bekalan air untuk Kuala Lumpur adalah sentiasa tidak terganggu, bersih dan selamat digunakan. Kerana kejadian tumpahan minyak diesel sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat dari Wangsa Maju oleh Syarikat Kenneison Quarries di kawasan tadahan air Sungai Langat didapati telah menyebabkan loji air Batu 11 Cheras tercemar dan bekalan air untuk sekitar Lembah Kelang yang terputus sekian lama beberapa minggu pada bulan Oktober dan November lalu. Malah gangguan bekalan air sering berlaku pada masa lalu dan tidak dipastikan ia tidak berulang lagi.

Syarikat yang akan diberikan konsesinya penswastaan ini, iaitu Puncak Niaga Sdn. Bhd. difahamkan bertanggungjawab dalam soal-soal rawatan dan pengeluaran air, manakala soal agihan, pengebilan dan bekalan masih merupakan

tanggungjawab Jabatan Bekalan Air Selangor seperti sebelum penswastaan. Akan tetapi krisis bekalan air masa kini dalam Lembah Kelang adalah disebabkan oleh kelemahan penguatkuasaan dan kurang pengawasan pihak tertentu. Kegagalan ini mendorong pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan membuang sisa kimia dan sampah sarap ke dalam sungai.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah loji rawatan yang diuruskan oleh Puncak Niaga Sdn. Bhd. itu boleh tercemar. Apakah syarikat terbabit dan JBA sendiri cuai dan tidak ambil berat selama ini. Kabinet telah mengadakan mesyuarat memohon satu laporan penuh tentang masalah bekalan air di Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya. Tetapi sehingga kini tidak pun diketahui apakah isi kandungan laporan tersebut. Barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskan selepas ini. Bagaimanakah kerajaan hendak memastikan sumber bekalan air adalah bersih sepanjang masa tanpa pencemaran bermula dari kawasan tadahan hingga ke loji rawatan, sedangkan kawasan hutan tadahan sudah ditebang dan diterangi, dan di sepanjang anak-anak sungai terdapat pelbagai kegiatan kuari, kumbahan najis, sampah-sarap, bengkel haram, tong diesel, besi karat, penyeliaan sisa industri tidak terkawal, projek perumahan dan industri, perkampungan setinggan dan bengkel di tanah rizab. Terdapat lebih kurang 100 kilang di sepanjang Sungai Langat. Segala kekotoran itu masuk ke sungai lalu mencemarkan sumber air. Banyak sungai di negeri Selangor tercemar teruk. Antaranya Sungai Langat, Sungai Kelang, Sungai Semenyeh dan Sungai Selangor. Tidak ada jalan lain kecuali kerajaan menyekat pembangunan dari berjalan di kawasan tadahan dan di sekitar sungai yang bermula dengan penebangan pokok. Air yang tidak bersih boleh menjadi punca pembunuh manusia. Perkara ini tidak boleh ditinggalkan. Siapa tahu seperti tragedi tumpahan minyak dan kandungan kimia berlebihan menyebabkan nyawa terkorban kerana terminum air beracun atau tercemar.

Tuan Yang di-Pertua, apa jua penalti dikenakan ke atas pihak yang tidak bertanggungjawab dalam mencemarkan sumber air tidak boleh menyelesaikan masalah kerana nyawa yang hilang dan kesihatan merosot tidak boleh diganti. Apa yang penting ialah mencegahnya dari berulang lagi.

Mengenai pencemaran loji rawatan air Sungai Langat, sungguh hairan mengapa sebuah syarikat kuari dan sebuah kilang kimia boleh dibenarkan beroperasi di kawasan punca air. Kuari dan tangki

diesel didapati terletak di tanah tinggi dan loji air di kawasan rendah. Siapa yang harus bertanggungjawab atas kesilapan besar ini sama ada Majlis Daerah Hulu Langat atau Kerajaan Negeri Selangor atau Jabatan Bekalan Air Selangor atau Jabatan Alam Sekitar? Apakah ada skandal yang patut disiasat oleh BPR. Dari kejadian buruk ini dapat dipelajari bahawa dalam apa keadaan pun tidak patut ada kilang dibina dan beroperasi dalam kawasan tadahan berhampiran loji dan empangan air.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menimbulkan satu soalan di sini apakah jika berlaku kemarau dan simpanan air tidak mencukupi, kolam takungan kering, adakah perancangan untuk mendapatkan sumber air dari negeri-negeri lain yang bersempadan dengan Selangor seperti Pahang dan Negeri Sembilan yang masih berhutan tebal dan berpotensi tinggi sebagai kawasan tadahan baru. Jika dua atau tiga bulan tidak turun hujan, paras air akan berada di paras bahaya dan berjaga-jaga, tatkala itu kerajaan merayu rakyat supaya berjimat dan jangan membazir air. Jika berlaku gangguan bekalan air pada masa kini dan lampau, Jabatan Bekalan Air Selangor jarang mengeluarkan notis awal. Kadang-kadang berlaku notis ada bekalan masih ada tetapi gangguan tidak berlaku. Esoknya pula tiada bekalan dan tiada notis. Jadi, para pengguna terperangkap.

Kerajaan patut mengadakan skim pampasan gangguan bekalan air untuk para pengguna selain rumah kediaman, business, kilang yang beroperasi menggunakan banyak air teruk mengalami kerugian berjuta-juta ringgit. Apabila sebahagian besar Lembah Kelang menghadapi masalah bekalan yang terganggu kerana pencemaran baru-baru ini, terdapat 70 pembedahan (surgery) di Hospital UKM, Bandar Tun Razak ditangguhkan kerana tidak ada bekalan air. Ini satu masalah yang besar. Nasib baik tidak ada laporan mana-mana pesakit yang hendak menjalani pembedahan tetapi terpaksa ditangguh akibat terputus bekalan air dan pesakit itu meninggal dunia. Kalau berlaku siapakah yang patut bertanggungjawab? Bagaimanakah keluarga simati yang terkorban boleh mendapat keadilan? Oleh itu, adalah patut skim pampasan untuk pengguna dirangka dan diperkenalkan untuk melindungi para pengguna supaya mereka boleh menuntut keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini dirangka untuk membolehkan syarikat penswastan yang dilantik oleh Kerajaan Selangor iaitu Puncak Niaga Sdn. Bhd. membekalkan air ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan sebagai balasannya dibenarkan mengutip bayaran daripada para

pengguna. Tetapi saya merasa sangsi atas kemampuan Puncak Niaga ini, kerana sejak dua tahun lalu setelah mendapat konsesi untuk menjalankan operasi loji rawatan air di Selangor dan Kuala Lumpur, prestasi Puncak Niaga didapati tidak memuaskan dan ada masanya lebih teruk dari masa sebelum diswastakan.

Penswastan bekalan air tidak terbukti berguna dan berfaedah kepada pengguna-pengguna jika perkhidmatannya tidak menepati satu tahap yang tinggi dan rasional. Kita sudah nampak kelemahan yang amat nyata sejak penswastan loji-loji rawatan air bermula. Puncak Niaga tidak boleh mengelakkan diri dari bertanggungjawab atas kelemahannya.

Saya juga difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, ini daripada source reliable, kebanyakan kakitangan JBA Selangor merasa tidak puas hati terhadap Puncak Niaga. Perasaan buruk dan negatif serta hilang keyakinan terhadap Puncak Niaga merupakan general feeling kakitangan JBA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Tan Kok Wai: Ya, saya gulung. Saya difahamkan selepas diswastakan pegawai-pegawai JBA baik yang kanan atau rendah ramai yang tidak berhasrat menyertai Puncak Niaga. Jabatan Kerja Raya atau kementeriannya dengan syarat tidak menyusahkan sesiapa yang menyatakan kebenaran boleh membuat bancian sendiri jika tidak percaya, di kalangan kakitangan JBA. Keputusan bancian boleh menunjukkan sama ada percakapan atau dakwaan saya benar atau tidak. Ramai kakitangan JBA tidak mempercayai Puncak Niaga, bagaimana orang ramai boleh meyakini kemampuan Puncak Niaga.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, selepas penswastan bekalan air adakah langkah yang kerajaan ambil bagi menjamin para pengguna mendapat bekalan air yang mencukupi tidak terputus dan bermutu baik, kerana permintaan air tidak pernah menurun meskipun semasa kemelesetan ekonomi. Ia merupakan business yang memberi hasil keuntungan besar. Air adalah wang, semakin banyak diperlukan semakin banyak wang yang boleh dibuat. Misalnya, syarikat penswastan Lembaga Air Perak, iaitu Indah Utilities Berhad yang mendapat konsesi 20 tahun menerusi Syarikat Metropolitan Utility Company. Sejak 1989 telah mendapat keuntungan sungguh lumayan sehingga ia tersenarai di papan utama BSKL kerana

pertumbuhan keuntungannya ialah 20% ke atas. Puncak Niaga akan mendapat konsesi 30 tahun. Tempoh itu amat panjang dan merbahaya. Bagaimana kerajaan boleh menjamin perjanjian penswastan tidak berat sebelah, sedangkan PLUS setelah diberikan perjanjian, begitu mengecewakan rakyat. Penswastan tidak semestinya memberikan faedah, sebaliknya boleh membawa kesusahan kepada rakyat sekiranya terdapat salah pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kementerian bersama Kerajaan Selangor menimbang semula rancangan penswastan bekalan air di Selangor. Bukan bermakna langkah penswastan akan meningkatkan mutu dan prestasi perkhidmatan. Jika ada negeri-negeri yang sudah menswastakan bekalan air tidak bererti Selangor perlu ikut serta. JBA Selangor boleh meningkatkan kecekapan operasi dan prestasi perkhidmatannya dan menambah hasil jika ada bakat dan pemulihan fungsinya. Cadangan ini menuntut pertimbangan yang sebaik-baiknya dari pihak kerajaan. Saya menamatkan ucapan dengan menimbulkan satu soalan di sini, berapakah kadar pertumbuhan permintaan untuk bekalan air di Kuala Lumpur. Bagaimana jangkaan pertumbuhan jangka panjang keperluan air, katakan sehingga tahun 2020 dan berapakah kapasiti Empangan Hulu Kelang yang merupakan pembekal utama air bagi Kuala Lumpur pada masa ini, dan sama ada ia boleh memenuhi permintaan yang kian meningkat di ibu kota. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bukit Bintang.

7.00 mlm.

Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Walaupun saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pembekalan Air (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1997 tetapi saya hendak membangkitkan isu berkaitan soalan kualiti dan efisiensi perkhidmatan Jabatan Bekalan Air Selangor (JBAS).

Saya ingin mengingatkan pihak berkuasa bahawa banyak air pun telah dibazirkan kerana kebocoran paip-paip yang lama ataupun pihak berkenaan tidak ambil tindakan yang sewajarnya untuk memberhentikan kebocoran walaupun kami Ahli Parlimen selalu membuat kompelin-kompelin melalui surat khabar atau surat-surat kepada JBA.

Tuan Yang di-Pertua, pagi ini apabila saya melawat kawasan saya di Jalan Imbi dekat Jalan Bukit Bintang walaupun rumah setinggan itu telah dirobohkan oleh pihak DBKL tiga bulan dahulu iaitu

di bulan September tahun ini tetapi paip-paip yang masih bocor dan air sentiasa keluar dari paip-paip yang terlibat di tempat itu dan saya nampak paip-paip itu sudah lama dan setiap hari 24 jam semua air dibazirkan dengan tindakan yang tidak diambil oleh pihak JBA. Berapa juta gelen air pun telah dibazirkan dengan sikap 'tidak apatisme' dengan izin dari pihak JBA. Insiden yang dibangkitkan oleh saya hanya salah satu contoh yang berlaku di Kuala Lumpur khasnya di kawasan saya dan saya haraplah pihak JBA boleh mempertingkatkan kualiti perkhidmatan mereka dan janganlah selalu salahkan kepada orang ramai atau orang biasa atau blame people for their own fault, dengan izin.

Baru-baru ini saya baca di surat khabar iaitu pihak JBA telah mencadangkan bahawa air yang dipakai untuk membersihkan jalan-jalan, pasar-pasar atau tempat lain perlulah diambil dari kolam atau at mine pond, dengan izin, dan janganlah ambil dari paip air. Memang cadangan ini sangatlah baik tetapi saya haraplah pihak DBKL dan Alam Flora bolehlah mengambil inisiatif sedikit untuk memberi contoh kepada orang ramai. Kita sedar bahawa sumber air di Wilayah Persekutuan atau di kawasan berhampiran pun telah kurang, saya harap pihak JBA boleh make full use of our resources, dengan izin. Kepada JBA saya harap pihak berkenaan boleh bekerjasama dengan semua Ahli-ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan termasuk Ahli Parlimen dari pembangkang bahawa dengan kerjasama dan dengan perkhidmatan yang baik, kita bolehlah menjamin bahawa air yang bersih dan berkualiti diberikan kepada semua 1.5 juta penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun difahamkan bahawa saliran paip-paip air atau underground piping system di Wilayah Persekutuan pun telah lama dan lebih kurang 40 tahun dan ini perlulah digantikan dengan paip-paip yang baru dan paip-paip yang lebih canggih untuk mengurangkan insiden kebocoran. Sudahlah sampai masanya kita membuat persediaan untuk menggantikan paip-paip yang sudah lama dan saya telah membangkitkan isu ini di dalam Dewan yang mulia ini dua kali tetapi tiada tindakan yang telah diambil oleh pihak JBA.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak mengizinkan untuk saya meneruskan, saya haraplah mulai sekarang hingga masa yang akan datang saya merayu kepada pihak JBA selalulah respondkan surat-surat yang ditulis oleh Ahli-ahli Parlimen kepada Jabatan Bekalan Air Selangor dan berikan jawapan yang sewajarnya. Dengan ini, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong, selepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab.

7.05 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengulas secara ringkas beberapa perkara yang penting untuk rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya kerajaan mengkaji dengan teliti peratusan air Jabatan Bekalan Air yang hilang termasuk kebocoran, kecurian dan kegunaan Bomba. Angka 36% non revenue water (NRW) and pilferage kehilangan air adalah tidak dapat membayangkan keadaan yang sebenarnya.

Yang kedua, air mestilah dianggap sebagai satu jenis komoditi yang perlu dijimat dan digunakan dengan baik.

Yang ketiga, segala jenis penswastan bekalan air mestilah dijalankan dengan berkesan untuk memelihara kepentingan para pengguna.

Yang keempat, langkah-langkah yang lebih berkesan hendaklah dilaksanakan untuk mencegah pencemaran di kawasan-kawasan tadahan dan sungai-sungai dan ketelusan mestilah diadakan untuk semua ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi perkara-perkara yang berhubungan dengan pembekalan dan pembahagian air sekiranya perkhidmatan pembekalan air di swastakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan di negeri Selangor. Ia sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bertujuan memansuhkan Enakmen Bekalan Air dan Perintah Enakmen Bekalan Air Wilayah Persekutuan 1974 yang diluluskan di Dewan Undangan Negeri Selangor.

Saya pun ada di Dewan Undangan Negeri Selangor ketika enakmen tersebut dibahaskan dan diluluskan. Walau bagaimanapun, dengan pertambahan kependudukan di Kuala Lumpur, permintaan untuk bekalan air akan bertambah. Air memang merupakan suatu komoditi yang diperlukan setiap manusia ketika bekalan yang cukup, para penduduk tidak begitu mengambil pusing tentang betapa berharganya air, hanya semasa kekurangan air atau catuan air barulah orang awam menyedari mengenai komoditi ini. Setelah bekalan dipulihkan orang ramai mungkin melupakan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Malaysia adalah bertuah kerana ia terletak di Khatulistiwa dan hujan adalah cukup. Tetapi sambil menyaksikan air di merata tempat kita akan mengalami kekurangan air. Menurut Yang Berhormat Menteri Kerja Raya pada akhir tahun ini Wilayah Persekutuan dan negeri Selangor akan kekurangan 100 juta liter air setiap hari. Pokok angsa memang tidak begitu berminat dengan kekurangan air di sini.

Saya pernah menyual Kementerian Kerja Raya mengenai kapasiti bekalan air untuk jangka-jangka pendek dan panjang, saya telah diberitahu di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kapasitinya adalah cukup sehingga tahun 2010. Tetapi sekarang projek Empangan Sungai Selangor Fasa II di Batangkali telah lewat dan saya pernah bangkitkan hal Empangan Sungai Selangor ini dan juga kilang penapisan air dan saya diberi jaminan bahawa semua ini akan dilaksanakan dengan sempurna. Tetapi sekarang kita nampak ada kelewatan. Saya berharap kelewatan ini tidak akan terjejas kerana jimat cermat 18% perbelanjaan kita. Saya berharap projek ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin apabila ia siap dibina kelak, ia boleh menambahkan bekalan 20% kepada KL dan Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penswastan bekalan air mestilah ditangani dengan baik sama ada Puncak Niaga atau syarikat yang lain diberi konsesi kita mendesak supaya semua dikawalselia dengan baik supaya tidak berlaku kekurangan air dan masalah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dua tahun yang lepas saya kebetulan berada di Leeds, Yorkshire bukan di pokok angsa [Ketawa] dan Waterworks West Yorkshire di situ telah diswastakan. Setelah diswastakan beberapa tahun ketika itu para penduduk di West Yorkshire mengalami kekurangan air - tidak ada air, diwastakan tetapi tidak ada air kerana punca-punca yang saya tak payah sebutkan di sini. Ini untuk menunjukkan penswastan bukan satu penawar untuk menyelesaikan masalah. Sebelum diswastakan kita akan menghadapi kekurangan 100 juta liter air setiap hari pada akhir tahun ini. Dan setelah diswastakan saya pun tak tahulah sama ada kita akan mengalami kesusahan, penderitaan sepertimana yang saya sebutkan yang dialami oleh para penduduk di West Yorkshire United Kingdom itu. Walau bagaimanapun, setakat ini saya berharap pihak kementerian akan lebih prihatin kepada kepentingan orang ramai untuk memastikan tidak berlaku permasalahan yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi mengenai pembaziran, kebocoran dan pencurian. Non revenue water (NRW) disebutkan sebagai 36% di KL dan di Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, angka ini walaupun pihak Jabatan Bekalan Air ada berusaha untuk menilai keadaan memang mereka ada bekerja untuk menilai keadaan tetapi bagi saya ini tidak membayangkan keadaan sebenar. Saya berpendapat bahawa pihak JBA perlulah membuat kajian yang lebih teliti, misalnya kecurian, pilferage, peratusan yang hilang, paip bocor, peratusan yang hilang kerana saya tak akan sebutkan dengan lebih lanjut.

Saya ada pengalaman mengenai paip bocor apabila kita beritahu kepada pihak yang berkenaan tetapi tindakan yang diambil itu memang tidak begitu cepat dan ini termasuk paip-paip yang ditanam, pihak-pihak subkontraktor, pihak kontraktor yang menggali, mengorek jalan dan menanam paip-paip ini kemudian jalan itu rosak, kadang-kadang berlopak-lopak dan bila kenderaan berat melalui maka paip bocor dan ini memang mewujudkan masalah, perlu kita ada penyelarasan yang lebih di antara agensi-agensi berkenaan untuk menyelesaikan masalah ini tetapi walau bagaimanapun mengenai kegunaan untuk Bomba, pilferage/ kecurian dan semua jenis pembaziran ini memang kita mesti kaji dengan baik-baik untuk mengetahui apakah yang boleh kita buat selain daripada menanamkan kesedaran sivik kepada semua penduduk termasuk Pokok Sena kerana saya diberitahu bahawa Pokok Senalah yang tidak begitu menjimat air.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila gulung Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta gulung!

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya hendak gulung. Dan ada rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyebutkan mengenai kejadian peristiwa Sungai Langat, saya tidak akan memanjangkan, cuma dalam usaha kita untuk mencegah pencemaran di kawasan-kawasan tadahan dan sungai-sungai, saya berpendapat bahawa usaha yang lebih perlu diambil untuk menjaga kawasan-kawasan ini dan sungai-sungai ini walaupun pihak Kementerian Kerja Raya dan pihak Kementerian Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar sudah pun mengatakan mereka ada langkah-langkah yang tertentu untuk mencegah pencemaran, tetapi dalam tempoh lima tahun ini kita

pun tahu sungai-sungai yang terkotor, yang tercemar sudah menambah bilangan daripada 7 batang sungai yang tercemar tambah kepada 13 ataupun 14 batang sungai yang tercemar. Ini menunjukkan langkah-langkah yang telah diambil itu tidak mencukupi, tidak berkesan, tidak efektif untuk mencegah pencemaran yang berlaku di negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta jawab Yang Berhormat Timbalan Menteri.

7.15 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju, Cheras, Bukit Bintang dan Kepong, semuanya dari Wilayah Persekutuan yang telah membangkitkan beberapa perkara yang mereka dan kita juga anggap penting bagi penghuni-penghuni dan wargakota ini. Saya dapat gulungkan masalah-masalah ataupun nasihat-nasihat mereka kepada empat perkara utama dalam membahaskan Usul ini.

Pertama sekali, saya kira keempat-empat mereka telah membangkitkan soal sama ada kita cukup air atau tidak di masa hadapan. Sudah tentulah ini bukan sahaja soal Wilayah Persekutuan tetapi juga soal Selangor dan soal negara, bukan sahaja soal negara kita tetapi malahan soal negara-negara lain juga.

Kalau hendak bertanya saya secara spesifik seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Cheras, sebanyak mana yang kita perlukan air pada tahun 2020, banyak mana pertumbuhannya dan apakah jumlahnya, saya tidak ada angka yang tepat. Walau bagaimanapun, untuk menyediakan jika kekurangan air berlaku di Wilayah Persekutuan ataupun di Selangor, maka Kerajaan Negeri Selangor telah pun berbincang dan mengkaji kemungkinan untuk mendapatkan air mentah dari negeri Pahang dan perkara ini sedang diteliti oleh Kerajaan Wilayah Persekutuan. Misalnya kalau Selangor ini tidak cukup maka kita transfer air mentah dari Pahang. Ini saya rasa satu langkah jangka panjang walaupun selepas tahun 2010 seperti yang dinyatakan tadi.

Perkara yang kedua, ialah berkenaan dengan pencemaran sungai yang semua juga membangkitkan perkara ini sama ada kita telah menjalankan pelbagai langkah yang kita anggap munasabah dalam mencegah pencemaran. Sebenarnya apa yang baru berlaku di Sungai Langat iaitu di Cheras ialah kita tidak ada early warning system di mana kita tidak tahu dan kita tidak ada

pentanda apabila ada pencemaran misalnya minyak dan pencemaran ini masuk ke dalam loji, sebenarnya kalau kita lihat di antara tempat tumpah minyak dengan tempat intake water itu ia mungkin memakan masa empat jam, tetapi sebenarnya kalau kita ada early warning system, dengan izin, maka perkara ini boleh dielakkan.

Jadi, apa yang berlaku, bila tidak ada warning system air ini telah masuk ke dalam loji dan apabila ia masuk ke dalam loji pembersihan maka semua loji itu harus dibersihkan, harus dibaikpulih sebab minyak telah masuk ataupun benda-benda lain telah masuk, sebab itu dia memakan masa yang lama, sebab ia tidak boleh tahan dan dikeluarkan begitu sahaja, sebab ia telah masuk ke dalam loji dan dalam jentera dan sebagainya macam kereta kitalah kalau masuk tak keluar lagi.

Dato' Yap Pian Hon: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Serdang bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tak payahlah, dia pun dari Serdang dalam Selangor, saya ingat saya hendak selesaikan masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, macam kereta juga saya kata kalau air sudah masuk ke dalam kereta, semua kena buat semula dan enjinnya semua kena buka semua pintu sebab itu lambat, tiga, empat hari baru dapat diselesaikan.

Kita telah panggil Puncak Niaga dan Bahagian Wilayah Persekutuan telah berbincang dengan Puncak Niaga dan juga dengan Kerajaan Negeri Selangor dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kita telah mengemukakan masalah-masalah yang kita hadapi dan kita tidak mahu melihat perkara ini berlaku dan menjejaskan punca air di Wilayah Persekutuan dan nampaknya Kerajaan Negeri Selangor juga telah menubuhkan satu jawatankuasa bertindak untuk mengawal ataupun melihat ataupun mengambil tindakan yang perlu bagi mengatasi masalah pencemaran ini terutama sekali kilang dan bermacam-macam lagilah yang berada di sepanjang sungai itu.

Ahli Yang Berhormat dari Cheras ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah menganggap bahawa kita condone, dengan izin, perkara-perkara ini. Malahan kita telah menyatakan kepada Kerajaan

Negeri Selangor bahawa perkara-perkara ini tidak harus berlaku sebab yang menerima akibatnya ialah penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan sampai tiga, empat hari dan ini menyusahkan penduduk-penduduk, malahan menyusahkan kita sebab kita tidak mengawal punca airnya tetapi kita menerima akibatnya. Itu perkara mengenai masalah pencemaran yang bertanya saya sama ada kita puas hati, memang kita tidak puas hati.

Perkara yang ketiga, dapat saya gulungkan ialah yang dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat ialah berkenaan dengan keefisienan JBA sama ada seperti kata non revenue water (NRW) yang dikatakan tadi kalau boleh saya betulkan ialah kebocoran, pecahan ialah 6%, keciciran ialah 12% dan lain-lain dalam 8% semuanya. Sebenarnya memang kita tahu bahawa perkara ini berlaku - bocor, paip lama, kemudian bila bocor tidak ada pampasan, memang tidak ada pampasan, ini bukan masalah negeri Wilayah Persekutuan tetapi masalah nasional sama ada kalau hendak ada pampasan di Wilayah Persekutuan maka kena ada pampasan di seluruh negara. Memanglah ini berlaku dan kita berharap dan kita jangka bahawa keefisienan ini dapat dipertingkatkan apabila kita ada penswastan ataupun kalau tidak ada penswastan kalau Kerajaan Negeri Selangor menukar fikiran, tidak ada penswastan, kita berharap bahawa perkara ini dapat dipertingkatkan.

Kita berharap juga kalau sekiranya ada penswastan pihak ini adalah salah satu ciri mengapa kita mengadakan penswastan dengan harapan bahawa dengan adanya penswastan kita lebih efisien, itu harapan kita dan itu sepatutnya berlaku tetapi kadang-kadang seperti biasa, penswastan itu tidak meningkatkan keefisiennya.

Walau bagaimanapun, saya kira kalau diswastakan sudah tentulah langkah-langkah yang boleh kita jalankan, syarikat yang berkenaan tak tahu siapa lagi boleh mempertingkatkan keefisiennya. Jadi, pencemaran sama ada cukup air atau tidak ataupun ketiga, efisiensi dan keempat ialah yang dipertikaikan adalah sama ada syarikat yang akan mendapat penswastan itu sama ada dia mampu atau tidak menjalankan usaha-usaha penswastan ini.

Saya kira ini sudah tentulah pihak kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Selangor mengkaji sedalam-dalamnya syarikat yang ini sama ada mereka mempunyai keupayaan atau kemampuan untuk menjalankan usaha penswastan ini dan sudah tentu kalau difikirkan dan didapati ia

berkeupayaan dan berkemampuan sudah tentulah syarikat yang mempunyai ciri itu akan diberi usaha penswastan ini.

Saya kira lebih kurang itu sahaja yang telah dibangkitkan, walaupun perkara-perkara lain yang kecil-kecil yang saya kira tidak perlu ada jawapan, kalau perlu pun saya boleh beri kemudian. Saya sekali lagi mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 1997

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

7.25 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini bagi memastikan bahawa proses pengeluaran saman persendirian dan perjalanan pendakwaan di mahkamah adalah selaras dengan Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini seksyen 133 hingga 136 Kanun Tatacara Jenayah membenarkan Majistret mengeluarkan saman atas aduan mana-

mana orang persendirian. Di bawah peruntukan yang sedia ada, saman bagi maksud itu dikeluarkan dan pendakwaan dimulakan tanpa pengetahuan Pendakwa Raya.

Peruntukan seksyen 133 hingga 136 ini dicabar dalam suatu kes di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur baru-baru ini iaitu kes No. 854797 antara lain atas alasan bahawa peruntukan itu bertentangan dengan Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan.

Sekiranya Pendakwa Raya dilibatkan dalam proses pengeluaran saman persendirian, maka adalah dijangkakan bahawa cabaran seperti dalam kes yang disebutkan tadi tidak akan berbangkit lagi.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan untuk memastikan bahawa Pendakwa Raya dilibatkan dalam proses pengeluaran saman persendirian ialah pindaan kepada seksyen 133, 134 dan 135 Kanun Tatacara Jenayah.

Melalui pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 133 dalam Fasal 2 Rang Undang-undang ini, Majistret yang hendak mengendali sesuatu permohonan daripada seseorang pengadu supaya saman dikeluarkan bagi sesuatu kesalahan hendaklah memberikan notis kepada Pendakwa Raya tentang aduan yang diterima olehnya dan tarikh dia akan memeriksa pengadu itu. Pendakwa Raya akan berhak hadir dan membantu Majistret dalam pemeriksaan pengadu itu.

Pendakwa Raya juga boleh mengarahkan supaya polis menyiasat kesalahan yang diadukan. Jika arahan yang sedemikian diberikan maka Majistret tidak boleh meneruskan pemeriksaan pengadu itu. Kes ini akan menjadi kes polis.

Melalui pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 134 dalam Fasal 3 Rang Undang-undang, Pendakwa Raya akan juga diberi peluang untuk hadir dan membantu Majistret semasa Majistret itu menjalankan siasatan jika Majistret itu tidak berpuas hati bahawa aduan yang dibuat itu benar.

Jika majistret mengarahkan siasatan sedemikian dijalankan oleh pihak polis seperti yang dibenarkan sekarang oleh seksyen 134 itu, maka pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 134 akan menghendaki pihak polis memberikan laporan tentang siasatan itu, tidak sahaja kepada majistret itu tetapi juga kepada pendakwa raya.

Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 135 dalam Fasal 4 Rang Undang-undang bertujuan membolehkan pendakwa raya menghentikan proses pendakwaan dalam kes saman persendirian selaras dengan kuasa yang diberikan kepadanya di bawah Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, pada 2 Oktober 1997 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membuat penghakiman dalam kes Repco Holdings Bhd. lawan Pendakwa Raya yang mengatakan bahawa peruntukan dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 adalah bertentangan dengan Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan dan oleh itu tidak sah. Peruntukan dalam kedua-dua akta itu membenarkan pendakwaan dijalankan oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti. Menurut mahkamah, kuasa untuk menjalankan pendakwaan terletak hanya pada pendakwa raya dan oleh itu hanya pendakwa raya dan orang yang diberi kuasa atau dibenarkan oleh pendakwa raya sahaja yang boleh menjalankan pendakwaan.

Ekoran daripada keputusan dalam kes ini, beberapa cabaran telah dibuat di mahkamah terhadap pendakwaan dalam kes-kes di bawah undang-undang yang lain yang mempunyai peruntukan yang serupa dengan peruntukan yang dipertikaikan dalam kes Repco. Contohnya kes saman No. 63/58/97 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur yang melibatkan pendakwaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Adalah dikhuatiri bahawa cabaran-cabaran yang dibuat itu akan menggagalkan tindakan penguatkuasaan di negara ini. Ada dua pilihan untuk mengatasi keputusan kes Repco, iaitu:

- (a) meminda Kanun Tatacara Jenayah; atau
- (b) meminda semua undang-undang yang mempunyai peruntukan yang serupa dengan peruntukan yang dipertikaikan dalam kes Repco.

Kerajaan berpendapat bahawa adalah lebih menyeluruh dan mudah jika pindaan dibuat kepada Kanun Tatacara Jenayah.

Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 377 dan 380 iaitu dalam Fasal 6 dan 8 Rang Undang-undang ini akan memastikan bahawa hanya orang-orang tertentu yang diberi kuasa secara bertulis oleh pendakwa raya akan boleh menjalankan pendakwaan di mahkamah. Bagaimanapun, bagi kes-kes saman persendirian, peruntukan sedia ada yang membolehkan orang itu menjalankan pendakwaan sendiri atau melalui peguam adalah dikekalkan.

Bagi memastikan bahawa peruntukan dalam undang-undang lain yang tidak selaras dengan keputusan dalam kes Repco itu dapat diatasi, adalah

dicadangkan dalam Fasal 9 Rang Undang-undang ini supaya suatu seksyen baru iaitu seksyen 380A dimasukkan ke dalam Kanun Tatacara Jenayah untuk menjadikan peruntukan seksyen 377 dan 380 mengatasi peruntukan undang-undang lain itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, adalah difikirkan wajar bahawa semua pendakwaan di mahkamah dikendalikan oleh pegawai yang khusus dilantik untuk menjalankan pendakwaan. Bagi memperkemaskan urusan pengendalian pendakwaan oleh pegawai sedemikian, adalah dicadangkan supaya pegawai itu menjalankan tugas pendakwaan yang sesuai dengan pengalaman dan skim jawatan mereka.

Bagi maksud penyusunan dan pembahagian tugas sedemikian, adalah dicadangkan dalam Fasal 5 Rang Undang-undang ini supaya seksyen 376 Kanun Tatacara Jenayah dipinda untuk membolehkan Penolong Pendakwa Raya, Timbalan Kanan Pendakwa Raya dilantik.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari pindaan yang dinyatakan tadi, Rang Undang-undang ini juga dibentangkan dengan tujuan untuk memastikan bahawa hanya Pendakwa Raya, Timbalan Kanan Pendakwa Raya dan Timbalan Pendakwa Raya berhak mengendalikan rayuan kes jenayah. Ini adalah selaras dengan amalan yang sedang berjalan sekarang. Pindaan yang dimaksudkan ialah pindaan kepada seksyen 378 Kanun Tatacara Jenayah seperti yang terdapat dalam Fasal 7 Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Rang Undang-undang ini juga mencadangkan sedikit pindaan kepada seksyen 422 Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen itu memelihara sesuatu keputusan, hukuman atau perintah yang dibuat oleh mahkamah daripada diataskan atau dipinda semata-mata atas alasan terdapat ketakteraturan atau kesilapan dalam aduan, saman, waran, pertuduhan, penghakiman, penyemakan senarai juri atau pengapit, kelayakan juri atau pengapit, arahan kepada juri atau pengapit dan sebagainya asalkan ketakteraturan itu tidak menjejaskan keadilan. Pindaan yang dicadangkan ialah:

- (a) masukkan sebutan tentang keizinan pendakwa raya memandangkan bahawa keizinan pendakwa raya diperuntukkan dalam seksyen 177A Kanun Tatacara Jenayah bagi kes yang dahulunya dibicarakan dalam perbicaraan dengan juri atau pengapit; dan

- (b) mengeluarkan peruntukan yang berkaitan dengan juri dan pengapit berikutan dengan penghapusan perbicaraan dengan juri dan pengapit.

Pindaan ini tidak dapat dibuat sebelum ini kerana peruntukan dalam seksyen 422 itu masih perlu bagi maksud perbicaraan sedemikian yang belum selesai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Jelutong.

7.36 mlm.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya tertarik dengan Fasal 6 khasnya dalam rang undang-undang ini. Fasal 6 rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 377 Kanun supaya selain daripada Pendakwa Raya, Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Timbalan Pendakwa Raya dan Penolong Pendakwa Raya hanya orang-orang yang dinyatakan dalam seksyen itu yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya boleh menjalankan pendakwaan dalam mana-mana mahkamah dan pihak-pihak lain yang ada diberi kuasa selepas mendapat authorisation in writing dalam seksyen 6 itu termasuk an advocate.

Peruntukan ini, Tuan Speaker, adalah satu peruntukan yang baik, satu peruntukan yang dialu-alukan. Tetapi saya harap pendakwa raya iaitu Peguam Negara apabila menggunakan budi bicara untuk memberi satu authorisation consent kepada seorang peguam untuk menjalankan pendakwaan adalah bukan kepada kes-kes kecil sahaja tetapi termasuk kes-kes bunuh, pengedaran dadah dan sebagainya di Mahkamah Tinggi. Kerana amalan sekarang, dalam pengalaman saya, mendiang David Marshall seorang yang ada diberi to prosecute on affair dalam satu kes yang serius tetapi selepas itu tidak ada kes lain di mana seorang peguam ada diberi kuasa itu.

Saya memberi satu contoh. Tuan Speaker, kerana sekarang walaupun ada beberapa Timbalan Pendakwa Raya yang berkaliber tetapi ada beberapa orang lain yang tidak berkeupayaan untuk

menjalankan satu kes serius dalam Mahkamah Tinggi. Saya memberi contoh kes Sarjit Kaur ini. Baru-baru ini di Mahkamah Tinggi Shah Alam, Sarjit Kaur ini ada didakwa membunuh suaminya, Marit Singh, tetapi pendakwaan gagal untuk membuktikan satu kes beyond reasonable doubt untuk membolehkan pembelaan dipanggil, kenapa? Di dalam kes itu, Tuan Speaker, dan saya mengisytiharkan kepentingan saya mengikut Peraturan Mesyuarat, saya menjadi pemerhati bagi the family of the deceased, Marit Singh. Kes itu adalah satu kes di mana ada bukti yang kuat tetapi Sarjit Kaur ini dilepaskan. Ini adalah satu kes di mana, dengan izin, you not only get away with murder but get away with the property of the person you murder. Kerana jika beliau ada disabit, ia tidak ada berhak untuk mendapat apa-apa dari estet mendiang Marit Singh.

Dalam kes ini, Tuan Speaker, ada satu bahan yang kuat, satu senjata yang kuat yang ada dalam milik pendakwaan tetapi tidak digunakan, iaitu satu caution statement. Dalam caution statement itu Sarjit Kaur mengaku beliau yang tetak leher suaminya yang mengakibatkan kematian dia, tetapi caution statement itu langsung tidak ada digunakan, kenapa? Bolehkah satu siasatan dibuat kenapa Pendakwa Raya, Timbalan Pendakwa Raya yang ditugaskan untuk menentukan Sarjit Kaur ini disabitkan, kenapa bahan itu tidak digunakan?

Ini jadi satu contoh di mana seorang peguam yang senior jika diberi satu kuasa untuk conduct a prosecution dalam Mahkamah Tinggi untuk boleh berjaya bagi kepentingan negara. Justice must not only be for the accused but also for his sake. Ini boleh ditentukan jika kuasa diberi kepada seorang peguam who is in private practice dan ini bukan satu keadaan luar biasa kerana di England beberapa Q.C. ada ditugaskan untuk conduct prosecution in the Crown Court dan pendakwaan ada berjaya dalam kes-kes tertentu dan kes-kes yang serius. Saya harap pendakwa raya menggunakan kuasa yang ada diberi kepada dia sekarang dengan baik. Selain daripada itu, pendakwa raya sendiri meneliti kes-kes yang serius untuk menentukan ada pendakwaan.

Khasnya, Tuan Speaker, ini adalah satu perkara yang saya ada bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini pada 22 Oktober tahun ini. Ini adalah mengenai dua surat yang ada ditulis, dua aduan yang dibuat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Satu adalah ini, Tuan Speaker, jika saya boleh baca, '*Pengakuan Bersumpah oleh seorang, Azizan bin Abu Bakar*'. Pada 22 Oktober, saya tidak memberi

butir-butir surat sumpah ini dan saya ada merayu kepada Timbalan Perdana Menteri untuk mengambil tindakan. Apa yang beliau ada menjawab ialah bahawa perkara ini ada dalam tangan Peguam Negara. Oleh itu, beliau tidak terjejas dengan apa yang ada dibuat oleh Peguam Negara dan menunggu keputusan Peguam Negara.

Tuan Speaker, hari ini adalah hari yang akhir persidangan Dewan ini. Sampai sekarang tidak ada mendapat apa-apa daripada Peguam Negara mengenai perkara ini. Tohmahan yang ada dibuat ke atas Timbalan Perdana Menteri adalah serius, saya baca bukan semua bahagian, tetapi apa yang penting di sini:

'Pengakuan Bersumpah

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih, saya Azizan bin Abu Bakar dengan ini membuat pengakuan bersumpah bahawa saya telah menjadi mangsa hubungan sejenis yakni homoseksual dengan Anwar bin Ibrahim yang kini memangku jawatan Timbalan Perdana Menteri. Perbuatan terkutuk ini telah dilakukan untuk beberapa kali sekitar tahun 1992 tanpa kerelaan saya. Ianya kerap berlaku di hotel-hotel mewah seperti PJ Hilton, Hyatt Saujana dan Holiday Villa tanpa pengetahuan umum dan isterinya. Buat makluman, saya merupakan bekas pemandu peribadi kepada isterinya iaitu Datin Seri Wan Azizah.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh: Ada yang lain di sini, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh: Walaupun cukup?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Tetapi penting.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, mana boleh baca surat terbang dalam Dewan ini?

Tuan R. Karpal Singh: Bukan terbang, ini adalah satu surat bersumpah, bukan surat layang.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Itu surat terbang, surat layang, bukan suruh awak baca dalam Dewan.

Tuan R. Karpal Singh: Ini bukan surat layang, ini ada dihantar.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, saya tidak memberi jalan kepada dia.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya juga point of order.

Tuan R. Karpal Singh: Apa point of order?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: You baca surat terbang.

Tuan R. Karpal Singh: Ini bukan surat layang, bukan surat terbang, tetapi surat yang dihantar kepada Perdana Menteri. Boleh baca ini surat sumpah.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:....surat itu ada pada Yang Berhormat.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena, cukuplah.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:....itu surat terbang juga.

Tuan R. Karpal Singh: Surat sumpah, surat terbang kepada Perdana Menteri, sekarang dalam tangan Peguam Negara.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan semua orang dapat.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:....dia baca surat terbang.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya stoplah.

Tuan R. Karpal Singh: Ini bukan surat terbang, Tuan Speaker.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Mengapa bukan surat terbang supaya semua orang dapat?

Tuan R. Karpal Singh: Ini surat terbang?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Buktikan. Saya boleh panggil orang ini, Azizan bin Abu Bakar ke Dewan ini.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Surat terbanglah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat, cukup.

Tuan R. Karpal Singh:.....sedia untuk memanggil dia ke sini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah. Saya sudah stop dia. Sila Yang Berhormat berucap kepada perkara yang lain.

Tuan R. Karpal Singh: Kelakuan yang tidak baik, Tuan Speaker, tidak dapat kebenaran daripada Tuan Speaker, keriau sampai seorang gila, tidak boleh.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Menyampuk]*

Tuan R. Karpal Singh: Ini satu the mark.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat, perkataan 'gila' itu tidak patut.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat gunakan perkataan 'gila' itu tidak patut.

Tuan R. Karpal Singh: Apa mereka cakap 'kurang ajar' sekarang ini. Jangan jadi kurang ajar.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:.....pasal Benggali itu terlepas.

Tuan R. Karpal Singh: Tengok itu, Tuan Speaker.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan cukup. Immature people in the Dewan.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Point of order 36(6).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada point of order, nanti sekejap.

Tuan R. Karpal Singh: Jika ada point of order atau mahu minta jalan, ada cara dalam Peraturan Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia point of order dahulu, Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Suruh dia bercakap.

Tuan R. Karpal Singh: You shut up.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: You shut up. You bloody shut up. Let down.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, apa point of order?

Tuan R. Karpal Singh: Barangkali you mahu lawan sekarang?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Apa, you lawan siapa? You say, what shut up. I also can say you bloody shut up.

Tuan R. Karpal Singh: Say in proper, in good English.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Good English, good bloody English, Benggali punya English. *[Ketawa]*

Tuan R. Karpal Singh: Maturity.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ahli Dewan Rakyat bagi UMNO.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Apa, you mahu apa?

Tuan R. Karpal Singh: Tengok.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat. Temper down, temper down.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan cukup, ini gambarkan kaliber, kualiti ahli Dewan Rakyat dari Barisan Nasional.

Beberapa Ahli: *[Sorak]*

Seorang Ahli: Point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, point of order di sana, di belakang itu.

Tuan R. Karpal Singh: Jangan takut di dalam Dewan ini apa yang harus dibongkarkan, harus dibongkarkan tanpa ketakutan dari mana-mana kuasa, Perdana Menteri, Timbalan atau siapa dia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Kuala Pilah.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir eloklah kita redakan Dewan ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Mintalah redakan ya.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:.....dan saya menarik perhatian kepada Peraturan Mesyuarat 36(6) bahawa sangkaan jahat tadi yang dia kata 'gila' itu saya harap ditarik balik.....

Tuan Yang di-Pertua: Yalah, perkataan 'gila', Yang Berhormat Jelutong.....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:.....dan sangkaan jahat di bawah 36(4).

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau macam itu saya tak.....

Tuan R. Karpal Singh: Bukan point ini. Seorang gila juga boleh buat demikian.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah Peguam Negara mengambil tindakan dalam perkara ini. Pertama, mendakwa orang yang menulis surat ini jika apa yang ada dalam surat ini tidak benar. Bolehkah seorang Timbalan Perdana Menteri biarkan apa yang serius seperti ini dalam satu surat bersumpah, boleh?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat ada point of orderkah?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Point of order?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, di dalam membincangkan masalah ini dia mula membawa kes-kes yang spesifik. Saya tidak tahu di bawah peraturan mana, tetapi kalau boleh, limitkanlah Yang Berhormat, oleh kerana saya tidak tahu apa motif di sebalik Yang Berhormat cuba menghuraikan perkara yang dibuat di dalam Dewan ini kalau tidak mempunyai motif yang jahat. Jadi,

saya rasa kita jangan mencari kekeruhan. Itu sahajalah, minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh: Kenapa saya membangkitkan, Tuan Speaker, adalah berekoran apa yang disuarakan oleh Timbalan Perdana Menteri sendiri bahawa perkara ini ada dalam tangan Peguam Negara dan beliau menunggu keputusan itu.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah.

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang saya bangkitkan hari ini, sampai hari ini tidak dapat keputusan daripada Peguam Negara, kenapa? Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah barangkali Timbalan Menteri boleh menjawab, kita tidak tahu. Ada apa-apa benda yang lain, Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh: Benda yang lain, Tuan Speaker, adalah mengenai kes di Shah Alam ini yang ada dikendalikan oleh Hakim Visu Sinnadurai. Adakah hakim itu ditukar ke Tawau kerana kes ini?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah hakim itu letak jawatan? Saya mahu dapat tahu, Tuan Speaker, daripada Timbalan Menteri yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak berkenaan dengan akta kita.

Tuan R. Karpal Singh: Kerana dia yang mengendalikan kes itu yang saya beri sebagai contoh tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa kita ini di atas prosedur tatatertib tatacara jenayah, Yang Berhormat. Berkenaan sesiapa yang kena ditukarkan ke tempat lain, tidak bersangkutan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah kerana kes itu, Tuan Speaker, apa yang saya memberi contoh tadi, ada kaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Noh bin Omar: Sudah cukup, duduk.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Sudah, apa tengok?

Tuan R. Karpal Singh: Macam mana ini orang dibenarkan dalam Dewan ini.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Bintulu.

7.50 mlm.

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Undang-undang buatan manusia tidak pernah sempurna dan lengkap. Undang-undang itu perlu dipinda dari masa ke semasa untuk dikemaskinikan serta memberi perlindungan pihak terbabit. Rang Undang-undang ini untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah tidak terkecuali. Kali ini ia dibentang untuk meminta sokongan Dewan bagi menutup kelemahan yang terdapat dalam kanun yang ada iaitu berhubung dengan hak orang ramai, orang perseorangan untuk membuat prosiding jenayah atas nama persendirian.

Tuan Yunus bin Rahmat: Bagi lawyer cakap, sudahlah.

Tuan Chiew Chiu Sing: Biasanya apabila mahkamah membuat interpretasi undang-undang dalam membuat sesuatu penghakiman yang mana ia tidak begitu jelas terpahat dalam akta, undang-undang dan kanun yang ada, maka kerajaan tidak teragak-agak bertindak mem'bulldoze'kan pindaan supaya kedudukan kerajaan terutama dalam kes ini pendakwa raya terselamat dan terjamin.....

Tuan Yunus bin Rahmat: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan?

Tuan Chiew Chiu Sing: Tidak.

Tuan Yunus bin Rahmat: Sekejap sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Tuan Chiew Chiu Sing:.....dan terjamin.....

Tuan Yunus bin Rahmat: DAP, Tuan Yang di-Pertua, beri lawyer cakap, sudahlah, dia bukan tahu apa? [Ketawa] Beri lawyer itu kawan dia, lepas ini kawan dia hendak bangun pula. Dia tidak hendak balik ini.

Tuan Chiew Chiu Sing: You diberi jalankah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelebu, saya rasa bukan lawyer pun boleh bercakap, tak apa ya. [Ketawa]

Tuan Chiew Chiu Sing:.....dan terjamin tanpa mengambil kira kesan yang dideritai oleh pihak yang memulakan saman persendirian. Ini jelas terbukti dengan cadangan pindaan ini dalam Fasal 2 yang bertujuan meminda seksyen 133 Kanun bagi

menggantikan subseksyen (1) yang ada dengan subseksyen baru yang bermaksud pendakwa raya akan dimaklumkan tentang permulaan apa-apa prosiding saman persendirian yang mana pendakwa raya hendaklah dimaklumkan secara bertulis dalam tempoh tidak kurang tujuh hari.

Peruntukan ini seolah-olah menafikan bidang kuasa dan kebebasan majistret kerana jika notis bertulis tidak disampaikan oleh majistret kepada pendakwa raya, siasatan atas aduan oleh pemula saman persendirian tidak boleh dilakukan seperti tersebut dalam Fasal 2(c) yang berbunyi, '*the magistrate shall not proceed to examine the complainant unless the notice required by paragraph (b) has been served on the public prosecutor in accordance with that paragraph*'. Begitu juga majistret tidak boleh meneruskan siasatan sesuatu aduan jika pendakwa raya mengarahkan polis menyiasat sesuatu aduan yang berkaitan.

Ini bererti kewujudan peruntukan ini memihak kepada pendakwa raya dan menyekat kebebasan majistret untuk menjalankan siasatan sendiri sesuatu aduan saman persendirian. Pihak orang ramai yang membuat saman dan aduan tidak boleh pergi ke mana-mana kerana sekatan baru ini. Mengapakah majistret tidak diberikan kebebasan menyiasat, mengapa perlu di depan seorang pendakwa raya sendiri. Jika kes ini melibatkan kes polis dan pendakwa raya memberi arahan polis menyiasat pula sesuatu aduan, jika hasil siasatan menunjukkan atau membuktikan butir-butir aduan tidak lengkap atau sebab-sebab tertentu, bererti siasatan itu tertolak dengan sendiri ataupun pendakwa raya menyerahkan kepada polis untuk siasatan dan hasil siasatan polis menunjukkan tidak benar dan perlu ditolak, maka majistret tidak boleh memulakan siasatan dan seterusnya membenarkan suatu saman difailkan.

Implikasi peruntukan rang undang-undang akan menyekat hak rakyat membuat saman persendirian yang selama ini mereka boleh melakukannya. Jika polis mendapati siasatan di atas patut ditolak, pihak majistret tidak boleh berbuat apa-apa dan malanglah bagi rakyat yang mengambil saman persendirian itu kerana tidak boleh menyaman sesiapa yang didapati bersalah atau tersilap. Rakyat yang teraniayai oleh keganasan polis seperti didera dalam lokap, tidak boleh membuat saman persendirian. Semua lapisan rakyat seperti penjaja, petani, setinggan yang merasa mereka dianiayai secara jenayah tidak boleh mendapat pembelaan.

Jika dalam sesuatu perbicaraan asal berkesudahan kes mereka ditolak oleh mahkamah, mereka tidak boleh menuntut bela. Dari satu segi, peruntukan ini memang ada rasional tetapi dari segi lain yang melibatkan kepentingan orang ramai, mereka tidak boleh menuntut pembelaan. Pembelaan itu mestilah diputuskan sendiri oleh pendakwa raya dan polis sendiri, bukan majistret dan undang-undang. Di manakah rakyat hendak mendapat pembelaan selain dari mahkamah sedangkan ruang yang ada telah ditutup. Rakyat tidak lagi boleh bertindak menyaman ke atas kekejaman polis dan pihak berkuasa.

Oleh itu, saya tidak setuju pembatasan hak rakyat membuat saman persendirian. Mestilah ada alternatif lain bagi memberi mereka ruang yang luas membuat dakwaan dan saman bagi menuntut keadilan selagi negara ini bernama demokrasi. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong Karang.

7.56 mlm.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu bercakap banyak, tetapi hendak sentuh sedikit sahaja iaitu mengenai pindaan undang-undang ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah meminda kes ini. Bagi saya kes ini walaupun kes ini berbangkit daripada kes Repco Holdings Bhd. tetapi sesungguhnya pindaan ini akan memberi peluang kepada rakyat di luar bandar untuk mendapat pembelaan yang lebih baik lagi.

Saya ingin menyentuh seksyen 352 dan juga 323, kes ini dipanggil 'non-seizable offence - seksyen 352 (criminal assault) dan seksyen 323 (causing hurt). Sepertimana yang kita sedia maklum, kalau seseorang buat laporan kepada polis, katalah dia kena sepak - kalau Pokok Sena dengan Jelutong tadi bergaduh - kalau dia kena sepak, hari ini kalau pergi report polis, kalau undang-undang ini belum dipinda, polis akan beritahu, dia kata, baiklah, saya akan ambil report, lepas itu encik pergilah mengadu kepada majistret untuk buat private summon.

Jadi, kalau kes Pokok Sena dengan Jelutong, tentulah Jelutong untung sebab dia lawyer, dia tahu macam mana hendak buat private summon melalui majistret. Tetapi Pokok Sena susahlah sedikit, sebab mungkin dia tidak ikut peraturan. Jadi bila pindaan undang-undang ini telah dibuat, maka police report ini boleh diberi kepada majistret dan juga kepada DPP, ini yang penting, dan DPP pula dia boleh

mengarah polis untuk buat penyiasatan mengenai kes yang dilaporkan. Jadi kita harap pindaan ini akan dapat memberi kuasa, lagi satu kuasa yang lebih kepada pihak DPP.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, pihak DPP juga kita harap akan dapat menggunakan budi bicara mereka ini dengan baik apabila mereka menimbangkan sesuatu kes sama ada kes itu patut didakwa ataupun tidak.

Saya ingin membawa satu cerita kisah benar. Tuan Yang di-Pertua, cerita saya ini kerana hendak memuji DPP kerana menggunakan budi bicara yang baik. Kalau DPP salah buat pertimbangan, maka orang yang tidak bersalah ini akan teraniaya. Ada satu kes, satu orang isterinya ikut lelaki lain. Bila pihak suami ini membuat laporan kepada polis, polis ini bila menerima laporan, dia tidak mahu terima report, dia kata, ini sebab isteri encik ini ikut lelaki lain, mungkin ikut boy-friend dia, jadi kamu pergi selesai sendirilah. Jadi pengadu ini tadi, bila dapat arahan polis suruh selesai sendiri, dia pun bawalah geng-geng dia, bawalah kaki pukul. Bila dia cari dua hari, dua malam, maka dia dapatlah di mana isterinya bersembunyi bersama-sama dengan lelaki yang bawa isterinya tadi maka mereka tangkap lelaki ini, sudah tentulah mereka pukul. Dia pukul, dia masukkan ke dalam van dan dia bawa balik.

Apabila ini berlaku, maka isteri kepada lelaki tadi report polis, bila report polis, polis terima report tersebut, maka si suami yang malang ini tadi, sudahlah isterinya dibawa lari, kemudian polis pergi gari dia pula. Polis pula mengecaj dan mendakwa dia di bawah seksyen kidnap, kononnya menculik lelaki tersebut. Jadi, inilah cerita yang sebenar.

Saya hendak membangkitkan cerita ini, maka apabila perkara ini berlaku saya telah mendapat laporan dan telah pun menulis kepada DPP Selangor dan kita minta pertimbangan supaya lelaki yang kena aniaya tadi, sudahlah isterinya dibawa lari, dia hendak kena dakwa dan duduk dalam penjara pula selama tiga hari, hendak disiasat pula kerana kononnya kes culik. Jadi, apabila ini berlaku dan oleh kerana DPP di Selangor membuat pertimbangan yang baik, maka kes ini telah pun dapat diselesaikan dengan baik. Oleh itu saya hendak membangkitkan perkara ini bahawa pihak DPP apabila menerima sesuatu laporan kes diharap dapat dipertimbangkan dengan baik dan dapat mendengar penyiasatan dengan baik supaya pihak yang tidak bersalah tidak dianiaya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Teluk Intan.

8.01 mlm.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai proses pengeluaran saman persendirian. Nampaknya satu proses yang baik pada pandangan saya, kerana dengan pemindaan ini akan membawa check and balance. Akan tetapi.....

Tuan Chiew Chiu Sing: [Menyampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Bintulu tadi kata 'tidak baik', ya.

Tuan M. Kulasegaran: Tidak dengar.

Tuan Yang di-Pertua: Bintulu tadi di dalam ucapannya kata "pindaan itu tidak baik".

Tuan M. Kulasegaran: Itu pandangannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu sebabnya.....

Tuan M. Kulasegaran: Saya ingin kata dari segi check and balance.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan M. Kulasegaran: Tetapi saya ingin kata lebih daripada itu, iaitu kita perlu faham kenapa private summon wujud. Ini adalah kerana bila seseorang report kepada pihak polis, pihak polis tidak mengambil tindakan atau selalunya kes-kes kecil seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang 'sepak' dan sebagainya, police got no time, dengan izin. Jadi 'Refer To Magistrate' (RM) atau membawa kes itu 'No Further Action' (NFA).

Dalam kes-kes macam ini pada pandangan saya lebih kurang 60% kes yang dilaporkan dengan polis adalah kes-kes macam ini. Ini memberi satu ruang kepada pihak-pihak ini untuk membawa kes saman persendirian. Tetapi nampaknya ada beberapa sekatan yang telah dicadangkan. Saya harap sekatan-sekatan yang dicadangkan di seksyen 133(b)(iB). Saya baca, dengan izin:

"(iB) If the Public Prosecutor directs the police to investigate the offence complained of, the Magistrate shall not proceed with the examination of the complainant.";

Yang menjadi masalah adalah, katakan saman persendirian telah dikeluarkan dan siasatan sedang dijalankan di Mahkamah Majistret dan Pendakwa Raya datang dan mengatakan bahawa saya akan menyiasat. Jadi, majistret perlu menghentikan perkara ini. Masalahnya sekarang macam ini. Setakat bilakah Pendakwa Raya dapat menentukan

atau menyiasat dan sampai bilakah kes itu akan habis. Adakah ia 'no time limit' dalam kes-kes macam ini? Itulah yang menjadi perkara yang susah.

Selain dari itu ia juga dalam Fasal 4 - ia memberi kuasa yang penuh kepada Pendakwa Raya untuk mengarahkan majistret bahawa Pendakwa Raya tidak ingin meneruskan kes ini. Saya rasa ini adalah satu seksyen yang tidak berapa baik, kerana memberi terlampau kuasa kepada Pendakwa Raya, akan tetapi seperti yang dikatakan oleh rakan saya dari Jelutong, selepas kes mendiang David Marshall, di negara ini saya ingat jarang atau tidak pernah di mana 'fiat' diberi.

Soalan saya, adakah kerajaan sekarang rela untuk memberi 'fiat' kepada pihak-pihak yang mengkehendakinya supaya satu dengan izin, fair disposal of justice akan bermain di mahkamah?

Selain dari itu saya juga ingin menyentuh mengenai Fasal 5, seksyen 376(b)(iiiA) berbunyi:

"376(b)(iiiA) The Public Prosecutor may appoint fit and proper persons to be Assistant Public Prosecutors,"

Adakah Assistant Public Prosecutors semestinya mereka yang berkecualan jurusan undang-undang? Adakah ia akan dimestikan? Saya harap ia akan dimestikan kerana ini akan membawa lebih standard dalam prosecution di mahkamah-mahkamah.

Selain dari itu saya juga ingin menyentuh mengenai seksyen 377(b)(b)(1). Sebelum itu rakan saya dari Jelutong telah mengatakan di mana peguam-peguam, an advocate akan diberi kuasa untuk mendakwa. Saya ingin kata bukan mengenai perkara itu, iaitu No. (2), (3), (4), (5) dan (6).

"Seksyen 377(2) a police officer not below the rank of Inspector;

(3) an officer of any Government department"

diberi kebenaran untuk mendakwa. Saya rasa oleh kerana di negara kita pada masa ini cukup peguam dan ramai graduan-graduan keluar dari universiti-universiti, kita sepatutnya memestikan bahawa semua orang yang mendakwa di mahkamah adalah sekurang-kurangnya berkecualan Ijazah Undang-undang. Bukan kepada an officer of any Government department, kerana pada pengetahuan saya sendiri, bila ada ramai officers yang datang ke mahkamah yang mula-mula mereka tidak beretika dan mereka tidak berapa fasih, Tuan Yang di-Pertua. Ada juga officer yang datang terus dengan izin, occupied the main Bar table.

Sebenarnya ini adalah satu konvensyen di mana senior council akan meng'occupy' tempat-tempat itu. Selain dari itu mereka juga tidak tahu bahawa bila berada di sana mereka ingin berkata kepada majistret 'Good Morning, Magistrate', 'Good Afternoon, Magistrate' ini semua aneblah, this is not court language, dengan izin. Ada juga officers yang menggunakan perkataan 'okay - okeylah', it is not court language, nampaknya mereka tidak ada cukup training. Jadi, seperti yang Timbalan Menteri mesti tahu bahawa inilah satu perkara yang mustahak, kerana disiplin dan pengajaran undang-undang bukan boleh diperolehi bila berada di mahkamah, lebih-lebih lagi kalau tidak mempunyai Ijazah Undang-undang. Walaupun ini ada sedikit kelonggaran dari seksyen ini, kerajaan akan memestikan bahawa pegawai-pegawai yang dihantar ke mahkamah, kerap kali ke Mahkamah Majistret, sekurang-kurangnya berkelayakan Ijazah Undang-undang, lebih-lebih lagi di masa resesi ini, ramai peguam tidak ada kerja, jadi kita boleh lantik dari kalangan mereka.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin mengatakan mengenai kes criminal yang dibawa ke mahkamah. Saya ingin menyentuh mengenai majistret-majistret, di mana baru-baru ini saya difahamkan ada satu sistem untuk majistret-majistret di Malaysia iaitu kuota sistem atau statistik. Mereka patut menghabiskan beberapa kes, ini dari segi satu sistem baik, tetapi yang menjadi menjadi masalah I'll give specific, Tuan Yang di-Pertua. Misalnya di Sungai Besar baru-baru ini, di mana saya berada di sana, saya tidak menjalankan case criminal pada hari itu, tetapi saya nampak enam kes telah dimulakan oleh majistret.

Saya sendiri menyiasat melalui juru bahasa dan saya difahamkan beliau telah di'post' atau dihantar ke Sungai Besar dua bulan dahulu dan untuk mendapat satu sistem di mana hari-hari kes dijalankan. Setakat itu baik, tetapi yang menjadi masalah adalah enam kes criminal dimulakan satu hari, satu saksi sahaja dipanggil, lain-lain saksi tidak dipanggil kerana beliau ingin dari segi statistik supaya mengadakan sekurang-kurangnya lima atau enam kes seperti masalah SSB dan sebagainya. Yang menjadi masalah adalah - dari enam kes, yang mana saya berada di mahkamah Sungai Besar, tiga daripadanya adalah terlibat dengan peguam yang defend kes-kes accused atau yang kena tuduh. Mereka terpaksa berada di mahkamah hingga pukul 3.30 petang untuk mendapatkan arahan adakah kes itu akan dijalankan atau tidak?

Selain dari itu saya juga difahamkan bila satu saksi saya dipanggil untuk satu kes, saksi-saksi lain juga ada di mahkamah, jadi kita membazirkan wang. Selain dari itu untuk identification dan sebagainya, bila di'postponed' ke tarikh yang lain, semua saksi perlu datang balik ke mahkamah. Ini mungkin satu cara kita hendak cari supaya mengarahkan kepada majistret yang mana Tuan Yang di-Pertua lebih arif di dalam perkara semacam ini. Bila memulakan kes diharap dapat dihabiskan supaya jangan membazirkan wang kerajaan, masa peguam-peguam sehingga berada di mahkamah pukul 3.30 petang baru diberitahu oleh majistret, kes ini tidak dijalankan - kes ini tidak akan dijalankan, jadi you boleh balik. Jadi, saya rasa tindakan perlu diambil.

Sebelum saya habiskan Tuan Yang di-Pertua, ada lagi satu perkara yang spesifik. Di Sungai Petani ada satu majistret yang baru dilantik, apa yang dikatakan di bench itu tidak boleh didengar langsung - tidak boleh dengar, dia cakap sendiri. Bila kita tanya apa itu? Apabila seseorang telah disabitkan enam bulan penjara dan RM300 fine. Pada masa itu unluckily saya pun berada di sana, dia tunjuk macam ini [*sambil menunjukkan isyarat*], saya pun tengok macam mana, hendak tanya juru bahasa. Jadi, saya tanya pada juru bahasa mengapa mereka tidak memberitahu, tidak perlulah, ini sistem dia. Inilah yang menunjukkan kebanyakan majistret-majistret yang dihantar ke seluruh Malaysia ini, saya setuju ramai majistret yang above - very good tetapi ada yang kurang berkelayakan dari segi menjalankan tugas. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerana kebanyakan peguam-peguam yang dihantar untuk menjadi majistret adalah terus dari universiti, yang kurang mahir, yang tidak matang dan sebagainya.

Saya harap kerajaan akan mengambil tindakan supaya mereka dihantar untuk menjadi Federal Council selama dua-tiga tahun dan selepas itu dihantar ke Mahkamah Majistret.

Dalam perkara ini juga saya ingin mengatakan 'justice must not be hurried'. 'Justice hurried is justice denied', ini sangat mustahak. Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberitahu bahawa oleh kerana majistret-majistret menjalankan tugas macam ini di mahkamah tidak memberi satu confidence kepada orang-orang yang datang, kerana nampaknya tidak perlu seorang majistret beragresif, tetapi apa yang dia cakapkan patutlah didengar, boleh didengar sekurang-kurangnya oleh peguam - ini mustahak. Kalau itu pun tidak boleh Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini akan memberi satu pandangan yang tidak baik kepada orang ramai.

Saya harap tindakan dapat diambil dan satu penjelasan dapat dibuat oleh Timbalan Menteri.

Saya juga ingin menyentuh mengenai.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan M. Kulasegaran: Satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukup - sudah 10 minit.

Tuan M. Kulasegaran: Pada hari itu Timbalan Menteri telah mengatakan saya akan dibenarkan membangkitkan Seksyen 42 Legal Profession Act.....

Tuan Yang di-Pertua: Itu dia kata, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Dia akan setuju Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan M. Kulasegaran: Object to the Bar dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah 10 minit. Baiklah, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Minta jangan panjang sangat, Yang Berhormat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

8.12 mlm.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Jelutong, Bintulu, Tanjong Karang dan Teluk Intan. Jadi, penggulungan saya pendek sahaja.

Pertamanya, Yang Berhormat dari Jelutong ada membangkitkan supaya Pendakwa Raya tidak akan hanya memberikan kes kecil sahaja kepada advocate kalau diberi 'fiat' untuk mendakwa. Saya percaya dalam Rang Undang-undang ini tidak ada apa-apa sekatan dan halangan berkenaan kes-kes siapa yang boleh diberi ataupun tidak. Jadi, saya rasa sudah tentulah kalau suasana memerlukan saya percaya bahawa dalam apa kes sekali pun jenayah sudah tentu kalau keadaan memaksa kita akan memberikan advocate untuk mendakwa kes-kes ini.

Yang Berhormat juga ada menyebut berkenaan dengan soal kes Mareet Singh. Saya ingin menjelaskan iaitu bahawa oleh kerana ada rayuan kepada keputusan kes ini, jadi saya ingat, saya tidak boleh bercakap lebih daripada itu kerana ada kes rayuan terhadap keputusan ini.

Berkenaan dengan affidavit yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Jelutong bahawa ianya telah pun dihantar kepada Timbalan Perdana Menteri, jadi saya kira sudah tentulah Timbalan Perdana Menteri tidak akan dapat berbuat apa-apa kerana affidavit itu adalah berkenaan dengannya. Jadi, kalau dia menjawab sendiri adalah tidak kena, sebab itulah dia tidak menjawab. Kalau sekiranya perkara itu telah pun dihantar kepada Pendakwa Raya sememangnya patut dihantar kepada Pendakwa Raya dan sudah tentu ianya akan memakan masa sedikit untuk disiasat. Jika sekiranya ia tidak disiasat saya percaya Pendakwa Raya mempunyai hak untuk tidak mendakwa atas kepentingan awam dan juga atas kepentingan negara, sebab itu kita tidak tahu apa sebenarnya.

Saya tidak dapat memberikan penjelasan yang mungkin memuaskan Yang Berhormat dari Jelutong ini. Yang Berhormat dari Bintulu menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini akan menyekat soal kebebasan majistret untuk melakukan pendakwaan, penyiasatan dan lain-lain. Tetapi Yang Berhormat dari Bintulu saya hendak memberitahu bahawa kita meminda Rang Undang-undang ini kerana peruntukan itu bertentangan dengan Perlembagaan. Jadi, sama ada ia menyekat atau tidak menyekat, tetapi kalau ia bertentangan dengan Perlembagaan kita kena pinda, sebab dia memang tidak boleh buat perkara itu pun. Oleh itu tidak berbangkit soal bahawa ini menyekat majistret, yang dahulunya boleh buat, tetapi sekarang tidak boleh buat. Tetapi soalnya orang sudah bangkit, bahawa pendakwaan mesti dibuat oleh Pendakwa Raya, bukan oleh majistret. Jadi, ia bertentangan dengan Perlembagaan dan kita tidak ada pilihan melainkan untuk meminda perkara ini.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang, apa yang diperkatakannya semuanya okay - bagus, terima kasihlah. Yang Berhormat dari Bintulu ada menyentuh sedikit berkenaan dengan tempoh tujuh hari dikatakan terlalu singkat dan tidak munasabah. Ianya munasabah sebab kalau kita membuat terlalu panjang, ini akan melambat dan menangguhkan kes. Jadi tujuh hari itu sedang eloklah.

Sebenarnya kita tidak menyekat dengan membuat pindaan ini, ia tidak bermakna bahawa kita menyekat orang daripada membuat saman

persendirian. Dalam soal siasatan sebagai contoh, kalau dahulu majistret boleh siasat, jika tidak lengkap pun tidak boleh juga buat kes. Saya ingat ini tidak berbangkit soal mengatakan bahawa kerana majistret sudah tidak boleh menyiasat sekarang, jadi ini tidak memberikan hak kepada rakyat - saya ingat tidaklah. Dahulu pun pada masa majistret boleh menyiasat, kalau tidak lengkap kes pun tidak boleh, tidak ada kes juga. Jadi, apa Yang Berhormat sebut itu adalah tidak benar dan ianya tidak menyekatkan hak rakyat, kerana perkara saman persendirian masih lagi boleh dibuat, cuma pendakwaan itu sahaja yang hendak dibuat oleh Pendakwa Raya.

Yang Berhormat dari Teluk Intan membangkitkan berkenaan dengan sekatan kepada saman persendirian. Saya ingat sebenarnya tidak ada apa-apa sekatan. Saman persendirian masih lagi boleh diteruskan dan yang kita pinda ini ialah cuma untuk memastikan supaya selaras dengan Perlembagaan Malaysia, bukan kita mengharamkan saman persendirian ini. Berkenaan dengan tempoh masa saya ingat, polis pun memang ada had atau tempoh masanya, dia tidak boleh buat sampai bila-bila.

Saya kira kalau Yang Berhormat dari Bintulu sebut bahawa dahulu boleh kalau tidak report pada polis, polis tidak siasat, jadi boleh pergi ke majistret, tetapi sekarang ini pula macam mana? Sebenarnya sekarang ini report kepada majistret juga. Kalau polis tidak membuat siasatan, buat saman persendirian kepada majistret, majistret boleh siasat, tetapi lebih baik lagi kerana pendakwa ada di situ. Pendakwa ada maknanya benda itu sudah menjadi rasmi, jadi tidak boleh main-mainlah. Saya ingat ini adalah satu pindaan yang baik, yang kita lakukan. Yang Berhormat juga bertanya berkenaan dengan Assistant Public Prosecutor (APP). Kerajaan bercadang untuk melantik APP ini daripada yang berkecuali undang-undang sahaja yang dilantik bagi memastikan tahap pendakwaan itu adalah ditahap yang memuaskan.

Berkenaan dengan Yang Berhormat sebut seksyen 377(b) iaitu pendakwaan boleh dibuat oleh government department; officer of any local authority. Saya kira, Yang Berhormat, kerajaan terlalu besar, banyak jabatan dan kadangkala kalau kita berkelulusan undang-undang, kita mungkin tahu mengenai prosedur-prosedur di dalam mahkamah. Tetapi yang detailnya kita tidak tahu, technicalities misalannya macam dalam pemberian tender Telekom sebagai contoh. Kalau peguam pergi dia tahu tentang prosedur dalam mahkamah, tetapi technicalities dalam Telekom sendiri dia tidak tahu,

perjalanan tender macam mana. Sebab itu kadangkala oleh kerana kekurangan guna tenaga kerja di kalangan kita, adalah lebih baik kita menyerahkan pendakwaan ini kepada pegawai kerajaan daripada department itu kerana dia tahu tentang selok-belok perjalanan di dalam department itu. Kalau sekiranya ada apa-apa berlaku, saya percaya ianya berlaku di dalam mahkamah, kadangkala dia tidak tahu prosedurnya, jadi kita kenalah latih dia. Kita polish dia sedikit, beritahu dia tentang prosedur dalam mahkamah, saya percaya kalau itu merupakan perkara yang dibangkit, saya kira untuk kepentingan keadilan, kita mestilah mengutamakan ilmunya dalam jabatan itu, kerana kelakuannya dalam mahkamah itu dia tidak ada bearing dalam keputusan yang dibuat oleh hakim, kerana pegawai ini dia lebih tahu lagi selok-belok dalam jabatan, jadi macam mana dia hendak mendakwa. Jadi.....

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:
Ya.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, dengan ringkas. Kalau kerajaan memang hendak menghantar seorang katakan officer dari government department, bolehkah memberikan jaminan mereka akan mengadakan, macam pihak-pihak yang hendak menjadi peguambela dan peguamcara, dari segi undang-undang mereka terpaksa menjalankan kursus etika. Bolehkah mereka diberikan kursus etika sebelum pergi ke mahkamah supaya ada tahap yang lebih atau standard yang lebih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:
Tuan Yang di-Pertua, kita ada Institut Latihan Undang-undang (ILKP). Saya percaya itu adalah satu cadangan yang baik dan saya kira boleh kita cadangkan iaitu bagi mereka yang bertujuan untuk mendakwa dan tidak berkelulusan undang-undang, saya kira itu adalah satu perkara yang baik dan boleh kita fikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah kepada semua yang telah berucap dan oleh kerana saya yang penghabisan sekali berucap, saya hendak mengambil kesempatan ini khususnya kepada Tuan Yang di-Pertualah, hendak mengucapkan 'Selamat Tahun Baru' kepada semua, 'Selamat Berpuasa' dan saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan yang lain telah 52 hari duduk di atas itu mendengar kami bercakap.....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bersangkut dengan undang-undang

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okay, tidak apa, tetapi terima kasihlah di kesempatan ini. Kepada rakan-rakan yang beragama Kristian, kita mengucapkan 'Selamat Hari Natal'. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bagi pihak timbalan-timbalan saya dan juga bagi diri saya sendiri, mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas segala kerjasama yang telah pun diberi oleh kami dan juga kepada pegawai-pegawai Parlimen sehingga kita telah pun dapat menguruskan mesyuarat dengan licin dan baik dan dapat menghabiskan semua kerja yang ditugaskan kepada kita. Pada kali ini banyak rang undang-undang yang telah pun kita jadikan undang-undang.

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan juga saya mengambil kesempatan hendak mengucapkan kepada ahli-ahli yang beragama Kristian 'Selamat Hari Christmas' dan pada hujung bulan hadapan kepada orang-orang Islam, saya mengucapkan 'Selamat Hari Raya' dan kepada orang-orang Cina 'Selamat Tahun Baru Cina'.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berharaplah Yang Berhormat sekalian balik dalam sihat walafiat, berjumpa dengan anak isteri sekalian dan kita akan berjumpa pula pada bulan Mac tahun hadapan.

Mesyuarat ditangguhkan kepada satu masa yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.25 malam.